

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 13)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 2002	(Halaman 14)
Rang Undang-undang Wang Tidak Dituntut (Pindaan) 2002	(Halaman 41)
Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2002	(Halaman 50)
Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2002	(Halaman 58)
Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2002	(Halaman 64)
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2002	(Halaman 65)
Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2002	(Halaman 66)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 66)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Menghentikan Saman Pengusaha Gerai dan Restoran – <i>Y.B. Tuan Fung Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 67)
Penubuhan Mahkamah Syariah Persekutuan – Pandangan Ketua Hakim Negara – <i>Y.B. Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)</i>	(Halaman 68)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titivangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

Yang Berhormat	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

Yang Berhormat	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M. (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

Yang Berhormat	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A. (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 18 Jun 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah pemaju perumahan yang gagal memohon hak milik strata bagi pembeli pangsapuri mewah, rumah pangsa kos rendah dan bangunan yang melebihi tiga tingkat dan apakah tindakan yang boleh diambil kepada pemaju-pemaju tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah atau perkara yang mengenai pengeluaran hak milik strata adalah di bawah pentadbir pejabat tanah di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, buat masa ini belum lagi menyimpan rekod yang khusus mengenai bilangan pemaju yang gagal memohon hak milik strata seperti yang dibangkitkan.

Maklumat yang tepat tidak dapat diberikan memandangkan kes-kes seperti ini bergantung kepada aduan yang diterima dari pihak pembeli pangsapuri dan rumah pangsa berkenaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan aduan yang diterima, pada tahun 2000, terdapat sejumlah 54 aduan dan 25 aduan bagi tahun 2001 berkaitan hak milik individu dan strata yang diterima oleh kementerian.

Bagi tujuan memperkemas lagi pemantauan ke atas perkara ini, pihak kementerian akan meminta kerjasama Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, kerajaan-kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan supaya rekod pemaju yang belum memohon hak milik strata dapat dikemaskinikan. Di samping itu, sebuah jawatankuasa bersama Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan juga dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diwujudkan bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan urusan dan pembangunan tanah termasuk masalah pengeluaran hak milik strata dan masalah penyelenggaraan bangunan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pihak kerajaan melalui Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah meminda Akta Hak Milik Strata 1965 dengan pindaannya A1107 tahun 2001 bagi memperkemas dan memperketatkan lagi tanggungjawab pemaju untuk memohon hak milik strata.

Setakat ini, di antara tindakan yang telah diambil ke atas kegagalan pemaju untuk memohon hak milik strata ialah mengadakan rundingan dengan pihak pemaju, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta pihak pembeli supaya pengeluaran hak milik strata dapat disegerakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi setakat ini sedang giat untuk menguatkuasakan pindaan yang saya sebut tadi terhadap pemaju-pemaju yang gagal meminta *strata title* atau hak milik strata dalam masa yang ditetapkan dalam akta tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sikap tidak bertanggungjawab pemaju yang gagal memohon hak milik strata untuk pembeli banyak menyusahkan pembeli sendiri terutama sekali apabila berlaku urusan jual beli yang memerlukan penukaran hak milik. Soalan tambahan saya, adakah kementerian telah menjelaskan permasalahan ini kepada pemaju-pemaju di seluruh negara dengan mengadakan seminar-seminar yang diadakan dari semasa ke semasa atau dengan kerjasama kerajaan negeri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kegagalan memperolehi hak milik strata adalah dengan banyak alasan yang diberikan oleh pihak pemaju apabila pihak pemaju ini dipanggil oleh kementerian untuk berbincang perkara yang berkaitan.

Antara masalah-masalah yang diutarakan oleh pihak pemaju ialah permohonan tukar syarat tanah belum dapat dibuat dan permohonan belum diluluskan oleh pihak berkenaan, bayaran premium tanah belum dijelaskan, masalah jalan masuk dan lain-lain keperluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan masih belum disempurnakan.

Ada juga pihak pemaju belum membayar deposit kepada Lembaga Juruukur bagi tujuan *building survey* dan sebilangan kecil pemaju itu telah digulungkan. Oleh sebab itu, maka masalah yang timbul ini adalah pelbagai dan dalam perbincangan yang saya sebut dalam jawapan asal tadi ialah kita cuba bekerjasama dengan semua pihak untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul, yang kita hadapi dalam kes-kes yang dirujuk kepada kementerian.

Mengenai seminar, ini memang satu cadangan yang baik. Saya rasa, itu sudah dijalankan oleh pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi apabila pindaan yang saya sebut itu tadi juga dikuatkuasakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kes-kes pengaduan kepada kementerian yang terhormat, adakah terdapat anak-anak syarikat kerajaan negeri seperti di Pulau Pinang, PDC yang memajukan pangsapuri dan flat-flatnya untuk penduduk-penduduk di negeri itu. Adakah masalah ini dilaporkan kepada kementerian? Ini kerana, mengikut pengetahuan saya, ada juga rumah-rumah pangsa selama 10 hingga 15 tahun masih belum dapat *strata title*. Ini, adalah satu amalan yang tidak baik kalau anak syarikat kerajaan pun tidak mengikut syarat-syarat atau peraturan-peraturan, malah pemaju-pemaju swasta. Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Mengenai kes-kes yang berlaku di Pulau Pinang, saya tidak ada angka atau maklumat yang tepat. Walau bagaimanapun, saya difahamkan ada dua kes yang berlaku di Pulau Pinang di mana pihak pemaju telah disabitkan ke mahkamah kerana gagal untuk memohon hak milik strata.

Mengenai aduan-aduan yang kita terima daripada pihak pengadu, saya tidak ada maklumat mengenai anak syarikat pihak negeri atau pertubuhan negeri yang gagal untuk memohon *strata title*. Walau bagaimanapun, saya sebut tadi, antara masalah yang timbul, memang ada pelbagai. Ada yang tidak dapat dielakkan sebab permohonan itu belum diterima atau belum dapat diterima kerana ada kesilapan dalam pelaksanaan projek tersebut. Sekian, terima kasih.

2. **Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pelaburan oleh warga asing di dalam pasaran saham BSKL untuk tahun 2000/2001 dan apakah punca-punca yang menyebabkan peningkatan pelaburan ini dan apakah langkah-langkah yang baru untuk menambah keyakinan pelabur asing untuk melabur di BSKL.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada laporan yang diperolehi daripada syarikat-syarikat broker saham, urus niaga pelabur asing di BSKL bagi tahun 2000 merangkumi sebanyak 22% daripada jumlah nilai dagangan BSKL. Bagi tahun 2001 pula, jumlah nilai urus niaga pelabur asing ialah sebanyak 28.9% manakala bagi tahun 2002 iaitu, setakat 31 Mei, urus niaga pelabur asing ialah sebanyak 29.3%.

Keyakinan dan peningkatan penyertaan pelabur asing bagi tahun 2002 adalah disebabkan oleh beberapa faktor luaran dan dalaman. Di antara faktor tersebut ialah seperti berikut:-

- (i) kadar pertumbuhan ekonomi negara yang merangsangkan;
- (ii) bagi tahun 2002, Bank Negara Malaysia telah membuat anggaran pertumbuhan ekonomi negara kita pada kadar 3.5%. Ekonomi Amerika Syarikat yang agak lembap beberapa bulan yang lalu telah mula menunjukkan pertumbuhan yang positif;

- (iii) peningkatan prospek bagi ekonomi Malaysia seperti yang dilaporkan oleh *Standard & Poor's*, *Moody's* dan *Fitch* adalah menggalakkan; dan
- (iv) kemajuan yang ditunjukkan dalam proses penyelesaian hutang korporat dan penyusunan semula syarikat menggabungkan bank dan syarikat broker saham.

Sementara itu, kerajaan dan agensi-agensi kawal selia pasaran modal Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan keyakinan pelabur, di antara langkah-langkah yang diambil ialah:-

- (i) meningkatkan tahap tadbir urus korporat dan ketelusan di dalam pasaran saham melalui penguatkuasaan keperluan penyenaian;
- (ii) mempertingkatkan kecekapan pengawalseliaan pasaran saham melalui pengawalseliaan dan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang. Tindakan yang dijalankan oleh BSKL telah berjaya menarik minat pelabur untuk terus menyertai pasaran saham BSKL. Tumpuan pengawalseliaan dan penguatkuasaan kepada penzahiran korporat, ketelusan, struktur pemilikan saham tersenarai dan juga perlindungan pelabur telah berjaya mewujudkan pasaran yang adil dan teratur; dan
- (iii) mewajibkan setiap pengarah syarikat tersenarai menghadiri kursus mandatori accreditation programme, dengan izin, bertujuan memberikan gambaran secara keseluruhan mengenai rangka kerja industri sekuriti dan tugas serta tanggungjawab sebagai pengarah syarikat tersenarai.

Bagi tujuan memperbetulkan persepsi pelabur asing mengenai ekonomi negara dan pasaran saham, BSKL juga telah menganjurkan promosi pelaburan di pusat-pusat kewangan antarabangsa luar negara bersama-sama dengan SC dan Bank Negara Malaysia untuk memaklumkan mengenai perkembangan semasa pasaran saham dan ekonomi negara.

Sesi ini juga merangkumi sesi soal jawab mengenai isu-isu yang berkaitan. BSKL juga ada memuatkan artikel berkaitan perkembangan semasa yang berlaku di dalam pasaran saham BSKL di dalam beberapa majalah pelaburan antarabangsa. Ini adalah bertujuan bagi memastikan bahawa segala makluman mengenai pasaran saham tempatan dapat disalurkan dengan tepat dan efektif khusus untuk menggalakkan pelabur asing melabur dalam pasaran saham BSKL.

Di peringkat dalam negeri BSKL dari semasa ke semasa mengadakan taklimat kembara dan minggu pelabur bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelaburan mengenai pasaran saham BSKL melalui penyelidikan.

Di samping itu, BSKL juga sentiasa mengadakan pameran bergerak di dalam negara untuk mempromosikan pasaran saham BSKL. Aktiviti-aktiviti ini jelas berjaya memberi lebih kefahaman kepada pihak awam tentang kelebihan melabur di BSKL.

Iklim politik Malaysia dan imej negara yang begitu baik dan cemerlang di peringkat antarabangsa juga menjadi salah satu faktor yang meyakinkan para pelabur asing terhadap prospek ekonomi negara sekarang ini dan di masa-masa yang akan datang.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang dapat menarik lagi keyakinan dan kemajuan pasaran saham kita. Tadi saya difahamkan bahawa salah satu daripada tarikan pelabur-pelabur asing untuk melabur di BSKL ialah kerana pengumuman pelan induk pasaran saham (CMP). Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah dan sejauh manakah pelaksanaan cadangan-cadangan ini dan adakah benar sebab pasaran saham sekarang ini agak lembap sedikit, ini adalah disebabkan oleh dipengaruhi oleh *World Cup fever* pada ketika ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman pelan induk pasaran modal ataupun yang dikatakan CMP ialah untuk menyediakan satu pasaran yang dinamik dan berdaya maju dan persekitaran dengan pengawalseliaan yang memudahcarakan serta kejelasan strategi mengenai wawasan dan objektif pasaran modal kita.

Sehingga akhir tahun 2001 daripada 152 cadangan CMP, 14 cadangan utama telah dilaksanakan sepenuhnya, 24 telah dilaksanakan sebahagiannya dan 48 lagi sedang dilaksanakan.

Selain dari itu, seperti diambil iktibar bahawa penggabungan bursa, penggabungan broker saham, tadbir urus korporat dan pasaran bon korporat sedang dilaksanakan, contohnya kalau kita lihat pelaksanaan penggabungan broker saham pada akhir tahun 2000, kita ada 66 broker saham tetapi sekarang sudah mengecil pada bulan Mei 2002 ke-47 dan dijangkakan akan mengecil lagi kepada 33.

Mengenai *World Cup fever* memang sangat terasa penyertaan *retail* sangat lemah kerana *World Cup* sekarang ini diadakan di Asia dan perlawanan semasa perniagaan bursa saham sedang dilaksanakan.

Ini terbukti dengan transaksi yang lemah dalam pasaran kita beberapa minggu kebelakangan ini dan pemain-pemain pasaran sibuk bertaruh kemungkinan South Korea ataupun Jepun akan menang, apabila *World Cup* tamat barulah kemungkinan pemain pasaran saham dapat menyalurkan semula duit mereka ke pasaran saham. Sekian.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin menafikan teori world cup yang melembabkan pasaran BSKL sebab saham index Kospi Korea naik melonjak di tempat world cup dipertandingkan.

Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar tentang penjelasan bagaimana naiknya pasaran saham disebabkan oleh pelaburan asing, baru-baru ini, pelaburan asing dikejutkan dengan peristiwa sebuah bank Switzerland UBS mencabar masuk ke mahkamah di London mencabar Tenaga Nasional Berhad iaitu syarikat terbesar dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan keadaan ini telah menjatuhkan pasaran saham Kuala Lumpur telah menurunkan sentimen di kalangan pelabur-pelabur asing terhadap pasaran saham Kuala Lumpur.

Pengerusi TNB biasanya banyak buat kenyataan tetapi dalam kes ini tidak ada kenyataan langsung daripada beliau, jadi kita hendakkan penjelasan dan boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan kenapa TNB dicabar di mahkamah di London oleh bank yang terkena UBS Switzerland. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat, ini kerana salah tanggapan dan persepsi kerana kita mengikut undang-undang Britain dan mereka mengikut undang-undang di Amerika, ini sedang diselaraskan. Terima kasih.

3. Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dilakukan oleh Petronas dalam pembangunan Putrajaya hingga kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang dilakukan oleh Petronas dalam pembangunan Putrajaya adalah terhad kepada sumbangan ekuiti dalam Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. iaitu pemaju projek pembangunan Putrajaya.

Setakat ini, jumlah modal berbayar Putrajaya Holdings ialah RM2.2 bilion dan daripada jumlah itu sumbangan ekuiti semasa Petronas ialah RM880 juta. Apabila pembelian saham sebanyak 537,000 saham yang berjumlah RM660 juta dari Khazanah Holding dimuktamadkan, jumlah pegangan ekuiti Petronas dalam Putrajaya Holdings akan meningkat kepada RM1,466 bilion.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan jawapan kepada soalan saya sebelum ini bahawa kos sebenar kediaman rasmi Perdana Menteri ialah RM201 juta dan bukannya RM17 juta seperti yang didakwa sebelum daripada itu.

Ini adalah satu pengakuan yang terlewat dan satu penjelasan terhadap kekeliruan yang ditimbulkan sebelum daripada ini, begitu juga dengan persoalan ini, selain daripada pegangan ekuiti yang ditingkatkan kepada RM1.4 bilion, sudah tentu Putrajaya Holdings membelanjakan sejumlah yang besar dan ini sebahagiannya adalah tanggungan kepada Petronas.

Mengapakah kerajaan sehingga ini tidak boleh mengumumkan jumlah sebenar yang telah dibelanjakan oleh Putrajaya Holdings bagi membangunkan Putrajaya.

Selain daripada itu soalan saya ialah dalam kegawatan pendidikan sekarang ini, adakah Petronas boleh menyumbang kepada IPTS bagi membolehkan lebih ramai pelajar bumiputera memasuki kolej swasta supaya kekecohan yang berlaku dapat dihindarkan dan ini adalah satu komitmen yang sama penting dengan pembangunan Putrajaya.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian dalam soalan tambahannya telah mencabar kerajaan untuk mendedahkan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Putrajaya Holdings untuk membangunkan Putrajaya, saya ingat dalam jawapan-jawapan yang telah disampaikan oleh menteri-menteri yang berkenaan tentang pembangunan Putrajaya ini, ini sudah pun dijelaskan tetapi kalau ia juga minta apa yang telah dibelanjakan oleh kerajaan pagi ini saya mengatakan Putrajaya Holdings telah membelanjakan sehingga kini RM4.6 bilion untuk pembangunan Putrajaya Holdings.

Berkenaan dengan perkara biasiswa untuk pelajar-pelajar bumiputera yang belajar di universiti-universiti swasta ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa Petronas kini memang sudah begitu lama memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera yang telah mendapat ijazah dari universiti-universiti di luar negara dan sekarang ini juga Petronas telah menubuhkan sebuah universiti dan ini boleh dianggarkan sebagai suatu kemudahan untuk kebanyakan daripada pelajar-pelajar bumiputera.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kurang senang dengan pertanyaan ataupun persoalan yang dikemukakan oleh pihak pembangkang yang selalu mempersoalkan soal Putrajaya ini seolah-olah membawa kepada umum khususnya generasi muda bahawa kerajaan begitu rugi dan Putrajaya ini tidak begitu berfaedah kepada rakyat. Minta Menteri menerangkan supaya anggapan ini diperbetulkan apakah betul Putrajaya ini tidak berfaedah ataupun apakah sebenarnya kerajaan rugi ataupun untung, apakah kegunaan ataupun perancangan untuk masa depan negara dengan adanya Putrajaya ini.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Dewan Rakyat sedia maklum, Putrajaya ini merupakan satu pusat pentadbiran baru Kerajaan Malaysia iaitu sebuah negara yang sedang membangun dan diakui oleh sebilangan besar daripada negara-negara di dunia ini bahawa negara Malaysia telah mencapai beberapa kecemerlangan dalam bidang-bidang tertentu iaitu terutama sekali untuk membolehkan ekonominya yang telah mendapat kemelesetan sejak tahun 1997.

Jadi, dalam cara kita untuk memodenkan negara ini dan membangunkan negara, memang kita memerlukan satu pusat di mana pentadbiran itu boleh dilakukan dan Putrajaya ialah pusat pentadbiran itu.

Apa sahaja projek-projek yang dilakukan oleh kerajaan memang mendapat pertikaian daripada Ahli-ahli Parlimen oleh kerana mereka adalah lebih cenderung kepada constituency mereka iaitu rakyat yang mereka wakili dan memang mereka mungkin dikedengaran untuk menegur kerajaan tentang projek-projek yang besar, tetapi dalam pandangan saya, perbelanjaan yang telah dilakukan dalam projek ini adalah sesuai untuk menampung pusat pentadbiran sebuah negara yang moden.

4. Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka] minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan terdapat begitu banyak had kelajuan lebuhraya dan jalan yang tidak realistik dan praktikal yang menyebabkan ramai pemandu sering dikenakan kompaun, adakah kementerianya bercadang mengkaji had laju lebuhraya dan jalan yang sedia ada.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang

Berhormat bersama-sama soalan yang berkaitan dengan isu yang sama iaitu soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bertarikh 19 Jun 2002.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini, had laju bagi kenderaan yang mempunyai tempat duduk tidak melebihi 12 orang termasuk pemandu dan digunakan sendiri dan untuk disewa adalah seperti *The Motor Vehicle Speed Limit Rules 1989*, di mana Perkara 3 memperuntukkan bagi jenis jalan, lebuh raya had lajunya ialah 110 kilometer sejam dan bagi jalan-jalan biasa 90 kilometer sejam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya pihak Kementerian Kerja Raya sedang menjalankan kajian semula ke atas kadar had laju kenderaan di negara ini. Pada masa ini kajian tertumpu kepada tiga lebuh raya utama yang dianggap sebagai Lebuhraya Ekspres Way iaitu Lebuhraya Utara Selatan, Lebuhraya Seremban/Port Dickson dan Lebuhraya Kulim/Butterworth.

Lain-lain lebuh raya yang dianggap sebagai urban road tidak termasuk di dalam kajian ini kerana had laju kenderaan bagi lebuh raya-lebuh raya ini telah ditetapkan pada kadar 80 kilometer sejam. Kementerian Kerja Raya akan mengemukakan hasil kajian tersebut kepada Kabinet untuk pertimbangan dan kelulusan.

Mengenai had laju yang baru, yang akan dicadangkan bagi Jalan Persekutuan, cadangan kajian had laju bergantung kepada permohonan daripada negeri-negeri.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, Saya mengalu-alukan kesediaan kerajaan untuk mengkaji semula had laju yang sedia ada. Oleh kerana had laju yang tidak realistik itu tidak dapat dipatuhi oleh pemandu dan had laju yang tidak memberi mesej bahawa ia akan mendatangkan bahaya, juga tidak akan dipatuhi oleh pemandu dan memandangkan tujuan had laju ialah untuk mengelakkan kemalangan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan sanggup mengarahkan supaya polis jangan menggunakan had laju sebagai satu jenis *revenue collector* atau hasil, kutipan hasil untuk kerajaan dengan mengenakan kompaun yang tidak munasabah seperti apa yang berlaku sekarang sebanyak RM600 kepada pesalah dan juga bersembunyi di tempat-tempat belukar dengan *video camera* di mana orang tidak boleh nampak, ular pun tidak berani pergi. [Ketawa].

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ialah untuk menentukan keselamatan jalan raya dengan mengenakan had laju dan soal tanggungjawab polis, tentu polis ada asas mereka masing-masing. Jadi itu satu perkara berasingan daripada tanggungjawab Kementerian Kerja Raya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat Seksyen 69 telah menetapkan had laju jalan raya Malaysia, tetapi dalam perundangan kecil dibuat di bawah Seksyen 69, menyebutkan undang-undang itu boleh diubah tinggi sikit iaitu 110 kilometer dan lebih daripada kuasa yang diberi di bawah kuasa Seksyen 69, dengan sendirinya kalau ada peningkatan laju, had-had laju di jalan-jalan raya di Malaysia mesti mengambil kira had laju yang ditetapkan oleh Seksyen 69, akta ibu.

Jadi, saya telah mencadangkan supaya akta ibu ini diubahsuai dahulu, sebelum meminda ataupun membawa perkara-perkara undang-undang kecil ke Kabinet untuk diluluskan. Jadi, apakah tindakan kementerian supaya kuasa-kuasa untuk menetapkan had laju ini diberi pihak tempatan, jangan pihak tempatan menggunakan *hump* untuk menghalang kereta-kereta yang laju dalam kawasan-kawasan yang tertentu. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Lupar itu tadi telah menyentuh mengenai Seksyen 69, yang mana di antara peruntukannya:

- (i) mengenai had laju kebangsaan, kuasa ini terletak kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan;

- (ii) seksyen ini juga memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menetapkan had laju maksimum bagi kenderaan-kenderaan motor. Contohnya seperti bas, lori di mana kita dapat lihat di belakangnya ditetapkan had laju bagi kenderaan-kenderaan yang sedemikian. Kemudian Seksyen 69 juga memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya berhubung dengan jalan-jalan persekutuan dan juga pihak berkuasa tempatan berhubung dengan jalan-jalan di kawasan yang terletak di bawah kelolaannya.

Jadi, apa pun kuasa yang digunakan had laju itu tidak boleh melebihi had laju kebangsaan. Jadi kalau ada persetujuan daripada kerajaan untuk mengubah had laju ianya hendaklah tidak melebihi had laju kebangsaan. Jadi itu jawapannya kepada cadangan Yang Berhormat.

5. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian sedar dakwaan laporan Economist Intelligence Unit (EIU) yang meramalkan bahawa kedudukan Malaysia sebagai destinasi popular pelabur akan jatuh daripada tangga kelapan popular ke tangga 33 dalam jangka masa lima tahun akan datang. Apakah rancangan Malaysia bagi menafikan ramalan ini serta strategi mengekalkan Malaysia sebagai negara popular destinasi pelabur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kenyataan mengenai kajian ke atas suasana pelaburan, 60 negara-negara yang dijalankan oleh Economist Intelligence Unit (EIU). Pada 14 Ogos 2001 EIU meramalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelabur akan turun dari tangga 24 dalam tempoh 1996 hingga tahun 2000 kepada tangga ke 34 dalam tempoh 2001 hingga 2005.

Ramalan EIU adalah berasaskan kepada penilaian 10 faktor utama iaitu iklim politik, keadaan mikro ekonomi, peluang pasaran serta dasar negara terhadap pasaran bebas dan daya saing.

Selain daripada itu dasar-dasar mengenai pelaburan asing, percukaian, kewangan, pertukaran asing dan perdagangan antarabangsa serta keadaan pasaran buruh dan infrastruktur juga diambil kira dalam membuat ramalan tersebut.

Sebaliknya kajian yang dijalankan oleh *International Institute for Management Development* dengan izin IMD dan dikeluarkan dalam *World Competitiveness Year Book 2002* pada 30 April 2002, menunjukkan bahawa kedudukan daya saing Malaysia telah meningkat daripada tangga 29 kepada tahun 2001 kepada tangga 26 pada tahun 2002.

Kedudukan Malaysia adalah mendahului negara-negara seperti Korea, Jepun, China dan kriteria yang digunakan dalam kajian ini adalah hampir sama dengan faktor-faktor yang digunakan oleh EIU.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kenyataan EIU ini hanyalah merupakan satu ramalan yang berasaskan kepada persepsi, kerajaan tidak bercadang membuat bantahan rasmi bagi menafikan ramalan tersebut sungguhpun ianya dianggap tidak tepat dan subjektif.

Walau bagaimanapun kerajaan akan terus berusaha untuk menjadi Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik di antaranya ialah mengadakan misi pelaburan dan perdagangan untuk menerangkan kepada pelabur-pelabur akan komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk terus menyediakan iklim pelaburan yang lebih menarik bagi menggalakkan lebih ramai pelabur asing melabur di Malaysia.

Sementara usaha-usaha untuk menarik pelaburan swasta tempatan dan asing akan ditingkatkan lagi termasuk mengurangkan kos kendalian perniagaan, menyediakan insentif cukai dan bukan cukai yang lebih menarik dan mengurangkan kerenah birokrasi bagi meningkatkan keberkesanan jentera pentadbiran kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan juga telah menawarkan pakej galakan istimewa kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan sejak belanjawan 2000

dan sehingga kini sebanyak 27 projek bernilai RM39 bilion telah diluluskan di bawah pakej tersebut. Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah strategi serta langkah-langkah yang disebutkan tadi mampu menyaingi kelebihan negara China yang menjuarai carta negara popular destinasi pelabur setakat ini dan adakah ramalan yang disebutkan tadi mampu mempengaruhi iklim pelaburan di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa kebangkitan China sebagai sebuah kuasa ekonomi baru dibimbangi oleh banyak negara tapi Malaysia bersikap positif di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita bersikap positif, kita tidak menganggap China sebagai satu cabaran kepada kita.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa negara China tidaklah dapat kita gambarkan sebagai dengan izin 'a bed of roses' sentiasa bagi pelabur-pelabur antarabangsa kerana kalau saya hendak merujuk kepada satu rencana Yang Berhormat yang bertajuk '*Foreign Funds find China Market Tough to Crack*' di mana Zoo Zee Lin iaitu Ketua Eksekutif *Go Tai Fun Management* mengatakan - dengan izin: "Everyone agrees that the China market is very attractive but the risks are also relatively high". [Disampuk] Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]. Cakap orang putih tapi saya tidak *less nationalistic* daripada orang sebelah sana. [Tepuk].

Sebab itu kita mempunyai beberapa kelebihan Yang Berhormat, misalannya kita mempunyai infrastruktur yang lebih baik secara menyeluruh berbanding dengan negara China dan kita juga mempunyai *government* yang *pro-business* iaitu kerajaan yang mesra perniagaan di mana kita dapati negara China, kalau kita ikuti ramalan oleh *Far Eastern Economic Review* yang dikeluarkan pada 23 Mei baru-baru ini mengatakan bahawa Malaysia di samping Korea, Malaysia adalah satu-satu negara Asia yang paling menarik untuk pelabur-pelabur kerana dasar yang konsisten, telus dan politiknya yang stabil.

Jadi maka kerana itu kita rasa kita mempunyai satu *competitive edge* yang lebih dari China dalam konteks ini, walaupun Negeri China mempunyai tenaga buruh yang murah dan domestik yang besar tetapi kita masih ada kelebihan tertentu misalannya dari segi *corporate tax* kita, kita hanya 28% tetapi Cina mengenakan 33% *corporate tax* kepada pelabur-pelabur.

Kalau kita lihat dari segi kos kemudahan *expatriate* di China, sewa rumah di China USD5,400 setahun tetapi di Kuala Lumpur hanya USD667 setahun. Ini adalah mengikut kajian *Worldwide Business Cost Ranking* dan ertinya kita mempunyai *competitive edge* dan sewa rumah. Yuran sekolah antarabangsa bagi Malaysia setahun USD13,271 tetapi di Shanghai USD32,000 ertinya tarikan untuk Malaysia dalam konteks ini saya rasa kita punya satu kelebihan berbanding dengan negara China.

Maka dengan itu kita boleh mengatakan bahawa ramalan-ramalan tersebut boleh kita sangkal dan insya-Allah kita akan terus memaju negara ini dengan penuh hemah, bijaksana dan baik. Terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dibuat oleh *Japanese Malaysian Business Council* mendapati bahawa lebih kurang 56% daripada syarikat-syarikat Jepun berada di Malaysia ini bercadang untuk berpindah operasi mereka daripada Malaysia dan daripada laporan terakhir iaitu pelaburan baru FDI dalam bidang pengilangan dan pembuatan untuk tahun 2001 hampir-hampir tiada, yang ada pun adalah hanya pelabur-pelabur yang membesarkan operasi mereka di dalam negara.

Ini menunjukkan bahawa apa dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Sepang itu adalah satu kebenaran, laporan Economist Intelligence Unit (EIU) dan di antara faktor-faktor yang telah menyebabkan ramai mereka ini tidak mahu melabur di sini seperti mana yang disahkan oleh Kementerian Luar Negeri semasa laporan dibuat di '*Parliament Audit Committee*' baru-baru ini ialah pertamanya isu Dato' Seri Anwar Ibrahim, [Dewan Riu] kedua alam sekitar, ISA, kongkongan media, hak asasi manusia dan ketelusan [Tepuk], pengalaman rasuah, nepotisme dan sebagainya.

Sudah banyak usaha kerajaan yang dilakukan hari ini ialah untuk menaikkan imej Perdana Menteri, bukan imej negara. Jadi banyak *money spent* untuk dia. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

Tuan Hashim bin Ismail: Saya akan jawab Yang Berhormat, saya akan jawab. [Dewan riuh] Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman.

Mula-mula sekali saya ingin menafikan bahawa tidak berlakunya kemasukan pelaburan asing ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Buktinya, pada suku pertama tahun ini iaitu Januari hingga Mac tahun ini, kemasukan pelaburan asing kasar ke Malaysia ialah RM2.5 bilion [Tepuk] Yang Berhormat lagi bahawa kemasukan pelaburan asing dalam sektor portfolio saham seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bos saya tadi.. [Dewan riuh] ..laitu 29.3% pegangan ekuiti luar terhadap BSKL kita.

Yang Berhormat juga, bahawa mengikut perangkaan pada bulan Mac baru-baru ini, kedatangan pelancong ke Malaysia 1.2 juta [Tepuk]. Jadi saya menafikan tentang

Beberapa Ahli: Sekeras-kerasnya.

Tuan Hashim bin Ismail: Sekeras-kerasnya... [Dewan riuh] bahawa pelabur asing menjauhkan diri daripada Malaysia seperti yang didakwa seperti yang didakwa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hashim bin Ismail: Dan isu-isu Yang Berhormat sebut yang kedua tadi ...

Seorang Ahli: Tidak timbul.

Tuan Hashim bin Ismail:tidak relevan dan tidak perlu saya jawab [Dewan riuh].

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat cukup.

6. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk mengira bilangan ibu tunggal dan bagaimanakah Kementerian dapat membantu mereka.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian amat prihatin terhadap keperluan asas dan kepentingan strategik wanita terutama ibu-ibu tunggal. Oleh kerana buat masa kini Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tidak mempunyai kuasa, peruntukan dan mekanisme untuk membantu ibu-ibu tunggal secara *direct* maka Kementerian bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikannya untuk menentukan masalah ibu-ibu tunggal diberi perhatian.

Kementerian menyedari betapa pentingnya data yang tepat mengenai jumlah dan profil ibu tunggal di negara ini diperolehi dan dikemas kini bagi tujuan perancangan dan pelaksanaan dasar strategi dan program pembangunan kapasiti ibu tunggal.

Atas kesedaran ini, Kementerian sedang merangka satu kaedah dan mekanisme pendaftaran ibu tunggal di seluruh negara untuk dilaksanakan secara bersama dengan Majlis Ibu Tunggal yang baru ditubuhkan. Melalui pendaftaran ini, adalah diharapkan Kementerian akan dapat gambaran yang lebih jelas tentang jumlah dan profil ibu tunggal di seluruh negara.

Setakat ini, data mengenai jumlah ibu tunggal yang biasa digunakan ialah data yang diperolehi dari keahlian persatuan-persatuan ibu tunggal yang telah ditubuhkan di setiap negeri sehingga akhir tahun 2000 berjumlah 17,246 orang. Selain dari itu pihak Unit Perancangan Ekonomi juga memberi angka menyeluruh mengenai ketua isi rumah wanita yang terkini berjumlah 711,000 daripada mereka.

Jumlah ini termasuklah isi rumah yang diketuai oleh ibu tunggal, isteri yang membiayai keluarga atas sebab ketidakupayaan suami dan wanita yang belum berkahwin yang terpaksa menyara ibu bapa dan adik mereka.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan menggunakan maklumat-maklumat yang dikemukakan di atas untuk menggubal pendekatan baru bagi membantu meningkatkan pembangunan wanita khususnya ibu tunggal.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Apa yang para ibu tunggal perlu adalah bantuan kewangan, bantuan guaman dan juga perkhidmatan kaunseling. Jadi memandangkan banyak persatuan ibu tunggal di negara kita terdiri daripada majoritinya kaum Melayu, jadi ini menyebabkan ibu tunggal daripada bukan Melayu kurang fasih dalam Bahasa Malaysia gagal menerima bantuan dan juga gagal menyertai persatuan seperti itu. Yang saya tahu ramai ibu tunggal kaum bukan Melayu, mereka tidak tahu terwujudnya Persatuan Ibu Tunggal seperti itu.

Jadi soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengadakan lebih banyak cawangan di seluruh negara untuk memberi perkhidmatan guaman dan juga kaunseling kepada ibu tunggal yang menghadapi masalah dan adakah juga menggaji lebih pegawai bukan Melayu untuk membantu golongan ibu tunggal seperti ini dan juga, apakah kerajaan juga bercadang untuk mengambil lebih pegawai lelaki untuk menjadi kaunselor kepada sisuami di dalam masalah rumah tangga di samping memberi latihan kepada lelaki untuk menjadi suami yang bertanggungjawab.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menaruh harapan yang begitu tinggi kepada kementerian yang baru ini. Seperti mana kita lebih maklum, persatuan-persatuan ibu tunggal ini adalah persatuan NGO, bukan secara *direct* di bawah pengawasan kementerian.

Namun begitu setelah kementerian ditubuhkan, kita dapati terdapat terlalu banyak persatuan ibu tunggal, di daerah, di kawasan dan juga di peringkat negeri. Maka dengan itu kementerian telah pun menggerakkan mereka ini untuk menubuhkan satu Majlis Kebangsaan Ibu Tunggal supaya senang sedikit berurusan dengan kementerian, pertama.

Keduanya, saya setuju dengan apa Yang Berhormat katakan tadi. Memang kami dapati bahawa ramai daripada ibu tunggal yang bukan bangsa Melayu, misal kata, mereka nampaknya tidak begitu minat dengan program-program yang dijalankan, sama ada oleh NGO atau pun kementerian.

Kita telah mengambil maklum tentang perkara ini dan saya telah pun menentukan bahawa semua program sama ada digerakkan oleh kementerian atau NGO dengan kerjasama kementerian untuk menentukan semua ibu tunggal tidak kira kaum dan bangsa, menghadirinya.

Pada 15 Ogos ini Yang Berhormat, kementerian akan ada satu konvensyen untuk ibu tunggal di mana semua wakil ibu tunggal di seluruh negara berbilang kaum dan bangsa, kita ada satu hari konvensyen supaya kementerian dapat mengetahui dengan secara *direct* apa dia masalah yang dihadapi dan apa dia yang mereka perlukan, kerajaan rancang untuk mereka. Insya-Allah.

Tentang *counselors* itu Yang Berhormat, setakat ini ramai NGO's yang menjalankan tugas dengan baik untuk kaum bapa menjadi lebih *counselor* itu, saya rasa baik juga. Tetapi kaum bapa ini nampak gaya tidaklah begitu minat hendak menjadi *counselors*. Minat mereka mungkinlah tentang perkara lain [*Dewan riu*]. Tetapi saya sokong bahawa kedua-dua *counselors* itu biarlah ada lelaki dan wanita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Dewan riu*]. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya antara lelaki yang paling simpati kepada ibu tunggal [*Dewan bersorak*]. Jadi saya menafikan dakwaan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa lelaki tidak berapa minat hendak menyokong ibu tunggal ini, menyelesaikan masalah ibu tunggal. Tetapi saya tidak tahu macam mana hendak menolong ibu tunggal ini.

Seorang Ahli: Kahwin sahajalah. Kahwin lagi satu [*Dewan riu*].

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu saya tidak berapa berani pula itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tambah lagi satulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kementeriannya kerana usaha-usaha untuk membantu ibu

tunggal. Dalam usaha untuk membantu masyarakat dalam masalah-masalah sebegini kita juga jangan lupa tentang bapa tunggal [*Dewan riu*]. Kerana ia turut menghadapi masalah juga, masalah bapa tunggal.

Ada tidak agaknya cadangan oleh Kementerian untuk menemukan antara ibu tunggal dengan bapa tunggal? [*Dewan riu*] Kalau, kalau, kalau bolehlah kerana itu juga harus diberikan perhatian kerana tunggal ini macam-macam tunggalkan? Seksa hidup tunggal ini.

Saya ingin supaya Kementerian seberapa segeralah, ya, seberapa segera kemaskinikan Kementerian ini kerana ambil contoh di bahagian saya, pertanyaan daripada ibu tunggal, bagaimana mereka dapat bantuan daripada Kementerian ini begitu, begitu, begitu bertalu-talu tetapi saya tidak dapat hendak jawab secara khusus ya. Kalau boleh Kementerian agaknya mewujudkan jabatan di bawah Kementerian ini yang khusus di daerah-daerah untuk membantu ibu tunggal ini menghadapi masalahnya.

Kalau soal pendaftaran saya rasa kalau Kementerian bersetuju, apa salah Ahli Parlimen semua menjadi salah satu daripada orang yang dirujuk atau ejen untuk mendaftar. Sri Gading menawarkan diri untuk membantu mendaftar untuk dirujuk kepada Kementerian.

Ini itulah Seputeh selalu pandang tidak betul soalan saya. Seputeh ini pun ibu tunggal juga ini [*Dewan riu*]. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara sambil menuding jari beberapa kali ke arah Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya Yang Berhormat apa dia itu. Peraturan Mesyuarat, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia tunggallah, ibu itu saya tarik. Dia tunggallah [*Dewan riu*].

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Yang Berhormat masih jawab tidak bab-bab bapa tunggal ini [*Dewan riu*].

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, sebab saya tengok Yang Berhormat ini memanglah kalau cakap fasal ibu tunggal, memang hendak memberi jasa dan bakti kepada ibu tunggal tetapi saya rasalah, untuk semua kaum bapa yang berperasaan sama dengan Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, pertama, jaga isteri dan keluarga yang ada pada hari ini, yang itu yang paling afdal. [*Disampuk*] Bukan isteri..., isteri yang di rumah...

Seorang Ahli: Isteri-isteri.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Keduanya Yang Berhormat, isu bantuan itu, saya hendak terangkan di sini bahawa Kementerian yang baru ini, kita tidak mempunyai peruntukan ataupun mekanisme untuk membantu mereka secara *direct*. Bantuan misal kata kepada ibu-ibu tunggal yang memerlukan bantuan kewangan harus disalurkan melalui Jabatan Kebajikan. Tetapi mereka yang datang ke Kementerian, kita membantu mereka sama mereka yang menjadi pengusaha misal kata kita hantar kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Nazri pun hebat membantu ibu-ibu tunggal.

Kementerian-kementerian yang lain ya, namun begitu Tuan yang di-Pertua, saya hendak menyatakan di sini sebenarnya fenomena ibu tunggal ini saya setuju dengan Yang Berhormat, adalah satu yang membimbangkan. Saya khawatir kerana saya nampak ada satu budaya, pada setengah yang bapa-bapa yang hendak tunggalkan isteri mereka, mereka sudah kahwin, lepas itu mereka bercerai, anak sepuluh, lepas itu mereka lepas tangan. Sudah lepas tangan, mereka tanya pula pada kerajaan, apa dia kerajaan hendak buat untuk bekas isteri saya dan anak sepuluh saya.

Saya rasa bahawa perkara ini tidak boleh dibiarkan menular dalam masyarakat untuk menjadi suatu budaya yang diterima pakai. Ada setengah negara Tuan Yang di-Pertua, mengikut *feedback* yang kita dapat, bahawa walau adapun perceraian di sebuah keluarga tetapi suami itu, kaum bapa itu, mereka rasa aib dan malu untuk lepas tangan daripada tugas dan tanggungjawab mereka.

Jadi walaupun bercerai, tetapi mereka *gentlemen* dengan izin, mereka tidak akan lepas tangan tugas dan tanggungjawab mereka, mereka akan memelihara bekas isteri dan memelihara anak-anak mereka. Jadi saya rasa bahawa budaya ini Yang Berhormat bagi Sri Gading dan semua Yang Berhormat ada, haruslah kita ajar kepada masyarakat Malaysia ini. Insya-Allah tidak perlu jabatan yang spesifik untuk hendak jaga ibu tunggal di Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

7. Puan P. Komala Devi [Kapar] minta Menteri Pertanian menyatakan, jumlah belanjawan untuk kerja-kerja tebatan Sungai Kapar dan amaun yang akan dibelanjakan di tahun 2002 dan 2003.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM500,000 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi menyediakan reka bentuk terperinci projek tebatan banjir Sungai Kapar.

Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh 2002 dan 2003. Terima kasih.

Puan P. Komala Devi: Mengikut maklumat saya dari Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Klang, kami telah memohon sebanyak RM104 juta untuk mengatasi masalah banjir di kawasan persekitaran Sungai Kapar yang meliputi Bukit Cherakah, Bukit Kapar, Pekan Meru dan Pekan Kapar yang dianggarkan sesuatu kawasan seluas 182 kilometer persegi.

Jadi, mengapakah jumlah RM104 juta yang telah kami mohon di bawah Rancangan Malaysia Kelapan tidak diluluskan pada tahun ini dan pada tahun depan? Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang barangkali anggaran kos bagi projek tebatan banjir di Kapar adalah sebanyak RM24 juta. Peruntukan tersebut telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kelapan tetapi tidak diluluskan. Di samping itu, usaha sedang diambil untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM22 juta bagi melaksanakan kerja-kerja kecemasan dalam tempoh 2002 dan 2003. Walaupun demikian, terdapat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan RM112 juta untuk tebatan banjir seluruh Selangor. Mungkin kawasan Bukit Cherakah dan sebagainya terlibat dalam rancangan itu. Terima kasih.

8. Dr. Yee Moh Chai [Tanjung Aru] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berikutan tindakan operasi Ops Nyah II yang sedang dijalankan di Sabah sekarang:-

- (a) jumlah pendatang asing tanpa izin yang telah dihantar pulang; dan
- (b) jumlah rumah-rumah setinggan haram yang telah dirobuhkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Tanjung Aru, berikut adalah perkara-perkara yang berkaitan.

- (a) Sejak Ops Nyah II Bersepadu di Sabah dan juga Wilayah Persekutuan Labuan dilancarkan pada 26 Februari 2002 hingga 12 Jun 2002 yang lalu, sejumlah 15,922 pendatang tanpa izin atau ringkasnya PTI iaitu terdiri daripada 11,461 warganegara Filipina, 4,370 warganegara Indonesia dan 91 lain-lain warganegara telah diusir pulang ke negara masing-masing.
- (b) dalam tempoh yang sama, sebanyak 14,236 buah rumah setinggan telah dirobuhkan di kesemua 16 daerah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dalam operasi Ops Nyah II Bersepadu ini seperti berikut:-
 - (i) Fasa I merangkumi 12 daerah – Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Kudat, Kota Marudu, Kota Belud, Beluran, Kinabatangan, Semporna, Tuaran, Lahat Datu, Kunat dan Wilayah Persekutuan

Labuan melibatkan 13,371 buah rumah setinggan.

- (ii) Fasa II merangkumi 3 buah daerah – Keningau, Papar dan juga Ranau melibatkan 865 buah rumah setinggan.

Terima kasih.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin menyatakan tahniah atas pencapaian yang telah dicapai melalui Ops Nyah II Bersepadu ini seperti mana yang telah dinyatakan oleh pihak Timbalan Menteri. Ini adalah usaha yang telah lama kita tunggu dan kita bersyukur kerana kelihatan hasil mulai terlihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, seperti mana yang disentuhkan tadi, ia mempunyai dua fasa dan setakat ini pihak gerakan berjalan di bahagian pedalaman dan di Papar. Namun demikian, tempat-tempat yang telah pun diberi tumpuan dalam fasa pertama itu dan memandangkan PTI ini adalah dengan izin *mobile* – dia lari dan dia balik, dia masuk hutan belukar, dia balik. Jadi, apakah tindakan kerajaan memastikan supaya usaha itu berterusan, supaya tempat-tempat yang sudah pun diberi tumpuan itu hendaklah terus dikawal dan diberi perhatian kerana kita melihat di kawasan Kota Kinabalu, Kudat dan Kota Marudu, mereka mulai kembali.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, antara masalah yang dihadapi oleh petugas di dalam operasi ini ialah kewangan. Kita mahu agar pihak kerajaan akan terus memberi bekalan kewangan yang diperlukan. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Pertama sekali, setelah kita memantau keadaan setinggan dan juga kedatangan pendatang tanpa izin yang telah kita usir, kita pastikan tempat-tempat yang telah diambil tindakan itu akan diberikan perhatian supaya tidak berulang lagi. Akan tetapi walau macam mana pun kita buat operasi, tindakan dan lain-lain lagi, oleh sebab negara kita ini sebuah negara yang diminati oleh ramai orang luar negara untuk datang ke mari kerana keselamatannya, kerana kemakmurannya, kerana lain-lainlah, jadi oleh itu, tindakan-tindakan yang kita ambil kemungkinan berkesannya adalah juga sepatutnya dan saya harap pihak-pihak rakyat tempatan juga dapat memberikan kerjasama kepada pihak-pihak berkuasa di negara kita supaya dapat memberi maklumat serta-merta apabila didapati ada pendatang-pendatang tanpa izin yang datang ke tempat yang telah kita bersihkan lagi itu dengan serta-merta kepada pihak berkuasa dan insya-Allah tindakan akan kita ambil.

Sudah barang tentu apabila operasi-operasi ini diadakan berkehendakkan kewangan yang banyak, oleh itu Kementerian Dalam Negeri akan menimbangankan dari masa ke semasa tentang keperluan perbelanjaan ini. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN SARAAN (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [17 Jun 2002]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang sila sambung.

11.10 pagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah membuat mukadimah dengan menyatakan MARDI sepatutnya mengambil satu contoh baja padi cap Dacing yang diedarkan sekarang ini kepada rakyat untuk dibuat satu kajian yang lebih mendalam kerana sebahagian besar rakyat merungut mutu baja padi cap Dacing itu terlalu rendah. Itu yang saya sebutkan.

Saya akan meneruskan lagi pada pagi yang mulia ini iaitu kita semua telah mengetahui kecemerlangan dan kejayaan MARDI sebenarnya tidak diberi perhatian khususnya oleh pihak kerajaan. Ini adalah kerana kita dapati institusi ini masih lagi barangkali berada di takuk lama atau di tahap yang lama. Umpamanya bangunan-bangunannya, seperti alat-alat kemudahan dan alat-alat penyelidikan serta lain-lain lagi.

Kita melihat MARDI sebagai sebuah institusi yang tidak dihiraukan atau dipinggirkan oleh sebahagian besar di kalangan pemimpin-pemimpin khususnya pemimpin kerajaan. Ianya bukan satu institusi yang menjadi harapan kepada masyarakat petani, pengusaha makanan dan pembuatan serta penternakan. Kita melihat MARDI seolah-olah terpinggir berbanding dengan jabatan-jabatan yang lain. Bagaimana dengan bantuan, hubungan umpamanya, dengan FAMA, Jabatan Pertanian, MARA, Jabatan Haiwan, institusi kewangan seperti Bank Pertanian dan sebagainya?

Ini menyebabkan keberkesanan sesuatu pelaksanaan teknologi tersebut tidak ke mana-mana. Dalam soal memajukan bidang-bidang yang diterokai oleh rakyat kita, MARDI sendiri perlu memajukan dirinya sendiri terlebih dahulu. MARDI perlu meletakkan dirinya di tahap keyakinan yang tinggi oleh pengusaha dan rakyat. Karenah-karenah birokrasi yang menjemukkan rakyat dan pengusaha perlu diketepikan dan MARDI perlu menjadikan pengusaha-pengusaha dan peminat-peminat kejayaannya sebagai rakan dan saudara demi membangunkan bidang-bidang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sudah banyak hasil penemuan baru yang telah diusahakan oleh MARDI. Bukan sedikit keringat yang dicurahkan oleh pegawai-pegawainya atau pakar-pakarnya dalam membantu rakyat pengusaha. Akan tetapi kadang-kadang penemuan baru mereka hanya untuk diisytiharkan sahaja oleh pemimpin-pemimpin kerajaan yang kemudiannya ditinggalkan pengisytiharan itu.

Kita juga tahu bukannya sedikit wang yang dicurahkan oleh kerajaan dalam bidang R&D ini, hanya memerlukan perbelanjaan yang besar dan kita juga tahu dalam bidang R&D ini sepatutnya dilakukan berterusan, bukannya berhenti setelah berjaya sesuatu penemuan itu. Ianya akan berterusan selagi bahan perusahaan tersebut diusahakan. Memandangkan kepada kepentingan apa yang dibawa oleh MARDI, maka pihak kerajaan perlu memberi perhatian serius dalam membangun institusi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kejayaan yang dibuat oleh MARDI, beberapa kelemahan yang ketara perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Sejak akhir-akhir ini MARDI lebih menitikberatkan soal-soal pentadbiran dari fungsi sebenarnya di dalam bidang R&D. Pada tahun ini contohnya, MARDI telah mengangkat JUSA hingga lebih daripada 40 orang. Kenaikan yang agak besar ini tidak seimbang dengan jumlah kakitangan yang ada di MARDI itu sendiri.

Apakah rasionalnya tindakan ini, sedangkan banyak lagi pertimbangan dalam aspek-aspek lain seperti bagaimana mahu memperbaiki hubungan antara jabatan yang saling berkaitan dengan memberi kemudahan kepada rakyat pengusaha kerana kita mengetahui sebahagian besar jabatan-jabatan ini tidak mengendahkan segala apa yang telah dikeluarkan oleh MARDI. Tidak ada koordinasi atau *coordinate* di antara sesuatu jabatan atau agensi dengan MARDI, ternyata banyak menyumbang kepada kegagalan usaha-usaha MARDI.

Saya difahamkan bahawa MARDI telah membangunkan lebih daripada 30 bidang yang boleh diceburi oleh pengusaha-pengusaha seperti penyajian makanan, lanskap, kejuruteraan kilang, kawalan mutu makanan dan sebagainya. Persoalannya, sejauh mana sokongan dari agensi-agensi yang terbabit dalam memanfaatkan teknologi ini. Adalah diharapkan pihak yang telah terlibat dengan teknologi dalam bidang ini perlu *follow-up* bagi memastikan pengusaha tersebut boleh berkembang maju. Sokongan seperti modal, infrastruktur dan khidmat nasihat malah khidmat bimbingan perlu diutamakan.

Saya amat dukacita kerana beberapa perancangan yang telah disusun dan telah berjaya dilaksanakan oleh MARDI turut menjadi suatu beban yang menyusahkan pengusaha seperti teknologi kulit di Kelantan, Kedah dan Johor. Di peringkat MARDI, penyelidikan dan pembangunan perusahaan kulit ini sudah lebih daripada dua tahun telah ditutup. Saya memohon Menteri Pertanian supaya memberi sedikit penjelasan kenapakah projek ini ditutup?

Kesan daripada penutupan penyelidikan kulit ini pengusaha tidak ada lagi sumber maklumat dan penemuan-penemuan baru kajian mengenai kulit, sedangkan masih ramai lagi pengusaha-pengusaha bumiputera yang bersedia untuk memajukannya. Kulit-kulit dari Malaysia khususnya negeri-negeri yang bersempadan seperti Kelantan, Kedah, Perlis telah dibeli oleh pengusaha-pengusaha dari negara Thailand untuk menampung permintaan industri pembuatan kulit di negara mereka dan kemudiannya hasil-hasil itu telah dipasarkan di negara kita sendiri.

Kerajaan tidak melihat bagaimana kejayaan Indonesia dalam membangunkan masyarakat pengusaha mereka di dalam bidang kulit ini. Balai penelitian kulit Indonesia telah berjaya membuktikan bahawa mereka benar-benar mahukan pengusaha-pengusaha mereka diberi perhatian dan bantuan.

Salah satu kampung di Cibaduyut terkenal dengan pembuatan kasut dari bahan-bahan kulit, "satu kampung satu produk" betul-betul tercapai. Kerajaan Indonesia memberi bantuan dan kemudahan mesin untuk semua pengusaha dalam bentuk sewaan dari penggunaan mereka yang berjadual. Begitu juga dengan Jogjakarta yang terkenal dengan beg kulitnya. Akan tetapi kita di Malaysia teknologi yang berasaskan kulit ini dipersiapkan, sedangkan bahan mentahnya berlambak-lambak. Di manakah silapnya kita ini?

Kalau kita lihat di Amerika umpamanya, kalau kita pergi ke pasar-pasar besar di Amerika, pasar-pasar besar di United Kingdom, kita akan terjumpa dengan beg-beg perempuan ataupun kasut-kasut perempuan, jenama yang ditulisnya hasil dari jenama yang terkenal, tetapi hasil pembuatan itu ialah daripada Indonesia. Tetapi kita jarang terdengar perkara ini diperbuatkan di Malaysia walaupun ada pakar-pakar yang tertentu, umpamanya orang yang mencipta kasut di London itu juga rakyat Malaysia. Kita tidak berjaya membawa mereka itu kembali dan membuatnya di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah penanaman cili di Bukit Awang, Kelantan yang diusahakan hasil daripada khidmat nasihat MARDI – di Bukit Awang, Kelantan - yang gagal dan telah mendatangkan kesan kepada industri sos cili yang berkaitan dengan lada. Sehingga kini hasrat kerajaan untuk melihat sos cili berasaskan kepada cili segar masih gagal. Bahkan aliran masuk lada kering dari luar negara masih tinggi dan membanjiri negara kita ini. Apakah kualiti cili di negara kita tidak sebaik negara luar? Apakah tanah tidak sesuai untuk cili? Adakah penanaman kita tidak bersungguh-sungguh dalam pertanian atau kerana kelemahan-kelemahan dari agensi-agensi menguasainya? Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2,600,000 pada tahun lepas untuk program pembangunan industri lada tetapi kita masih lagi berada di tingkat yang lama.

Pagi tadi saya berkesempatan untuk ke pasar bagi mendapat keadaan yang sebenarnya tentang cili. Saya sempat bertanya tentang cili segar, harga cili segar di

pasar Malaysia sekarang ini ialah RM1.00 satu kilo (harga minimum) dan harga maksimumnya ialah RM8.00 satu kilo. Harga cili segar yang diimport dari luar negara hanya 4 sen satu kilo dan harga maksimum ialah 6 sen satu kilo, berbanding harga cili yang diimport dan yang dikeluarkan dari negara kita. Harga lada kering yang diimport ialah RM4.50 satu sahaja kilo dan maksimumnya ialah RM6.00 satu kilo, itu gred pertama. Kalau kita proses lada yang segar ini, kita proses untuk jadikan lada kering dengan memproses atau mengering sendiri, rasionya ialah katakanlah 10:1. Kalau 10:1 kita akan menjadikan harga daripada hasil cili segar negara kita RM8.00 hingga RM10.00 satu kilo, sedangkan harga cili kering yang diimport ialah antara RM4.50 dan RM6.00 satu kilo sahaja. Perkara ini patut diambil perhatian oleh pihak MARDI.

Demikian juga harga tomato, saya juga berkesempatan untuk bertanya tentang harga tomato pagi tadi. Harga di Indonesia ialah hanya RM4.50 satu kilo harga minimum, tetapi harga yang diimport ialah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bangun hanya hendak minta penjelasan. Sebelum itu saya memberi penghargaan kepada Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat ini suami yang baik, selepas Subuh pergi ke pasar tiap-tiap pagi, tengok harga cili, harga tomato. Alhamdulillah, ini satu contoh Yang Berhormat sebagai seorang suami yang baik. Ini saya hendak bertanya rumah di Kuala Lumpur ini isteri nombor satu atau nombor dua? Sebab saya difahamkan di rumah di kawasan Yang Berhormat ada isteri juga. Mungkin ini nombor tiga daripada Kemboja dan sebagainya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah jawab.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Tak payah jawab, tak apalah. Kadang-kadang kita perlu jawab dan kadang-kadang tak payah jawab. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua kata tak payah jawab, saya tak payah jawablah. Tetapi saya hendak menceritakan bagaimana perlunya MARDI membuat penelitian. Sebab itu saya ambil contoh. Kalau saya cakap tidak ada contoh nanti Yang Berhormat Rompin bangun kata cakap meraba, merayau, mana faktanya pula. Bila saya ambil fakta, pihak Rompin tak senang hati pula mengatakan saya ada isteri ramai di Kuala Lumpur. Sebab pergi ke pekan tak perlu ada isteri, tak ada isteri kena pergi pekan juga, tetapi untuk menyiasat saya perlu pergi ke pekan, perlu pergi ke pasar untuk mendapat maklumat yang jelas - bagi membantu MARDI sebenarnya.

Kalau kita lihat tomato yang telah diproses, tadi saya sebut tomato segar di Malaysia dengan harga RM4.50, yang diimport pula RM1.50. Cuba bandingkan, RM3.00 bezanya antara yang diimport dengan yang kita tanam sendiri. Tomato yang telah diproses yang diimport dari negeri China umpamanya, RM3.10 satu kilo - bukan yang segar - ataupun lebih kurang dalam RM14.00 bagi 4,500 gram. Yang diimport dari Turkey pula ialah RM3.00 satu kilo - yang telah diproses - sedangkan tomato kita yang segar pun RM4.50. Yang telah diproses daripada negeri China RM3.10 satu kilo, daripada Turkey ialah RM3.00 satu kilo. Bagaimana rakyat di Kelantan ini untuk menggunakan bahan-bahan tempatan untuk membuat sos cili dan sos tomato? Itu persoalannya.

Jadi, saya harap supaya MARDI jangan hanya mengajar anak buahnya, rakyat ini untuk membuat sos cili dan sos tomato, tetapi membuat satu kajian bagaimana lada segar di Malaysia ini supaya bermutu tinggi dan supaya boleh dijual dalam keadaan yang murah supaya pengusaha-pengusaha tempatan tidak membeli lagi daripada luar negara. Itu perlu dibuat oleh pihak MARDI.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri. Tanah Merah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Rantau Panjang. Saya tertarik dengan penyelidikan yang telah diambil oleh Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat daripada segi R&D ini sendiri kadang-kadang pihak Kementerian Pertanian sendiri di antara urusan FAMA dan

MARDI itu sendiri pun susah hendak difahami. Kadang-kadang kita lihat ramai di kalangan petani merungut apabila teknologi baru dijumpai dan ditemui oleh pihak MARDI dan telah diarahkan untuk melaksanakannya atau pertanian itu diserahkan kepada pihak petani, tetapi hasil daripada pertanian, umpamanya dalam soal pertanian sayur-sayuran cili, tomato dan sebagainya pernah berlaku lambakan yang begitu tinggi di negara kita sehinggakan pihak petani terpaksa membuang hasil pertanian mereka dan ada setengahnya tidak mahu lagi menanam.

Jadi, dalam soal ini saya minta penjelasan dari Yang Berhormat, siapa yang harus diletakkan tugas dan tanggungjawab? Sama ada FAMA ataupun MARDI? Dan kita tidak mahu perkara-perkara ini berlarutan di kalangan petani kita yang menerima nasib yang malang ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Masalah kedudukan hubungan antara FAMA dan MARDI yang menjadi persoalan di sekitar rakyat penanaman-penanam sayur di seluruh negara sekarang ini. Memang kalau kita lihat MARDI telah berjaya mengeluarkan benih-benih yang sesuai, benih-benih yang bermutu tinggi untuk mengeluarkan hasil yang banyak, tetapi persoalannya ialah apabila hasil dikeluarkan rakyat terpaksa bertungkus-lumus untuk memasarkan hasil tanaman mereka itu. Dan kita dapati FAMA yang diberi tanggungjawab untuk memasarkan hasil pertanian ini sebahagiannya gagal membuktikan mereka ini bersungguh-sungguh untuk memasarkan kesemua hasil petani-petani ini. Malah mereka itu mengambil yang bermutu tinggi, yang segar sahaja. Yang bermutu rendah, yang kurang segar sedikit dibiarkan begitu sahaja menyebabkan rakyat menderita. Di manakah sepatutnya mereka ini memasarkannya?

Jadi, kesalahannya ialah FAMA juga perlu cari pasaran khususnya bagaimanakah bahan-bahan hasil pertanian yang dikeluarkan oleh rakyat atau petani-petani ini untuk dipasarkan bukan sahaja yang segar tetapi yang kurang segar ataupun yang kurang sihat ataupun yang hampir-hampir sudah rosak untuk dijadikan bahan-bahan yang lain. Kalau FAMA lemah ataupun tidak mengetahui bagaimana untuk menggunakan bahan-bahan yang diberikan kepada rakyat ini, maka FAMA juga perlu bekerjasama dengan MARDI untuk mencari satu jalan untuk memproseskan bahan-bahan yang hampir-hampir buruk ataupun hampir lupus ini. Itu pada pandangan saya. Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan, Yang Berhormat? Sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi bahawa isu harga, ini adalah isu pasaran. Saya rasa tidak adil kalau kita hendak menyalahkan MARDI, bukan saya hendak bela mereka sebab ini fakta hakikat yang sebenar. Kalau tadi Yang Berhormat menunjukkan satu pendekatan strategi yang agak ilmiah dengan melihat sendiri harga di pasaran, ini satu insentif yang baik. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa tempat Yang Berhormat melihat harga cili dan tomato pagi tadi, tengok suasana dalam pasar itu sendiri bahawa bila sayur-sayur itu sampai ke Kuala Lumpur, ke mana ianya dihantar. Adakah ini ada hubungan dengan penguasaan pasaran dengan pelanggan? Mungkin Yang Berhormat tahu harga sebarang sayur yang datang daripada Cameron Highlands mengatakan mungkin RM1.00, tetapi yang dijual mungkin RM3; harga mungkin 20 sen yang dihantar oleh petani tetapi dalam pasaran mungkin dua, tiga, empat kali ganda.

Adakah Yang Berhormat bersetuju minta dikaji ini sebenarnya dengan tidak kita menyalahkan mana-mana pihak bahawa mungkin ada satu permasalahan struktur dalam pemasaran barang pertanian di negara kita? Perlu kita ada pendekatan supaya mungkin kita ada satu peraturan bahawa harga yang dibeli oleh pelanggan (*consumers*) tidak boleh berbeza banyak sangat dengan harga oleh pembekal.

Kadang-kadang harga yang dibeli oleh isteri-isteri yang pergi ke pasar di sebelah pagi - macam pagi tadi berbeza sedikit, mungkin Yang Berhormat seorang suami pergi, mungkin yang lain semua isteri belaka yang pergi ke pasar. Mungkin Yang Berhormat seorang suami misali, syabaslah. Tetapi mungkin saya hendak tanya Yang Berhormatlah, ini bagus Yang Berhormat berbicara secara ilmiah, saya pun berminat juga hendak bersama-sama membahaskan isu ini. Mungkin telah sampai masanya negara, kerajaan bahawa harga yang dijual di pasaran, katalah X dengan

harga yang ditolak oleh petani tak boleh banyak beza sangat dan kita buat undang-undang supaya pastikan tidak ada orang tengah ini.

Yang sebenarnya sekadar hanya gerai tetapi yang mengeluarkan peluh, yang berusaha gigih ialah petani-petani. Ini bukan hanya tertumpu kepada Melayu tetapi seluruh rakyat Malaysia. Petani di Cameron Highlands semua orang Tionghua, petani luar bandar semua orang Melayu, kedua-dua kumpulan petani rakyat Malaysia ini ada andaian mengenai bahawa keuntungannya adalah kepada orang tengah yang menguasai pasaran.

Ini satu agenda yang baik, satu isu yang baik Yang Berhormat ketengahkan pagi ini. Saya bangga juga dapat kita bahaskan. Apa pandangan Yang Berhormat isu harga yang dibeli oleh pelanggan (*consumers*) dengan harga yang ditolak oleh petani berbeza sangat? Bila sampai masa, kena dikawal, bukan kawal harga dijual tetapi kawal perbezaan antara yang dibeli harga *consumers* dengan harga yang ditolak oleh pembekal. Saya hendak tanya Yang Berhormat supaya keadilan kepada petani-petani, seluruh rakyat Malaysia dapat dibela dan dipastikan. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin yang ingin mendapat pandangan saya berkaitan dengan kedudukan perbezaan harga para petani dan terus kepada pengguna.

Memang harapan sebenarnya penubuhan FAMA ini merupakan satu jabatan ataupun satu agensi yang diharapkan boleh memainkan peranan untuk menutup jurang perbezaan harga di antara harga yang dijual oleh pihak petani atau pengeluar dengan harga yang dibeli oleh pihak pengguna tetapi malangnya kita dapati peranan FAMA ini tidak sampai kepada matlamat yang sebenarnya. Malah FAMA terpaksa berhadapan dengan pemborong-pemborong yang lebih gagah, yang lebih mempunyai kemampuan, lebih berpengalaman dan lebih berpengaruh. Ini telah menyebabkan FAMA sendiri terpaksa juga menurut corak rentak yang sama sehinggalah sebilangan besar di kalangan rakyat petani mengatakan FAMA juga merupakan sebagai pemborong yang tidak mengambil berat tentang kedudukan petani-petani sebagaimana saya sebutkan tadi.

Hasil tanaman ini tidak semuanya berada pada gred yang baik ataupun gred satu. Ada juga yang *low grade*, gred yang rendah tetapi FAMA sebahagian besarnya mengambil bahan-bahan yang baik-baik. Yang bermutu rendah ditinggalkan. Sedangkan rakyat di kampung, penanam-penanam ini, itulah yang menjadi masalah sekarang.

Saya pernah terlibat dalam tahun 1989 bersama-sama dengan siswazah menganggur telah berusaha menanam lada, berusaha menanam timun ataupun tembikai. Lebih kurang 100 ekar saya tanam di satu kawasan jajahan Pasir Mas yang dibimbing oleh ketua jajahan pada waktu itu. Bagaimana waktu itu, tahun 1989, bukan harga sekarang ini, satu kilo tembikai hanya harga 30 sen di ladang, bayangkan. Apabila dipasarkan, kalau kita beli pula dengan peruncit di bandar dengan harga 80 sen. 50 sen perbezaan. Betapa rasa hati kita ini, kalau kita jual sendiri tanaman kita, sudah tentulah kita akan mendapat hasil yang lebih.

Maka, pada satu masa, kita berunding. Kita bermesyuarat di kalangan siswazah menganggur. Siswazah menganggur cuba mengambil satu van, satu lori kecil sahaja, hantar ke bandar untuk menjual sendiri dengan cara runcit pada waktu itu. Ternyata untuk menghabiskan satu van dengan cara runcit itu, dua hari tidak habis lagi. Dua hari tidak habis lagi. Oleh yang demikian, ternyatalah bahawasanya penanam-penanam ini merasa mereka tertekan. Perbezaan harga yang dijual itu terlalu tinggi. Maknanya pemborong itu dapat keuntungan yang begitu besar.

Sebab itulah saya rasa, FAMA ini juga mesti menggunakan satu kaedah yang lain. Jangan menggunakan kaedah yang digunakan oleh orang tengah yang bergerak secara berleluasa sekarang ini. Kalau kita hendak menggunakan satu kaedah yang lain, sekarang ini kita lihat FAMA telah mengadakan pasaran kelompok di kampung-kampung. Juga kalau kita lihat, harga-harga itu tidak begitu seimbang dengan harga yang dibeli oleh pemborong-pemborong yang lain. Jadi, saya rasa ini perlu diambil perhatian dan pihak MARDI yang telah bersusah payah mengeluarkan benih-benih yang baik, baka-baka yang baik dan rakyat pun telah menanam dengan keadaan yang agak berjaya tetapi dari segi pemasarannya, cukup-cukup mengecewakan.

Dan saya mengharapkan supaya FAMA dan MARDI ini mencari satu jalan bagi mendapatkan satu kaedah baru untuk memasarkan ataupun memproses bahan-bahan yang hampir-hampir rosak ataupun luput ini untuk dijadikan satu bahan yang lain yang boleh diproses.

Satu contoh lagi ialah keadaan di Perak. Di Perak, satu waktu dahulu MARDI pernah mengisytiharkan ciku madu sebagai hasil penemuan baru mereka tetapi sayangnya apabila pengusaha mahu memajukannya, benihnya pula tidak ada. Maknanya MARDI berjaya mengeluarkan satu penemuan baru iaitu ciku madu tetapi apabila penanam memohon untuk mendapatkan benih, jawapannya, MARDI tidak mampu untuk mengeluarkan benih yang banyak sehingga beberapa tahun. Ini satu perkara yang cukup mengecewakan.

Sedangkan kalau kita lihat di Taiwan, Taiwan bukan sahaja telah berjaya menghasilkan belimbing madu dan jambu madu yang berasal dari Malaysia sebenarnya tetapi telah mengeksport keluaran mereka ke negara kita sendiri. Asalnya benih dari negara kita, dibawa balik ke negara itu, kemudian kita pula import balik. Ini satu kejayaan bagi negara luar.

Saya bukan taksud atau hendak mengatakan bahawa Taiwan itu begitu berjaya dan kalau kita lihat sekarang ini, MARDI perlu melihat bagaimana penanam-penanam tembikai sehingga sekarang ini pun masih lagi mengimport benih tembikai dari Taiwan. Kalau kita tanya di kedai-kedai pun, bukan buatan Malaysia. Taiwan berjaya mengeluarkan benih tembikai, sama ada tembikai yang tidak ada biji (*seedless*), sama ada tembikai kuning yang kita lihat sekarang ini, itupun masih lagi diimport dari Taiwan.

Semenjak 20 tahun yang lalu, sewaktu saya menanam tembikai dulu pun, saya ambil benih dari Taiwan dan sekarang pun. Bagaimana dalam masa 20 tahun MARDI masih lagi tidak berhasil untuk mengeluarkan biji-biji tembikai yang kita import. Waktu itu RM70 satu tin kecil. RM80 untuk yang kuning. Sekarang ini saya dimaklumkan harganya RM300 hingga RM350 bagi satu tin kecil, sama besar dengan tin susu cap Junjung.

Demikian juga benih-benih yang lain seperti *marshmallow*, *rockmelon* dan *honeydew*. Itu semua hingga sekarang masih diimport – tanaman, biji dan buah yang mahal ini. Tetapi MARDI masih lagi tidak dapat mencari jalan bagaimana pihak Taiwan dapat mengeluarkan benih-benih *hybrid*, biji-biji *hybrid* ini.

Dan saya mengharapkan supaya pihak MARDI cuba berusaha dan pihak kerajaan hendaklah memberikan peruntukan yang banyak sedikit. Kerajaan pun satu hal juga. [*Ketawa*] Musim sekarang ini, sepatutnya Timbalan Menteri, hasil daripada apa yang saya dedahkan ini, *budget* yang akan datang ini, bagilah banyak sedikit R&D kepada MARDI ini. Hendak bagi R&D banyak, sayang! Tetapi rasa hendak membela rakyat. Rakyat sendiri terpaksa hentam MARDI. Jadi, ini satu perkara yang patut diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Begitu juga dengan padi. Entah kali ke berapa penemuan padi baru yang ditemui telah diisytiharkan. MARDI apabila ada penemuan padi baru, ia isytiharkan tetapi hasil padi masih tidak membanggakan. Kita tidak mampu menyaingi hasil padi dari Thailand. Kita hanya bangga dengan teknologi akan tetapi tidak ada kesungguhan...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: dari segi memajukannya. Ini satu perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, ya, sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Bagi pandangan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, agak-agak Yang Berhormat, seriuskah kerajaan ini hendak menangani masalah import makanan yang saban tahun semakin meningkat, malah pada tahun ini telah pun meningkat melebihi 13 bilion. Bila mana peruntukan untuk

MARDI bagi R&D selama lebih kurang empat ke lima tahun ini, tiap-tiap tahun tidak melebihi RM30 juta. Memadai atau tidak memadai dalam keadaan kerajaan untuk menangani import makanan yang melebihi 10 bilion tiap-tiap tahun semenjak empat tahun lebih. Minta pandangan, serius atau tidak serius itu?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Memang kalau saya tidak jawab pun, perkara ini semua rakyat tahu. Memang kerajaan tidak serius dalam hal ini. Semua pegawai tahu, semua rakyat tahu, memang kerajaan cakap sahaja tetapi tidak betul-betul bersungguh. Kalau ia serius, ia mestilah menggunakan MARDI ini dengan sebaik-baiknya.

Tadi saya sebut tentang bangunannya, dari segi infrastrukturnya, MARDI ini cukup-cukup teruk. Kalau tengok di Thailand, R&Dnya, kalau Havadi, bangunan tempat R&Dnya di dalam bendang padi. Kalau hal pertanian, di dalam kawasan pertanian. Ada bangunan tempat *research* di situ dan pegawainya terpaksa bertungkus-lumus dan *practice* selalu. Bukan sahaja buat di atas kertas. Tetapi pergi tengok sendiri. Demikian juga pegawai-pegawai pertanian.

Siswazahnya habis belajar dari universiti pertanian, sebelum dapat berkhidmat dengan kerajaan negeri, mesti masuk ke ladang dahulu untuk beberapa tahun. Kita, Jabatan Pertanian tidak berbuat demikian. Cuma kita, doktor mesti buat *housemanship*. *Lawyer* mesti buat itu, dua tahun atau setahun. Tetapi Jabatan Pertanian, keluar dari universiti pertanian, kerja di Jabatan Pertanian.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak lagi? Ha, sila Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya tertarik dengan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bahawa di Thailand masih ada lagi universiti-universiti pertanian, Thammasath dan sebagainya, bahkan di Bogor masih ada lagi universiti pertanian yang cukup popular.

Di Malaysia ini, ada lagi tidak universiti pertanian atau sudah dicuri universiti pertanian ini? Sudah tidak ada universiti pertanian. Ada lagikah ini? Minta pandangan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Malaysia sudah berkubur universiti pertaniannya. Barangkali perkataan 'pertanian' itu dianggap rendah oleh Malaysia ini. Sebab itu kerajaan buang terus perkataan 'Universiti Pertanian' itu diganti dengan Universiti Putra. Saya pun tidak tahu mengapa, sedangkan kita patut bangga kerana negara-negara lain ada universiti-universiti pertanian ini tetapi kita sendiri, perkataan 'pertanian' itu dibuang. Barangkali inilah satu gejala yang ada pada Kerajaan Malaysia. Serupa dahulu, perkataan 'Islam' ditakuti sangat, ini memang. Perkataan 'pertanian' tidak mahu, perkataan 'Islam' tidak mahu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Perkataan apa lagi kita hendak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada lagi. Ha, sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mula-mula pagi ini seronoklah melihat ada ilmiahnya ucapan yang sebelah sana tetapi bila Yang Berhormat bagi Jeli masuk, hancur! [Ketawa] Sepatutnya Yang Berhormat bagi Jeli ini orang yang profesional juga tetapi bila sudah masuk politik, tinggal asas fundamental profesionalisme beliau.

Dua perkara saya hendak bertanya. Pertama, tidak benar kalau kita semua meletakkan seluruh beban kepada MARDI. Swasta pun kena ada peranannya. Kerajaan negeri kena ada peranannya. Setakat ini, macam mana Kerajaan Kelantan? Apa usaha-usaha ia membangunkan pertanian? Idea daripada Yang Berhormat ini baik. Kemungkinan nanti, pilihan raya akan datang, Yang Berhormat boleh balik ke

Kelantan, sekurang-kurangnya jadi Timbalan Menteri Besar kalau bukan Menteri Besar pun ataupun Exco Pertanian.

Yang keduanya, walaupun ditukar nama Universiti Pertanian, mungkin Yang Berhormat masuk Universiti Pertanian. Sebenarnya di Universiti Putra, kursus-kursus pertanian itu masih ada, penumpuan pertaniannya ada. Sebab itu tadi kalau perbincangan ini diteruskan seperti keadaan di awal pagi tadi, ilmiah amat baik sekali tetapi bila sudah tengah hari sedikit, matahari sudah menegak, masuk unsur-unsur daripada Yang Berhormat bagi Jeli pula. Jeli pun, dia kawasan pertanian juga, dekat Pergau tetapi dia lupa peranan dia sebagai wakil rakyat. Untuk membangunkan pertanian pun, dia lupa juga. Serah bulat-bulat menyalahkan MARDI. Apabila dekat pilihan raya nanti, ingatlah MARDI. Dia puji pula MARDI baik. Itu dia hendak undi. Sekarang ini, dia bantai semuanya kepada MARDI.

Saya rasa kita kena bagi galakan kepada agensi ini. Mungkin kita bagi semangat kepada mereka. Mungkin masalahnya bukan bidang kuasa mereka. Ini juga bergantung kepada keadaan pasaran itu sendiri. Semalam kita bincang, mereka ini agensi kerajaan, mungkin cadangkan patut dikorporatkan supaya ada lebih lagi keupayaan, sumber manusia dan keupayaan kewangan untuk menghadapi cabaran-cabaran baru seperti Yang Berhormat kata tadi.

Saya minta pandangan Yang Berhormat. Kalau dapat tumpukan kepada perbincangan ilmiah seperti yang ucapan Yang Berhormat yang lebih awal tadi. Saya minta pandangan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat bagi Rompin jangan keliru. Kita bukan hentam pegawai MARDI, kita hentam MARDI itu sendiri. Maksudnya bila MARDI itu, kerajaanlah! *[Ketawa]* Pegawai bagus! *[Disampuk]* *[Ketawa]*

Tetapi saya sedih juga. Semalam ada Ahli Parlimen dari Barisan Nasional mencadangkan supaya MARDI ini diswastakan. Saya cukup-cukup sedih. Sebabnya kita telah melihat banyak agensi kerajaan yang diswastakan pun, tidak ke mana juga. Tetapi ada semalam, salah seorang sahabat kita mencadangkan supaya MARDI ini diswastakan. Saya cukup dukacita kerana kita lihat pegawainya masih lagi bersungguh-sungguh, cuma pihak kerajaan yang tidak bersungguh-sungguh.

Begitu juga dengan sistem hidroponik yang dibanggakan sedikit waktu dahulu. Sejauh manakah pentingnya sistem ini, sedangkan kita sebenarnya bukan kekurangan tanah untuk pertanian. Berjuta-juta telah dihabiskan oleh kerajaan dalam penyelidikan ini. Manakala rakyatnya pula tidak memandang penting terhadap teknologi tersebut. Apakah input dari hidroponik dalam erti kata yang sebenarnya? Saya minta penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri selepas ini.

Kita lihat di Indonesia, Taiwan dan Thailand, kerajaan mereka melihat apa yang rakyat usahakan, kemudian mereka membangunkan perusahaan tersebut. Bila rakyat berusaha, kerajaan *follow-up* dari belakang. Maknanya untuk membangunkan perusahaan yang dilakukan oleh rakyat mereka. Ia menyebabkan pengusaha bertambah minat untuk menjayakan kerjaya mereka.

Kita dapati di pusat-pusat penyelidikan mereka berada di tengah-tengah kawasan pertanian seperti mana yang saya sebutkan tadi, perusahaan dan penternakan. Mereka bergelumang dengan lumpur, bersama-sama dengan petani. Mereka turut merasa penat jerih petani dalam merealisasikan tugas mereka.

Sebab itu saya mencadangkan supaya di masa hadapan ini, Kerajaan Malaysia mengenakan satu syarat kepada mereka yang berkelulusan dalam bidang pertanian ini, sebelum mereka itu diberi pekerjaan dengan kerajaan, mereka perlu menjerumuskan diri mereka dalam bidang pertanian bersama-sama dengan rakyat sama ada setahun atau dua tahun. Kemudian barulah mereka itu diberi jawatan-jawatan di dalam bidang-bidang yang tertentu. Itu cadangan sayalah. Kalau tidak keberatan, pihak kerajaan perlu membuat kajian kembali.

Satu contoh berlaku di Kelantan iaitu di dalam perusahaan dodol di Pasir Puteh, Kelantan misalnya. Pihak MARDI turun padang untuk mengajar bagaimana cara untuk memasak dodol sedangkan masalah sebenarnya bukan masalah cara-cara memasak dodol, mereka menghadapi masalah kulat, masalah pembungkusan supaya tidak melekat di pembungkus itu, masalah berminyak dan seumpamanya. Inilah yang tidak difahami oleh pegawai-pegawai MARDI barangkali. Soal memasak itu barangkali

pengusaha lebih arif tetapi soalnya, mutu yang dikeluarkan oleh pengusaha itu tidak sama dengan mutu yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha dodol di tempat yang lain tetapi MARDI pergi mengajar cara untuk memasak dodol. Perkara yang pentingnya bukan mengenai mutu sangat tetapi kulat itu, kenapa tidak tahan lama? Jadi itu yang perlu diajar, bukan cara hendak memasak dodol dan sebagainya. Kemudian hendak pakej itu perlu dan saya kira pakej ini perlu diajar oleh pihak MARDI supaya pengusaha-pengusaha itu akan dapat meningkatkan barangan keluaran mereka itu.

Satu lagi ialah perlukan perhatian oleh pihak MARDI ialah soal bayaran yang dikenakan kepada peserta-peserta kursus di akhir-akhir ini. Dalam lebih kurang dua atau tiga tahun yang lalu semua kursus ini dibiayai oleh MARDI dengan percuma tetapi di akhir-akhir ini, nampaknya peserta terpaksa kena bayar di antara RM300 sehingga RM500, itu pun dilihat kepada kursus yang dijalankan. Ini barangkali pihak kerajaan memberi peruntukan kepada MARDI tidak mencukupi sehingga terpaksa MARDI mengenakan bayaran kepada peserta-peserta kursus ini.

Jadi saya mengharapkan supaya pihak kerajaan membantu MARDI ini supaya rakyat lebih ramai lagi menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak MARDI ini. Sekarang ini peserta-peserta boleh dikatakan kurang sekarang ini dan saya dimaklumkan, tidak lebih daripada 50% setiap kali kursus-kursus diadakan, itu perlu mendapat bantuan daripada agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang lain secara terus-menerus bagi membolehkan MARDI ini meneruskan kursus-kursus mereka itu dan teknologi pembuatan ini juga tidak akan ke mana-mana sekiranya pihak pengusaha R&D ini dimalapkan dengan masalah birokrasi dan masalah kewangan.

Oleh itu saya mengharapkan supaya satu perubahan baru terhadap institusi MARDI sendiri perlu dibuat bagi mementingkan keupayaan menjana industri yang berada di sisi mereka itu sendiri.

Peranan-peranan MARDI saya tengok di akhir-akhir ini perlu ditingkatkan. Contohnya apakah peranan MARDI bagi seseorang pengusaha untuk mencapai tahap amalan perkilangan yang baik ataupun *good manufacturing practice* (GMP). Adalah difahamkan bahawa buat masa ini, pengusaha-pengusaha tidak mencapai taraf GMP. Kalau ada pun tidak lebih daripada 10% di kalangan pengusaha-pengusaha bumiputera yang telah mencapai taraf GMP ini. Jadi saya menyeru kepada pihak kerajaan membantu lebih banyak lagi MARDI ini meramaikan pengusaha-pengusaha bumiputera ini mencapai taraf GMP mereka ini.

Saya juga mencadangkan pihak MARDI memperbanyakkan kursus-kursus bagaimana untuk mencapai tahap amalan perkilangan yang baik dan jaminan makanan selamat (*Hazard Critical Point*). Kursus-kursus seperti ini jarang sekali disertai oleh bumiputera dan kerajaan perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada MARDI khususnya kemudahan-kemudahan kewangan dan skim galakan kepada peserta-peserta melalui agensi-agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada pihak Menteri Pertanian, kenapakah pihak kerajaan tidak menggunakan pencapaian dan penemuan penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersialkan yang sudah pun melebihi 40 jenis termasuk teknologi makanan, strategi alam sekitar dan sumber semula jadi, ternakan, tanaman-tanaman makanan dan industri seumpamanya dibiarkan begitu sahaja. Apakah tidak ada agensi-agensi ataupun pengusaha-pengusaha yang berminat di dalam bidang ini. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh manakah pihak MARDI telah berjaya memenuhi khidmat yang diperlukan oleh pelanggan dalam soal pemprosesan makanan ataupun *homestead* dan ladang buah-buahan, pemasaran produk atau bahan-bahan pertanian, pengeluaran sayur-sayuran secara *organic farming* dan pengeluaran lembu daging secara *'pick-lot'*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya akta yang baru nanti, adalah diharapkan MARDI juga turut menjadi baru dalam memberi kemudahan kepada rakyat pengusaha. Pengemaskinian akta ini adalah diharapkan dapat membangunkan imej MARDI sekali gus mampu membangunkan khidmat MARDI juga. Adalah diharapkan juga pegawai-pegawai yang bertungkus-lumus untuk menghasilkan sesuatu teknologi baru tidak akan berputus asa dan sentiasa bersemangat untuk mencari penemuan baru dalam bidang-bidang teknologi ini. Perhatian dan campur tangan dari pihak kementerian untuk menyelaraskan kerjasama dan komitmen daripada jabatan-jabatan lain perlu diutamakan.

MARDI tidak mampu untuk berdikari tanpa sokongan dan bantuan dari agensi kerajaan yang lain. Janganlah hendaknya rakyat menjadi mangsa kepada ketidakselarasan agensi kerajaan sedangkan mereka betul-betul mahukan kejayaan di dalam bidang yang diceburi.

MARDI perlu diterokai dalam bidang-bidang herba sekarang ini yang menjadi sebutan kepada umum dan merupakan hasil yang begitu tinggi kepada Kerajaan Malaysia sekarang ini. Apa yang saya maksudkan ini ialah supaya tanaman herba ini akan menjadi tanaman komersial seperti tanaman kelapa sawit satu masa dahulu, tanaman getah, tanaman koko, lada hitam. Ini juga perlu hasil daripada penyelidikan yang dibuat oleh MARDI terus-menerus dan juga beberapa komoditi yang lain.

MARDI perlu membuat kajian tentang tanaman-tanaman sekeliling rumah sebelum ini bila mana rakyat sebelum ini tanam hanya di sekeliling rumah, tidak buat secara komersial iaitu seperti tanaman lidah buaya, hempedu bumi, pegaga, kunyit, serai wangi, tongkat ali, mengkudu, misai kucing, nilai dan akhir sekali ialah kacip fatimah. Pokok kacip fatimah ini patut diseimbangkan dengan penemuan tanaman tongkat ali. Itulah perkara-perkara yang saya hendak sebut di pagi yang mulia ini dan saya mengharapkan.....

Tuan Mohamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Peringat hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi? Ha, sila, sila.

Tuan Mohamad bin Mustafa: Terima kasih Dato'. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Sebelum Yang Berhormat mengakhiri ucapan, saya ingin meminta penjelasan. Yang pertama, sejauh mana kesan Dasar Pertanian Negara yang baru yang diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian baru-baru ini? Apakah ada perubahan-perubahan baru setelah dasar ini diperkenalkan, khususnya dalam memperkasakan MARDI itu sendiri. Apakah ianya juga setakat isytihar sahaja seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Yang keduanya, apakah tidak ada di sana pihak-pihak swasta atau badan-badan korporat yang besar yang memberi bantuan kepada MARDI untuk meningkatkan lagi keupayaannya MARDI ini demi kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat. Masalah Dasar Pertanian Negara yang baru ini, kita sedang menunggu satu kajian yang barangkali pihak kementerian akan mengeluarkan kajian hasil daripada pengisytiharan Dasar Pertanian Negara yang baru ini. Setakat ini kita melihat tidak banyak perubahan yang berlaku dan tidak banyak hasil yang boleh dinikmati oleh rakyat hasil daripada Dasar Pertanian Negara yang baru ini barangkali kerana ada karenah-karenah yang diperhatikan daripada campur tangan yang kuat daripada kalangan politik dan saya melihat kalau betul-betul pihak kementerian ini untuk meneruskan Dasar Pertanian Negara yang baru ini jangan ada campur tangan politik yang begitu banyak.

Umpamanya Kerajaan Kelantan telah meluluskan berpuluh-puluh ribu ekar tanah kepada pengusaha-pengusaha di bidang ladang pertanian tetapi ada orang politik mengatakan Kerajaan Kelantan menggadaikan tanah tersebut kepada pengusaha-pengusaha ladang. Ini merupakan satu campur tangan orang politik yang cukup kotor. Kalau kita tidak beri tanah untuk memajukan tanah, pihak UMNO mengatakan Kerajaan Kelantan tidak buat apa-apa, tanah ada tetapi tidak diusahakan. Bila kita beri tanah kepada pengusaha, dikatakan kita gadai sedangkan kita telah memberi syarat yang jelas. Sekarang ini tanah yang diberi kepada sesiapa sahaja, pengusaha-pengusaha ladang di Kelantan ini tidak boleh dicagarkan, tidak boleh ditukar nama, itu syarat utama tetapi diisytiharkan kepada rakyat, mengatakan Kerajaan Kelantan telah menggadaikan tanahnya kepada pengusaha-pengusaha asing. Ini satu perkara dan karenah yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seterusnya boleh menghalang kemajuan pertanian di Malaysia ini.

Barangkali oleh kerana politik, mereka ini lupa bahawasanya Kerajaan Kelantan juga cuba.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat baru sebentar menyebut Kerajaan Barisan Nasional kononnya campur tangan hal ehwal Kerajaan Kelantan menguruskan tanah. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita tegur itu kerana selalunya pihak pembangkang mereka selalu menuduh kerajaan kita selalu menjual tanah dan menggadai tanah kepada pelabur asing, gasak sampai habis tetapi bila dia kena, bila kita sebut di negeri dia, dia naik marah. Itu kata saya, sebab itulah bila kita bercakap, kita berhati-hati. Jangan menuduh orang lain beri bangsa asing, tegur, hentam macam-macam. Tetapi bila negeri Kelantan melaburkan kepada pihak asing, kita tegurlah. Jadi sama jugalah, pihak Kerajaan Negeri Kelantan pun ada macam itu juga. Ini tidak, dituduh kepada kita sahaja jadi bila kena kepada dia, dia tidak terima. Ini saya tidak tahu macam mana, minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak boleh disamakan antara strategi ataupun cara yang digunakan oleh Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Barisan Nasional. Kalau hendak dibandingkan dengan rakyat Kelantan sendiri pun, waktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah dahulu, cara pemberian tanah untuk pertanian ini di kawasan Lojing, 27 syarikat yang telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional waktu memerintah kepada pengusaha-pengusaha kononnya untuk tanaman sayur-sayuran, untuk tanaman teh, untuk tanam bunga-bunga di kawasan Lojing, 27 syarikat tetapi semuanya kena tipu. Barangkali kerajaan sengaja biar ditipu. Tanah ini diminta *working paper*, kertas kerjanya untuk membuat projek pertanian di antaranya tanam teh, tanam bunga-bunga dan sayur-sayuran tetapi oleh kerana kerajaan waktu itu tidak teliti dalam pemberian hak milik kepada mereka itu diberi dengan tidak ada syarat yang menyebabkan mereka itu hanya mengeluarkan balak-balak sahaja. Hasil balak dikeluarkan, ditinggalkan tanah begitu sahaja. Ada sesetengahnya digadaikan kepada Bank Pertanian lagi. Tanah tidak diusahakan apa-apa, gadai kepada Bank Pertanian, akhir sekali Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa mengambil tanah itu kembali melalui Bank Pertanian...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Banyak lagi Yang Berhormat? Panjang lagi?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hendak habis sedikit lagi, hendak huraikan ini sedikit, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk perkara besar sudah.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tetapi kerajaan kita sekarang ini, kita boleh bagi tanah juga, pertama sekali hasil di atas bumi itu, hasil balak itu adalah hak kerajaan negeri walaupun kerajaan negeri telah luluskan permohonan tanah yang mereka itu mohon untuk membuat sesuatu projek atau projek kelapa sawit, okey tetapi semua balak itu adalah hak kerajaan untuk tender atau seterusnya. Hak kerajaan negeri, hak kerajaan negeri, *clear* semua sekali, ambil hak pertanian dan tanah itu tidak boleh dicagarkan kepada bank-bank, tidak boleh ditukar hak milik, itu syarat utama. Barangkali Yang Berhormat boleh tanya pengusaha-pengusaha sebab kita bukan sahaja luluskan kepada orang PAS sahaja, kepada orang UMNO pun kita luluskan sebahagiannya dari orang UMNO kita luluskan tanah, itu ketelusan kita.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ha, ada yang minta jalan lagi. Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Lipis.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih Dato', terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya ingat semua ini hendak kelabukan mata saya. Syarikat yang dapat, selalunya tanah-tanah di Kelantan saya difahamkan, bila lulus, ekuiti syarikat itu dibeli oleh orang lain, ini berlaku tukar milik. Saya tahu sebab saya bersempadan dengan Kelantan dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang mengatakan tadi, Kerajaan Barisan Nasional mengeluarkan tanah di Lojing, setahu saya Lojing itu sebelah Cameron Highlands, bukan di zaman Barisan Nasional memerintah tetapi apabila Kerajaan PAS memerintah, hingga botak Lojing itu. Jadi saya ingat fakta-fakta Yang Berhormat bagi itu kenalah tepat sedikit sebab kita di Dewan yang mulia, bukannya kita berceramah di kampung-kampung yang mana orang tidak tahu. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Barangkali Yang Berhormat betul-betul tidak mengetahui keadaan yang sebenar di Kelantan ini. Memang sebahagian besar tanah di Lojing itu diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu tetapi tidak diusahakan, diambil balak sahaja dan tinggalkan begitu sahaja. Zaman kita ini barulah diusahakan. Itu pun bertukar tangan dan memang mereka ini tidak boleh ditukar ekuiti sebab kita juga sentiasa *follow up, check* dengan ROC, mana boleh tipu kalau sesebuah kerajaan tidak boleh *check* sama ada orang itu bertukar tangan atau tidak kepada syarikat-syarikat itu, memang itu pemerintah dan kerajaan yang bodoh. Kita sentiasa memantau setiap syarikat yang kita luluskan kepada mereka itu, pertama tidak boleh digadai, memang syarat ada ditulis di situ. Yang keduanya tidak boleh tukar tangan, yang ketiganya, hasil di dalam itu sebelum di *clear* adalah hak kerajaan negeri umpamanya kayu-kayu yang berada di dalam hak kerajaan negeri.

Ini ketiga-tiga syarat yang jelas. Sebab itulah kita tengok walaupun pembangunannya lambat tetapi ia tidak boleh diselewengkan, itu beza. Lain lagi saya tidak tahu, barangkali kalau kita hendak cepat, senang sahaja kita bagi semua. Saya boleh minta tanah beribu-ribu ekar walaupun tidak ada duit kalau begitu, saya boleh cagar kepada bank, hasil bumi saya boleh, dapat, balak saya jual dahulu, betul tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, masuk asal Yang Berhormat, masuk asal.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu penjelasan yang perlu kerana kebetulan ramai di antara Ahli Parlimen UMNO yang tidak faham, saya terpaksa memberi penjelasan kalau tidak dia terus dengan tidak faham seperti ini. Saya rasa itulah.

Dan penghabisannya saya minta supaya pihak MARDI ini teruskan pendekatan terbaharu mereka itu kerana kita melihat produk-produk herba yang saya sebut tadi, kita lihat sekarang ini hasil makanan herba ini sudah meningkat kepada lebih daripada RM2.38 bilion sekarang di Malaysia. Ini satu jumlah angka yang begitu besar kalau hendak dibandingkan tahun 1996 dahulu hanya lebih kurang RM950 bilion sahaja sekarang sudah RM2,380 bilion. Ini merupakan satu perkara yang amat membanggakan kita dan saya harap kalau boleh MARDI tumpukan kepada ini, tidak payah tumpukan kepada industri-industri kecil lain tetapi tumpulah kepada tanaman herba ini kerana ia menjadi satu tanaman yang cukup memberi hasil kepada rakyat sekeliling.

Sekian sahaja. *Wabillahi taufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar dahulu.

12.00 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya, dari petang semalam duduk di Dewan sampai sekarang, mendengar celoteh oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, adalah juga macam mana Yang Berhormat bagi Rompin sebut pagi tadi, perkara-perkara yang boleh dikatakan bahasan Parlimen berhubung dengan undang-undang berkaitan MARDI ini. Sebahagian daripadanya hanyalah macam cakap di kampung dengan orang kampung untuk memancing undi.

Jadi, salah satu perkara yang saya hendak sebut juga di sini – Tanah Merah kata Rantau Panjang punya penyelidikan pagi ini amat baik sekali kerana hendak mencari harga barang-barang di pasar. Jadi, kalau inilah *standard* yang dikatakan sebagai satu penyelidikan, saya mengatakan MARDI itu sudah cukup pandai, cukup maju dan cukup boleh dipuji, kerana MARDI sudah seribu kali ganda lebih baik daripada hanya menyelidik harga barang-barang di pasar. Jadi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang menjadi pegawai FAMA pada pagi ini, memberi tahu kita harga barang-barang di pasar. Lain kali salurlah terus ke Radio Malaysia supaya tidak payah dilantik pegawai untuk membuat laporan lagi lain kali. Inilah dia tahap dan *standard*.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan pembentangan rang undang-undang ini, kerana undang-undang ini memberi nafas baru kepada MARDI. MARDI akan memainkan satu peranan yang amat besar dan tinggi sekali untuk memajukan Malaysia ke hala yang akan datang, untuk memajukan industri pemakanan dan penanaman di negara Malaysia. Dan dengan harapan itu, saya menyeru pihak kerajaan supaya jangan membina undang-undang ini dengan tidak bantuan yang secukupnya. Sebagaimana rakan saya daripada Sabah bercakap semalam, yang menyebut mengenai beberapa perkara, saya amat bersetujulah dengan apa yang dicakapkannya. Saya akan sebutkan satu-persatu.

Yang pertama, disebutkan soalan syarikat. Saya juga berasa tidak senang hati kerana pihak MARDI akan dibolehkan di dalam undang-undang ini menubuhkan satu syarikat, dan syarikat ini pula akan melibatkan diri dalam perniagaan dan pemasaran barangan yang dapat ataupun penemuan mereka nanti. *Track record* yang ada pada kita tidak menunjukkan bahawa jabatan kerajaan, sama ada *research centre* ataupun badan-badan yang mempunyai tujuan amal dan sosial, begitu maju dalam soalan perdagangan dan pemasaran. Jadi, kita kena berhati-hati, melainkan kita punya sokongan, iaitu pengurusan, pentadbiran dalam syarikat itu nanti dimasukkan orang-orang daripada luar - orang-orang industri, orang-orang perdagangan, orang-orang usahawan, barulah syarikat demikian boleh mendapatkan matlamat hasil, ataupun matlamat yang hendak kita tujukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada undang-undang. Undang-undang ini amat penting kerana undang-undang ini membolehkan, iaitu *enabling law*, ini membolehkan. Beberapa tindakan yang kita ambil, pertama untuk membolehkan kita mengukuhkan lagi penyelidikan, membolehkan kita melantik pegawai-pegawai yang tertentu untuk mengawal selia dan beberapa tindakan-tindakan lain. Jadi dalam keadaan sedemikian, undang-undang tetap akan menjadi undang-undang, yang dibolehkan kita itu tetap boleh juga, melainkan mendapat sokongan yang padu daripada pihak kerajaan. MARDI tidak akan mendapat pencapaian yang tinggi yang kita harapkan jikalau sumber peruntukan tidak ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang secara keseluruhannya, Malaysia hanya melabur 0.5% dalam segi penyelidikan. Jadi, dalam soalan MARDI, saya tidak tahu berapa banyak, kalau dibandingkan daripada *total* yang didapati oleh Kementerian Pertanian yang disalurkan kepada pihak MARDI untuk penyelidikan. Jadi, peruntukan ini amat penting sekali. Kalau kita lihat di mana-mana negara pun, industri Amerika umpamanya, sebagai misalan Tuan Yang di-Pertua, industri Amerika, iaitu industri *armament*, iaitu industri untuk membuat kapal perang, senjata dan sebagainya itu, mempunyai peruntukan yang begitu tinggi sekali, berbilion untuk tujuan *research and development*. Jadi, kalau tidak dibuat sedemikian, nescaya *armament* Amerika tidak akan secanggih seperti mana yang mereka dapati sekarang, dan tidak dapat menguasai industri itu di seluruh dunia.

Dan begitu jugalah penyelidikan-penyelidikan lain. Umpamanya, saya dimaklumkan oleh seorang *researcher, scientist* daripada Malaysia yang berkhidmat dalam sebuah syarikat *research – one of the top 14 research centres in the world*, dengan izin, semasa berada di Korea. Dia kata syarikat itu menyediakan 12.6% daripada *revenue* syarikat itu – *revenue* syarikat itu digunakan untuk *research and development*. Jadi, tidak hairanlah mengapa syarikat itu menjadi salah satu daripada 14 sahaja syarikat di dunia, yang dikatakan yang terunggul di dunia dalam aspek penemuan dan pembikinan. Jadi, walau pun *research* mereka ini tertumpu kepada bidang perubatan, pemakanan dan barang-barang lain, seperti *chemical, petro-chemical* dan sebagainya, tetapi dalam semua *research*, kalau peruntukan tidak diberi sebegitu banyak, nescaya terbatallah tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak *researchers* ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja menyebut mengenai undang-undang, yang kedua ini mengenai peruntukan. Dengan itu, saya mencadangkan supaya peruntukan yang diberi kepada MARDI pada masa sekarang, mestilah diambil kira dan mestilah dipertingkatkan dan memberi sebanyak boleh kepada MARDI supaya *flexibility* mereka menggunakan sumber kewangan, memberikan kemudahan-kemudahan kepada mereka, memberikan alat-alat perkakas kepada mereka, menggunakan perkakas-perkakas yang canggih kepada mereka dan membuatkan apa sahaja tindakan yang perlu, perkakas-perkakas yang perlu untuk pencarian mereka. Jadi ini amatlah penting, kalau tidak, undang-undang akan tetap tinggal undang-undang.

Yang ketiga, motivasi. Di sini ternyata dalam undang-undang ini, apabila satu-satu pencarian itu dibuat sepenuhnya daripada sumber kewangan kerajaan, penemuan itu akan dipunyai oleh kerajaan, dan apabila pencarian itu dilabur oleh pihak swasta ataupun orang luar, penemuan itu akan dipunyai oleh orang swasta, iaitu orang yang memberi sumbangan kewangan, penyumbang kewangan kepada *research* di bawah undang-undang ini. Jadi dengan sendirinya, kalau *research* itu, a *joint research*, dengan izin, dibuat oleh pihak swasta dan pihak kerajaan, dengan sendirinya penemuan itu nanti akan dipunyai, *the ownership of* barang yang dijumpai itu akan *jointly owned by* kerajaan dan pihak swasta.

Jadi, kalau dalam keadaan yang sedemikian, di manakah letaknya kedudukan *researchers*? Kita kena ingat, ini kita *dealing* dengan *human being*, kita *dealing* dengan manusia biasa. Kalau seorang kawan pergi masuk industri, dalam industri yang sama, selepas enam tahun membuat penemuan, dia sudah *drive* Mercedes, BMW, Jaguar dan sebagainya. Tetapi *researcher* yang membuat penemuan tadi, duduk sebagai pegawai kerajaan, masih duduk dalam kerajaan, minta maaf, bukan bertujuan mengecil-ngecilkan, masih lagi *drive* Proton Wira, Proton Waja dan sebagainya. Di mana letaknya motivasi? Saya hendak tanya. Di mana letak motivasi individu ini? Jadi saya mempunyai satu pendirian, mungkin peribadi saya, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa motivasi kepada individu itu adalah satu instrumen yang terkuat sekali untuk *motivate* seseorang insan itu mahu lebih maju, mahu lebih bekerja kuat, mahu lebih mendapatkan penemuannya.

Jadi, dengan itu saya mencadangkan supaya motivasi-motivasi yang tertentu secara individu, diberi kepada *researchers* ini, saintis-saintis dalaman kerajaan, diberi opsyen kepada mereka, diberi *royalty in case of discovery*, apa-apa benda sekalipun, apabila benda ini *dicommercialise* ataupun boleh dikomersilkan. Kalau ini tidak dibuat, nescaya orang mengambil enteng sahaja. Bukan kita mengata tidak ada dorongan atau patriotisme sendiri, tidak ada, bukan saya kata itu, tetapi ada manusia ini *dimotivate* oleh kerana keilmuan itu sendiri. Ada juga manusia itu *dimotivate* benda asing daripada dirinya sendiri daripada luar, iaitu kesenangan hidup, kedudukan keluarga, kedudukan diri sendiri, kemewahannya. Ini semua merupakan motivasi. Jadi kalau motivasi ini tidak dilihat secara mendalam, tidak dilihat secara *human being*, tidak dilihat secara individu manusia itu, nescaya kita juga akan menghadapi satu masalah kelemahan dalam *research* itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini soalan *research*. Jadi saya berpindahlah kepada perkara lain, iaitu soalan yang banyak disebut tadi – soalan herba, soalan tanaman pokok-pokok kayuan tongkat Ali, rumput Siti Fatimah – kalau tidak sebut pun, saya sebutlah, di Sarawak ada benda ini, yang orang percaya mempunyai satu herbal contain. Jadi pada masa sekarang kita tidak mempunyai katalog yang sepenuhnya. Saya menyarankan supaya pihak MARDI, telah mendapat sumber kewangan, telah mendapat kemudahan, telah mendapat satu mekanisme yang baru ini nanti, akan cuba membuat satu katalog yang menyeluruh untuk semua barang-barang kita, sama ada barang ini daripada pokok-pokok kayuan hutan, tanaman-tanaman yang ada pada kita, pokok kayu-kayuan, rumput ranting dan sebagainya, dikatalogkan seluruhnya, yang mana satu mempunyai *herbal content* ataupun yang boleh dieksploitasikan sebagai satu khazanah *bio-diversity* kita, yang boleh mendatangkan hasil yang berterusan kepada negara ini.

Dan dua cadangan yang saya sarankan di bawah ini, satu, cadangan saya ialah untuk mewujudkan supaya MARDI diberi satu peruntukan yang mencukupi untuk mewujudkan satu *gene bank* kita sendiri. *Gene bank* ini amatlah penting kepada negara Malaysia, dan ini selaras dengan *bio-diversity United Nations World Convention on Bio-Diversity* – *gene bank* ini, kerana ada masalah kehilangan, kepupusan dan

sebagainya. Umpamanya, kalau kita tidak mempunyai gene bank dan sebagainya, saya akan mencadangkan juga *plantation*, ataupun *spesies* penanaman hutan, *spesies* yang bakal hilang atau kepupusan. Ini tiga perkara yang saya sarankan – iaitu satu, *gene bank* dan *herbal plantation*, dan yang ketiga, hutan *spesies* yang bakal pupus.

Ini adalah tiga perkara yang perlu diambil perkiraan kerana dalam *herbal plantation* ini dan hutan spesies yang bakal pupus ini, kita melihat senario yang berlaku di negara kita. Senario yang pertama pembesaran perladangan. Senario kedua *logging activity* ataupun pembalakan kayu. Yang ketiga ialah pembangunan bandar. Kadang-kadang ada spesies-spesies yang tertentu hanya boleh duduk di daerah-daerah ataupun hidup di daerah-daerah yang tertentu. Jadi oleh kerana aktiviti yang tiga ini tadi sama ada *plantation*, *logging* ataupun pembangunan desa dengan sendirinya ada peluang spesies-spesies pokok-pokok, sayur-sayuran, daun-daun ini, rumput ranting ini akan hilang dan pupus daripada daerah itu. Mungkin daerah itu sahajalah benda ini boleh dijumpai dan kalau ini berlaku hilanglah khazanah daripada negara kita.

Umpamanya saya sebutkan buah 'dabai' orang kata buah dabai ditanam di mana pun hanya yang di Sibul sahaja yang membuahkan hasil yang baik, yang ditanam di Kuching ataupun di Miri tidak mempunyai hasil dan *texture* yang sama, tidak mempunyai rasa yang sama. Maknanya spesies ini memang sesuai untuk tanah di Sibul sahaja. Begitu juga umpamanya beras Bario yang disebut oleh kawan saya semalam dari Sipitang. MARDI saya percaya sudah membuat satu penyelidikan untuk ditanam di tanah rata dan dataran bawahan, bukan di tanah yang berunsur *temperate* macam di Bario. Beras ini tidak mengeluarkan hasil *texture* dan rasa bau kewangiannya sebagaimana yang ditanam di tanah tinggi.

Jadi, persoalannya kalau pupus pokok-pokok, ranting-ranting dan daun-daun sedemikian daripada daerah tersebut, dengan sendirinya khazanah *bio-diversity* ini akan pupus dari bumi Malaysia. Jadi, sepatutnya kita mewujudkan satu *plantation* untuk menanam pokok-pokok ini di tempat mana ia boleh hidup dan membiak serta menyubur. Begitu juga *gene bank* benda yang kita tidak boleh simpan di atas tanah, kita tidak boleh tanam disatu tempat, kita boleh simpan ia punya baka DNANYA. Kemungkinan *scientist* kita pada satu ketika nanti mewujudkan pokok ini menanam di satu tempat buatkan *research* yang menyesuaikan pokok ini kepada satu *temperate climate* ke tanah semua sekali dan boleh ditanam di tempat yang sedemikian sebelum kita menjumpai baka-baka yang tertentu, boleh disimpan di dalam satu.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya amat tertarik dengan perbincangan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, khususnya mengenai *gene* dan juga *bio-diversity*. Saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat mahu mencadangkan supaya kita juga mendaftarkan seluruh penemuan-penemuan dan baka-baka yang unik di kawasan kita supaya tidak dirompak oleh pihak Barat. Pada waktu ini soal *bio-diversity* ataupun *bio-technology patent* merupakan satu masalah kompleks dalam dunia.

Satu kes yang pernah saya sebutkan di dalam Dewan Rakyat adalah soal *gene basmathi* iaitu beras yang paling sesuai untuk nasi biryani yang mempunyai bentuk, kalau dimasak, semacam anak bulan *like a crescent*, dengan izin, yang berasal di kawasan kaki gunung Himalaya di Pakistan dan India.

Hari ini, oleh kerana tidak ada kawalan di negara-negara berkenaan, *gene* ini telah pun dibawa dan diciplak ke Arizona di Amerika. Sekarang ini, telah pun dikeluarkan secara besar-besaran dan telah dipatenkan di bawah hak cipta milik pengusaha di Arizona Amerika Syarikat. Adakah Yang Berhormat mahu memperingatkan agensi-agensi kita supaya lebih proaktif terhadap soal-soal ini? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sebenarnya Yang Berhormat dari Parit Sulong ini dia selalu membangkitkan hal yang ada hubung kait dengan perkara yang belum kita buat ini. Jadi, saya mengucapkan terima kasih tetapi sebenarnya saya hendak menyentuh selepas saya habis menceritakan ini dan saya hendak menyentuh dua tiga perkara lain iaitu soal undang-undang *bio-diversity* untuk Malaysia, untuk mengawal selia dan jangan *over-exploitation* dan pengawalan pengeluaran barang-barang ini.

Satu lagi saya hendak menyebutkan pendaftaran di bawah *geographical direction registration* iaitu pendaftaran satu-satu *product* daripada satu-satu tempat termasuk pokok, buah-buahan dan sebagainya, yang keluar dari daerah mana kita daftarkan dan selepas itu yang ketiga yang saya hendak sebutkan tadi sebagaimana Yang Berhormat dari Parit Sulong sebut berhubung dengan *profiling* semua pokok-pokok ini dan penemuan-penemuan ini, dan *genes* ini kita *profilekan*. Selepas kita *profile* kita daftarkan, selepas kita daftar dengan sendirinya benda-benda ini tidak boleh lagi didaftar oleh orang lain kerana kita boleh *compare* ia punya *profile*.

Jadi, kalau perkara sudah didaftarkan di negara kita sama ada di bawah petunjuk geografi ataupun di bawah paten dengan sendirinya negara-negara lain tidak lagi boleh mengambil benda ataupun produk itu sebagai produk mereka. Dengan..

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat SibU.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya tertarik Yang Berhormat dari Batang Lupar mencadangkan R&D. Saya beberapa kali melawat Taiwan menyaksikan pusat-pusat R&D di seluruh Taiwan diketuai oleh pakar yang mempunyai *Doctorate Degree in Agriculture*. Mereka pun menubuhkan *experimental plantations*, like padi atau lain-lain. Tetapi di negara kita saya tidak nampak ada program-program begitu. Contohnya di Sarawak sekarang tanah luas tetapi petani masih menggunakan sistem tanaman tradisi. Itu tidak begitu berkesan. Saya tahu Yang Berhormat dari Batang Lupar setuju dengan saya. Yang paling penting Kementerian Pertanian perlu membina pusat R&D di seluruh negara. Tetapi *must be manned by a scientist with high qualifications* dengan izin, supaya boleh memberi nasihat kepada petani untuk meningkatkan kualiti, produk dan lain-lainnya.

Tambahan pula di Sarawak Yang Berhormat sekarang ini saya terima aduan kerana ramai orang sekarang menanam nanas sawit. Nanas sawit di dalam musim keluaran banyak tetapi tidak dapat dijual semua. Nanas sawit sangat manis, ini ialah satu produk kalau kita boleh *package*, bungkus dengan *vacuum system* boleh dihantar ke Singapura dan boleh mendapat banyak keuntungan. Tetapi sampai sekarang saya tidak nampak ini ada nasihat daripada kementerian untuk mengatasi masalah ini. Apa cadangan Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau hendak dibaca semua cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, satu hari tidak habis. Soal *Research & Development*. Sebagaimana Yang Berhormat dari SibU sebut soal *research, standard researcher* saya beri satu misalan. *Hyundai Research Center di Korea* mempunyai 116 *scientists*, 36 orang *scientists* itu *holding Ph.D, double Ph.D, triple Ph.D* dan 58 orang - kalau tidak salah saya - yang mempunyai *double and triple masters* dalam *research*. Jadi, kalau kita lihat perkara ini, angan-angan kita memang sampai ke peringkat itu. Persoalannya macam mana. Jadi kalau kita lihat MARDI sekarang saya hendak tanya satu soalan dengan kementerian tolong jawab jangan lupa soalan ini penting. Adakah gaji *researchers* ini disamaratakan dengan gaji pegawai-pegawai kerajaan biasa? Kalau *researchers* ini hanya mendapat gaji yang sama dengan kerani ataupun pegawai-pegawai apa *scale* sahajalah, 'G' kah, 'B' kah 'A' *scale*kah - apa benda *scale* saya tidak tahu - yang tertinggi sekali *dcompare* oleh kerana ia ini *researcher* biasa dengan pegawai kanan sekali dalam kementerian, gaji pegawai kementerian ini tinggi. Jadi, ia tidak boleh tinggi daripada itu.

Kalau kita mempunyai pandangan sedemikian saya minta maaf kita punya *research* masih tidak boleh mendapat *achievement* yang tinggi. *Researchers* mesti ada *scale* sendiri. *Special scale* untuk *researcher* ini tidak kira dalam MARDI ataupun dalam mana-mana *research center* kepunyaan kerajaan, mesti mempunyai *researcher scale* yang berlainan daripada *scale* pegawai kerajaan kerana orang *research* ini ia lain. Saya ada seorang kawan dahulu, seorang *scientist*, dia *eco-system scientist*. Ia duduk 24 jam, 8 hingga 9 tahun duduk di tepi sungai hendak mengkaji *eco-system* di dalam satu *lake* sahaja - 9 tahun. Duduk di sana menetap di sana membawa isteri ke sana, beranak baru pergi ke bandar.

Jadi, ini *scientist* yang betul-betul bermotivasi, *scientist* yang mahu berjaya dan *scientist* yang mahu mendapat penemuan. Ia menjadi seorang *authority* di dunia sebagai *eco-system scientist*. Jadi, kalau kita hendak *scientist* sedemikian dia mesti mempunyai satu *structure* gaji, satu *structure* pangkat yang berlainan. Jadi, inilah saya

menjawab soalan Yang Berhormat dan saya bersetuju, kita mempunyai bukan sahaja rumah *research center*, kita kena mencari *scientist*, mesti memberikan motivasi, gaji tinggi, *structure* tinggi, tempat tinggi dan semua tinggi. Oleh kerana saya telah bercakap soal ini saya hendak satu daripada kementerian. Apabila mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melawat satu tempat, tempat ini adalah *research center* kah atau apa bendakah, pergi tolong hantar wakil daripada MARDI, Menteri tidak payah pergi, KSU tidak payah pergi, Timbalan Menteri tidak payah pergi, minta maaf hantar *scientist* MARDI ini pergi supaya kalau *scientist* MARDI ini berhubung dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Sipitang semalam berhubung dengan *machine*, kalau ia pergi ke Hyundai, pergi ke Honda, pergi ke Suzuki suruh dia pergi.

Kalau berhubung dengan pencarian hal makanan kalau di *northern country* yang *famous research center*nya, suruh orang *research* pemakanan, perikanan dan sebagainya pergi ke sana. Menteri jangan pergi pegawai-pegawai kanan lain jangan pergi, *scientist* pergi. Kerana bila dia balik nanti sekiranya dia pergi dapatlah bersama dengan *adviser* Yang Amat Berhormat berbincang soal ini dan balik untuk membuat *compare note*. Jangan pergi *holiday* ataupun *shopping*. Berikan garis panduan. Kalau pergi *holiday* dan *shopping* tidak pakai..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:.. Jeli ini dia mencari pasal politik, dia tidak ada benda *solid* itu. Tiap-tiap kali dia bangun kepala dia menceritakan hal politik. Jadi kalau dia bercerita hal politik saya tidak beri. Floor ini saya punya dan ...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Cerita hal MARDI lah. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, boleh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Batang Lupar. Jadi, saya agak tertarik dengan saranan dan nasihat Yang Berhormat dari Batang Lupar tidak beri Menteri-menteri pergi semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat tempat-tempat *research center*. Apakah Yang Berhormat dari Batang Lupar tidak mahu melihat Menteri-menteri kita juga celik *research*, kerana kalau Menteri-menteri kita tidak pergi maka mereka ini nanti tidak celik *research*, tidak selaras dengan kehendak masa ini. Macam mana dengan pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Menteri sebenarnya kebanyakannya sudah cerdik, Yang Berhormat. Yang Berhormat kena belajar daripada Menteri banyak-banyak. Semua Menteri kita sudah cerdik, Timbalan Menteri sudah cerdik semua, jadi tidak payahlah, bagilah *research* punya peluang. Tetapi kalau ada *vacancy* tiga, bagi *research* pergi dua, Menteri boleh pergi satulah. [Ketawa] Ha, bagi kuota macam itu. Pegawai yang tidak relevan sangat pergi seorang, yang relevan ini banyak sikit pergi. Jadi, Menteri kena pergi jugalah, memang kena pergi. Jadi, ada *modifications*, saya punya peranan yang asal itu tadi.

Tetapi kalau peluang itu satu, bagilah peluang kepada orang yang lebih berkepentingan dalam segi tugas dan tanggungjawabnya. Dia mesti diberi keperluan akses bersama dengan Yang Berhormat untuk melihat semua benda yang dibuat *research* dan, dia ambil *note* dan bawa baliklah. Dahulu orang Jepun, Korea, Taiwan itu curi teknologi orang lain buat sendiri *modify*, sekarang sudah jadi teknologi mereka. Yang banyak buat *discovery* di England, JEC banyak *discovery* tetapi bawa ke Jepun dia *commercialize the whole thing*.

Jadi, kita kena lihat benda-benda demikian. *Research* ini bukan perkara itu kerana pada masa yang akan datang dalam k-ekonomi *research will play a major role*. Kalau kita tidak lihat *research* sebagai *major player* dalam industri-industri yang akan datang kita akan ketinggalan. Dengan sendirinya *researchers* menjadi *the major players* dalam persoalan-persoalan membangun industri dan pelbagai lagi termasuk terutama sekali industri pemakanan dan kita sebut ini MARDI. Orang-orang MARDI itu kenalah menjadi *major players* dalam industri pemakanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya telah habis cerita *gene bank*, *herbal plantation*, hutan *species* yang bakal pupus saya sebutkan secara sepintas lalu saya tidak boleh hendak pelopori panjang sangat. Jadi, untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu undang-undang, undang-undang *bio-diversity* yang *long*

outstanding, tolonglah buat untuk kerajaan negara Malaysia kerana kita bimbang apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi memang berlaku.

Tongkat Ali sekarang sudah orang minta di bawa ke China. Mungkin Tongkat Ali dia selidik dan dia boleh keluarkan dari kulit Tongkat Ali, keluarkan *genenya* dan tanam di Selatan China. Lepas itu Tongkat Ali yang menyubur di Selatan China nanti, kita punya Tongkat Ali tidak ada cerita, walaupun daftar, daftarlah kita punya petunjuk *geography*, daftarlah petunjuk *geography*. Kalau kita tidak ada baka itu lagi, pengeluaran kita tidak boleh lagi, macam mana kita hendak pelopori.

Kita akan import Tongkat Ali daripada South China untuk dikilangkan di Malaysia. Kita kena dari masa sekarang – tolong buat undang-undang ini untuk mempertahankan *over exploitation*, *exportation* dan *participation in research*, dengan izin, dan penemuan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan undang-undang ini tidak dapat diambil ringan. Saya banyak mempunyai kompelin. Semasa saya menghadiri *bio-diversity* seminar – seorang saintis Malaysia beritahu kepada saya yang dia kata susah hendak masuk Sarawak sebab syarikat dia tidak dapat kebenaran untuk mengambil *sample* dan sebagainya buat *research* di Sarawak.

Teguran ini pada saya. Tetapi saya kata saya tahu undang-undang *bio-diversity* Sarawak. Ia mengatakan kalau hendak buat *research* mesti *joint venture* dengan *local government* punya agensi. Penemuan akan dipunyai oleh *joint ownership* daripada syarikat *researcher* ataupun saintis ini dengan Kerajaan Negeri Sarawak supaya apa-apa juga bakal ditemui di sini nanti bukan kepunyaan orang lain.

Kita tidak hendak buat syarikat, berlandaskan syarikat, orang lain yang masuk, orang lain yang punya, lepas itu benda itu dibawa keluar, kita sendiri hilang. Ini yang Kerajaan Negeri Sarawak tidak mahu. Jadi, kalau undang-undang yang begitu ada di Malaysia keseluruhannya, perkara ini boleh juga kita *control* supaya jangan baka-baka Tongkat Ali, Kayu Hujan Panas di Sarawak, bila ditemui nanti, ataupun bintangor, apakah khasiatnya akan menjadi kepunyaan orang lain.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya bukan memberi amaran yang tidak berasas. Baru-baru ini, saya masih ada mempunyai *business card* daripada seorang saintis daripada Shanghai meminta pada saya eksportkan Tongkat Ali ke China dan mereka akan proseskan Tongkat Ali ini dan akan dibuat satu industri besar-besaran di China. Jadi, saya pun susah hendak fikir, saya tengok Tongkat Ali pun belum lagi. Minum Tongkat Ali memang selalulah sebab kita hendak cuba juga, betulkah Tongkat Ali ini. Jadi, cubalah, minum. [Disampuk] Memang ada cuba minum, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Jadi, hendak tengok Tongkat Ali itu sebetulnya belum lagi. Jadi, adalah perkemahan pengakap, baru minggu lepas 28 haribulan, yang saya rasmikan penutupannya. Budak itu dia berikan cenderamata kepada saya sebatang Tongkat Ali dan sebatang Kayu Hujan Panas. Jadi, katanya, “Yang Berhormat, inilah sample Tongkat Ali dan inilah sample Kayu Hujan Panas”. Barulah saya melihat Tongkat Ali dan Kayu Hujan Panas.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, benda-benda yang sedemikian kita bimbang, ada yang berjumpa dengan *businessmen* yang *very aggressive*. Yang *very active* akan ambil kayu-kayu ini, dia akan e-eksport pergi ke negara China, China yang buat, kita yang hilang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya tertarik dengan penjelasan daripada Batang Lumar. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, perbincangan kita pada tengah hari ini agak ilmiah dalam Dewan yang mulia ini. Syabaslah bahawa kita boleh mampu meningkatkan nilai dan mutu kualiti perbincangan kita kerana yang sebelah sana banyak perlu memperbaharui cara dan pendekatan meningkatkan mutu dan kualiti perbincangannya.

Sebab semasa yang sebelah sana berbahas, semasa dia jadi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ... *Quantity Surveyor*... soalan saya... yang dia pakar *land surveyor*, semasa dia menjadi profesional amat ilmiah tetapi bila masuk menjadi ahli PAS sudah berubah. Sebab itu Setiausaha Agungnya yang ada di sini perlulah diadakan kursus supaya tekankan standard keilmiahannya itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mereka belum berucap lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya kepada Batang Lupar, penjelasan sedikit. Ini isu saintis, dalam mana-mana negara yang mahu menjadi satu tamadun yang maju ekonominya meningkat bahawa mesti ada wujud satu masyarakat ilmiah ilmu saintis. Dalam Islam sendiri, salah satu keruntuhan Islam ialah bila Baghdad itu dihancurkan semua kitab, semangat ilmiah itu jatuh. Dan melalui itulah tamadun Islam itu jatuh juga selepas itu. Ini satu pandangan.

Saya hendak tanya kepada Batang Lupar, adakah di negara kita ada satu kaedah ataupun satu suasana menggalakkan kerja-kerja ilmiah seperti menggalakkan kerja-kerja kajian dan penemuan, di mana peranan saintis itu penting. Adakah Yang Berhormat puas hati bahawa di negara kita tumpuan diberi kepada para saintis ini? Galakan, satu arena perbincangan yang ilmiah, galakan input daripada luar.

Kita tahu bahawa apabila runtuhnya negara Soviet Union tetapi di sana banyak saintis yang ilmiah. Dan kadangkala kita semua tahu mana-mana yang buat kajian untuk membuat kedoktorannya, Setiausaha Agung PAS, dia tahu, dia buat Ph.D dahulu. Antara *literature survey* yang kita buat ialah mesti kaji apa dia, kajian ilmiah yang di buat di Rusia. Jadi, tiga bulan, enam bulan, peringkat pertama membuat Ph. mesti buat *literature survey*. Antara *survey* yang dibuat ialah penemuan-penemuan, kajian-kajian saintis di Soviet Union. Lepas itu baru pergi ke Paris, Frankfurt, Germany, Amerika dan England, itu asasnya. Adakah negara patut mengambil kesempatan? Di sana kemungkinan adanya saintis-saintis yang kerana keruntuhan ekonomi Rusia mungkin kita boleh bawa ke negara kita. Itu saya hendak tanya pandangan Batang Lupar.

Yang keduanya, juga ada keluhan saintis tempatan, baru sempat saya berjumpa dua, tiga orang yang sama-sama menjadi pensyarah dahulu. Keluhan mereka dia kata bahawa kadangkala peruntukan yang ada disediakan kepada pelajar namun ini bukan akses kepada *funding* ini oleh saintis-saintis, ini kadang-kadang tidak ada keterbukaan cara untuk mereka mendapatkan dana-dana ini.

Saya hendak bertanya kepada Batang Lupar, perlu kita wujud suasana ilmiah ini. Ahli politik kena tunjuk dia ilmiah, saintis berikan galakan. Kadang-kadang saintis kita hendak pergi membuat pembentangan kertas menghadiri seminar, tetapi kalau mengikutkan peraturan pentadbiran ikut giliran. Tetapi kalau diadakan peruntukan kepada mereka, dana untuk pendidikan, dana itu mesti meliputi untuk mereka membuat *literature survey*, bertukar pendapat dengan rakan-rakan mereka di negara luar dalam arena negara kita sudah global.

Saya hendak tanya kepada Batang Lupar, kalau Malaysia sekarang sudah iktiraf sebagai satu negara dunia, negara Islam, ekonominya baik, adakah kita juga mahu melihat bahawa Malaysia juga dalam menguasai satu tempat dalam dunia global, tempat hasil-hasil kajian, hasil-hasil penemuan yang diterima oleh dunia. Bermakna mengapa tidak 10 tahun akan datang ada di antara kita mendapat *Nobel Prize*, dengan izin. Saya minta pandangan Batang Lupar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjanglah soalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai Yang Berhormat bagi Rompin. Sebenarnya saya terlupa – kalau tidak disebut oleh Yang Berhormat bagi Rompin tadi mungkin saya akan terlupa terus hendak sebut soalan ini.

Yang pertama Yang Berhormat bagi Rompin mengatakan kejatuhan Islam di Iraq dahulu ialah oleh kerana buku-buku yang dibuang oleh pihak daripada Mongolia [*Disampuk*] ke sungai [*Disampuk*] di Iraq, buku-buku itu boleh dibuat jambatan, boleh menjadi cetek sungai itu. Begitu banyak sekali buku-buku ilmuan daripada negara Islam pada zaman itu hanya daripada negara Iraq. Itulah mulanya kejatuhan negara

Iraq hingga berpindah kerajaan Islam ke Egypt dan sebagainya hingga ke Cardoba. Jadi, sejarah ini memang kita tidak boleh nafikan.

Kedua, Yang Berhormat bagi Rompin sebutkan soalan *environment*. Saya bersetuju. Tiap-tiap satu benda sama ada menuju ke hala keilmuan ataupun ke hala perdagangan ataupun ke hala apa sahaja mesti mempunyai *environment* ataupun suasana yang sempurna untuk menyubur pihak ini. Maknanya pembangunan *intellectualism* ataupun *academia* ini tidak akan menyubur melainkan *environmentnya* mencukupi untuk penyuburan.

Environment ini mestilah mempunyai pelbagai ciri iaitu kebebasan untuk membuat penyelidikan dan sokongan kewangan daripada penyelidikan tersebut. Mungkin daripada yang 100 dia buat mungkin hanya 10 peratus yang mempunyai ciri komersial dan selainnya mempunyai ciri-ciri ilmu biasa.

Yang ketiga, *flexibility* ataupun kefleksibelan untuk mereka ini berinteraksi sesama sendiri bersama pihak-pihak yang memikirkan benda-benda yang akan datang ini, benda-benda yang unggul ini, benda-benda yang perlu dibuat *research* ini. Itulah maknanya perhubungan di antara pihak-pihak tertentu umpamanya MARDI dengan pihak-pihak universiti, bukan sahaja *local* universiti bahkan universiti di luar negara mestilah dibuat.

Umpamanya saya sebutkan lagi sebagai misalan, Hyundai Research Center mempunyai hubungan dengan University Oxford Cambridge, MIT, Cornell dan UCLA, banyak lagi. Bahkan salah seorang daripada yang datang untuk memberi taklimat yang saya jumpa ialah seorang saintis hanya membuat taklimat 20 minit. Dia terbang dari New York kerana memang amat kagum dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Hendak berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan memberi taklimat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa di Korea. Datang hanya 20 minit, saintis ini datang daripada New York kerana perhubungan Hyundai dengan University of New York buat satu *research* yang tertentu.

Yang kita amat gembira ialah salah seorang daripada saintis yang datang dari England ialah seorang rakyat Malaysia, saintis yang bijaksana dan bertaraf antarabangsa. Jadi, sepatutnya kita mempunyai tali perhubungan ini. Perhubungan kita iaitu MARDI dengan pihak universiti-universiti tempatan, dengan universiti-universiti luar negara yang mempunyai kepakaran, kemahiran dan kemahuan serta sumber kewangan untuk menjanakan *research and development* ini amatlah penting dikekalkan.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, tidak ada cara lain, itu sahaja. Selain daripada pemikiran yang baik, kemahuan yang membuat *research*, kalau tidak *environment* ini disesuaikan, namun kita sendiri tidak akan menjumpai jalan buntu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan berbincang dengan cara sepintas lalu iaitu, soalan tanah di Sarawak. Ini, saya pergi ke Sarawak sekejaplah, Tuan Yang di-Pertua. Tanah di Sarawak dahulu, semasa Tunku Abdul Rahman Perdana Menteri kita yang pertama, mencadangkan supaya negeri Sarawak itu dijadikan *rice bowl of Malaysia*. Pada masa itu, semua manusia di *South East Asia* ini *believed in the domino theory* iaitu, negara sebelah sini akan dijatuhkan oleh komunis dan orang di Semenanjung ini akan lari ke Sarawak, dan Sarawak itu kita bina menjadi besar, akan menjadi *rice bowl of Malaysia*.

Tetapi, selepas *domino theory* itu tidak dipakai, orang pun terjumpa bahawa tanah-tanah di Sarawak itu tidak berapa subur. Jadi, ini Timbalan Pengarah Kementerian Pertanian Sarawak dahulu ini, Jabatan Pertanian Sarawak baru masuk. [Merujuk kepada Tuan Jacob Sagan] Yang Berhormat bagi Baram ini, dia ini macam sesetengah saintis jugalah. Jadi, didapati tanah di Sarawak itu dia punya *soil* itu tidak sesuai iaitu *salinity very high*, macam-macam. Ada ciri-ciri tanah dan sebagainya. Ciri-ciri hujan berapa banyak, berapa ratus milimeter hujan turun, banyak sangat. Jadi, adalah pokok buah-buahan yang tidak sesuai ditanam.

Jadi, keseluruhannya ada menyatakan tanah di Sarawak, cuaca di Sarawak, keadaan di Sarawak tidak sesuai untuk tanaman padi yang besar-besaran sebagaimana yang dibuat di Kedah. Bahkan penanaman durian juga tidak sesuai ditanam melainkan di kawasan Miri sahaja yang lebih sesuai daripada yang di Kuching. Tetapi, yang anehnya, yang saya tidak faham, saya pun kenal juga durian ini.

Di kawasan saya, banyak durian. Semua kawasan saya pada musim durian, Tuan Yang di-Pertua, murah sampai lima sen sebiji. Ini menunjukkan bahawa banyak buah durian yang tumbuh dan membiak, mengeluarkan hasil yang banyak di kawasan saya. Tetapi, kenapa pula ada sebilangan orang yang mengatakan tidak sesuai untuk ditanam durian? Maknanya, ini menunjukkan bahawa ada klon-klon yang tertentu, baka-baka yang tertentu yang sesuai untuk ditanam di Sarawak.

Jadi, saya mencadangkan supaya satu *research* yang besar-besaran dibuat oleh pihak MARDI untuk mencari kesesuaian *climate*, kesesuaian tanah, kesesuaian bentuk hujan dan muka bumi Sarawak.

Ini kerana Sarawaklah satu negeri yang mempunyai tanah yang begitu luas dan besar, yang boleh kita *exploit* sepenuhnya untuk penanaman. Jadi, kalau ini tidak diambil kira, kita akan kerugian kerana di Kuala Lumpur, mungkin - saya minta maaf kalau di luar Wilayah Persekutuan tidak ada tanah lagi - kalau kita ikut orang Korea memang baik. Korea, dia nampak tanah, dua depa besar, sepuluh depa panjang, dia tanam padi. Tuan Yang di-Pertua, dia tebuk macam ini, dia tanam padi. Kilang dekat sana, tanam padi dekat sini. Tempat Hyundai pun, tepi bangunan yang besar Hyundai itu pun, tanam padi, kiri kanan semua tanam padi, 100% tanah yang tidak terbiar. Jadi, masih banyak tanah terbiar di negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya penyelidikan tanah dibuat. Semua soalan penanaman klon, jenis pokok-pokok kayu, sayur-sayuran, buah-buahan yang boleh ditanam di Sarawak itu dicarikan untuk kita mengeksploitasi penggunaan tanah di Sarawak itu secara *economical*, secara komersial dan akan mendatangkan hasil kepada negara ini. Walaupun saya tidak menafikan bahawa kita tidak boleh sebenarnya menghapuskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan pendekkan, Tuan Yang di-Pertua, saya akan pendekkan. Minta maaf, tidak usah cakap, cerita hal Sarawak panjang sangatlah, Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja! Sebenarnya, saya cakap pendek ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa hendak panjangkan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Satu lagi soalan daging kambing, lembu dan ayam ini. Buat masa sekarang, saya percaya yang daging ayam sudah mencukupi untuk Malaysia tetapi daging lembu kita masih banyak lagi hendak diimport daging lembu daripada negara-negara lain. Jadi, penemuan patut dibuat, pencarian patut dibuat, penyelidikan patut dibuat untuk macam mana kita boleh menanam lembu ini secara komersial,... eh! Menanam lembu lagi pula! Minta maaf. Ternak lembu. [Ketawa] [Dewan gamat seketika] Kadang-kadang adalah. Ingat durian, saya ingat durian! [Ketawa]. Penternakan lembu, kambing, ayam, itik ini secara besar-besaran dan secara komersial.

Jadi, saya akan sentuh sedikit. Kalau di negeri China, Tuan Yang di-Pertua, dia tanam padi. Selepas dia tanam padi, tanam padi ini banyak, selepas itu dia menuai, selepas itu dia ambil semua jerami ini, dia buat *hay*. Masa inilah, dia buat atau "*make hay while the sun shines*" orang kata. Dia kumpul semua ini, selepas itu, ladang itu tidak ada benda yang tertinggal, tinggal jerami ini, lapang sahaja air. Selepas itu, anak itik dia lepaskan. Beribu-ribu anak itik seluruh tempat penanaman padi ini, semua anak itik beribu-ribu. Jadi, anak itik pun sudah besar, cukup boleh disembelih dan dijual di pasaran, baru mula tanam padi semula.

Jadi, tahi-tahi itik ini akan membajak tanah-tanah itu untuk menanam semula pada masa yang akan datang. Jadi, dia dua penggunaan. Kadang-kadang kita di sini tanam satu kali, sudah. Walaupun di Bukit Cherakah kita ada mempunyai sistem penanaman tiga kali setahun tetapi tidak dipelopori dengan sepenuhnya. Penggunaan tanah kita masih belum lagi mencukupi dia punya produktiviti dan cara China untuk memberi makanan kepada masyarakatnya itu patut kita lihat juga macam mana.

Tetapi, janganlah kita kalau hendak tanam di tanah,... eh, tanam juga saya sebut. Kita hendak buat kolam ikan, itik di atas. Jangan buat yang itu, nanti orang tidak makan ikan, takut makan ikan, *droppings* daripada itik dan ayam ini. Ada juga saya terdengar, saya hendak minta kementerian *check* benda ini, benar atau tidak berlaku. Kadang-kadang ada pihak-pihak ini cerdik, tanah dia satu ekar, di bawah dia buat kolam, di atas dia buat ladang traktor dia, babilah dan selepas itu dia buat itik, ayam dan *droppings* daripada binatang-binatang ini digunakan sebagai makanan kepada ikan ini. Jadi, minta tolonglah *check* kalau betul perkara ini berlaku supaya ini jangan mendatangkan nama atau imej yang jahat kepada negara kita.

Untuk itu, saya tidak payahlah sebut soalan periuk kera. Ini, satu dua sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja.

Satu lagi, pengalaman negara lain kita kena belajar. Negara lain, soalan Yang Berhormat bagi Rompin tadi, akan saya sebut semula. Berbalik kepada apa yang beliau sebut iaitu, saintis telah membuat penemuan. Kita sudah tahu hasil-hasilan daripada satu pokok dan makanan. Tetapi, kita tidak membukukan penemuan kita dan buku ini tidak dijual ataupun disebar secara menyeluruh. Tetapi, kalau kita lihat di Amerika Syarikat, apa dia buat, penemuan ini dia *summarize*, dibuat sinopsis, sinopsis yang menunjukkan umpamanya satu sayuran.

Sayuran ini hasil dan khasiat dia boleh menjadi penahan daripada darah tinggi, sakit jantung dan pelbagai lagi dan dibukukan dengan secara sikit di *summarize* semua penemuan ini dan seorang saintis pula yang *credible*, seorang doktor dalam *medical* akan bercakap dalam televisyen, menunjukkan produk-produk ini, dia buat publisiti dengan secara langsung dan tidak langsung dalam menasihatkan orang awam apa makanan yang baik untuk dia, kesihatan dia dan di samping itu dia membuat satu promosi produk yang mereka dapati dan buat, dia keluar. Jadi, dengan sendirinya, orang usahawan kita mendapat hasil *free advertisement* dan dalam masa yang sama, kita *advertise* kita punya *bio-diversity* ataupun hasil-hasil negara kita menurut daripada mulut orang yang *credible*, bukan daripada *salesman*, bukan daripada buku prospek syarikat tetapi daripada mulut *medical doctor* ataupun saintis yang betul-betul mempunyai kredibiliti tinggi. Ini, mesti kita ikut dan lihat, bukukan, *summarize*, keluarkan, *publicize* benda ini dalam televisyen dan radio untuk makluman masyarakat umum.

Jadi yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengingatkan semula supaya soalan pendaftaran di bawah petunjuk geografi mestilah dibuat untuk produk-produk tempatan kita dan untuk pendaftaran *patent* untuk hasil-hasil kita dengan *profiling compilation*, gen-gen daripada pokok-pokok kayuan dan tumbuhan kita mestilah dipereratkan.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah soalan insurans. Pernah saya sebut, saya akan sebut sekali lagi. Pada tahun 1999, tahun 2000, beribu-ribu masyarakat terutama sekali di Sarawak, khususnya di kawasan saya beratus-ratus di kawasan saya, kebun-kebun, ladang-ladang mereka hancur oleh kerana banjir.

Ini kerana, ombak laut pada tahun 1999 naik begitu rupa, di luar dugaan, satu fenomena yang tidak ada penjelasan yang khusus boleh dibuat tetapi hasil ataupun kesannya ialah banyak ladang, beratus ribu ladang yang rosak, tanaman yang rosak dan beratus-ratus ribu hasil daripada ladang ini telah hilang. Tetapi persoalannya, orang semua meminta duit dengan kerajaan sebagai gantirugi. Kerajaan macam mana hendak ganti? Tidak boleh ganti. Jadi, takkanlah kalau hujan lebat, banjir dan sebagainya, ladang rosak, ternakan rosak, semua rosak ini, tetapi kerajaan hendak ganti. Tidak bolehlah, duit kerajaan tidak sampai ke sana.

Tetapi, kenapa tidak kita keluarkan satu skim insurans? Kalau kita boleh wujudkan satu skim insurans untuk anak-anak kita di sekolah, seringgiti sahaja untuk satu tahun, kenapa pula kita tidak boleh wujudkan skim insurans menerusi badan-badan pertanian tertentu menjalankan skim insurans ini untuk semua peladang kita dan petani kita di seluruh negara dan skim ini *dinegotiate* dengan *insurans company* supaya memberi premium yang terendah sekali, yang kompetitif, yang menarik perhatian, yang mungkin tidak membebankan misalnya pihak petani dan penternak-penternak ini supaya dalam satu malapetaka yang kita tidak sangka berlaku, dapatlah pihak kerajaan bersandar kepada insurans ini, tidaklah kita kehilangan satu kredibiliti, tidaklah hilang *political backing* kita dan tidaklah petani-petani kita binasa oleh kerana kesan daripada bencana alam yang tidak diduga ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan dan saranan yang sedikit itu tadi, saya berharap pihak Kementerian mengambil kira dan mengambil tindakan dan juga memberi jawapan di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

12.58 tgh.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kut ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang sambung nantilah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada orang lain dah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertanian, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sipitang, Batang Lupar, Rompin dan Rantau Panjang di atas perbincangan yang sungguh baik. Mereka telah menunjukkan minat terhadap MARDI, apa yang telah MARDI buat selama ini dan mereka memberi cadangan-cadangan yang cukup bernas. Kementerian memberi perhatian kepada cadangan dan pandangan ini yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh sambungkan pada petang ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung.

[*Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat belum masuk ke Dewan*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bercakap sedikit-sedikit pun tidak mengapa, tiada siapa dah. [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan di permulaan ucapan saya tadi, fungsi utama MARDI ialah untuk memberi perhatian kepada soal, dengan izin, R&D. Seperti mana kita tahu, hasil-hasil penyelidikan yang dibuat boleh MARDI, MARDI telah serahkan kepada agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian untuk membangunkannya.

MARDI mengikut akta yang lama tidak boleh melibatkan diri dalam soal pembangunan. Jadi tujuan pindaan akta ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagi membolehkan MARDI di samping menumpukan tugas-tugas *research*, penyelidikan, MARDI akan memberi perhatian yang lebih agresif dalam bidang pembangunan. Jadi, itulah tujuan pindaan kepada undang-undang kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat,

setengah mereka tidak ada di sini disebabkan hal-hal yang tertentu. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang, ini mengenai dengan beras bario di Sarawak, memang kita akui bahawa beras bario ini adalah sejenis beras yang cukup tinggi kualitinya. Pihak MARDI telah pun menjalankan kegiatan untuk mencuba menanam beras bario ini di Semenanjung, kita telah pun menggunakan asas pembiak-baikkan padi bario ini dengan kita mengadakan tanaman secara besar-besaran dengan kerjasama Bernas di Rompin.

Seperti mana kita semua maklum, biasanya *quality rice* ini dari segi hasilnya tidak tinggi, penduduk petani-petani di negara kita, mereka tanam padi bukan tujuan untuk kualiti, mereka tanam padi untuk mendapatkan hasil yang tinggi. Jadi dari segi tanaman padi berkualiti tinggi ini, pada masa sekarang dibuat dengan Bernas, petani-petani tidak begitu berminat, oleh kerana hasil daripada padi jenis berkualiti tinggi ini biasanya hasilnya rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Rantau Panjang ada membangkitkan mengenai dengan baja, kononnya baja cap Dacing ini tidak ada kualiti, sebenarnya tuduhan itu tidak betul. Baja yang cap dacing ini yang dipakai dan digunakan oleh petani-petani itulah yang membantu meningkatkan hasil padi, begitu juga hasil-hasil tanaman yang lain. Pihak kementerian sentiasa membuat kajian tentang kualiti baja yang dibekalkan, kalau baja yang dibekalkan ini tidak memenuhi kehendak-kehendak, maka kita tidak dapat menerima baja yang dibekalkan.

Soal-soal yang lain, yang dibangkitkan setengahnya saya lihat tidak ada relevan mengenai dengan pemasaran, itu bukan tanggungjawab MARDI, itu tanggungjawab agensi lain di bawah Kementerian Pertanian, itu jadi tanggungjawab FAMA dalam soal-soal pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Sipitang, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Batang Lupar dan juga Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Rantau Panjang ada membangkitkan mengenai dengan pembangunan industri makanan dan produk baru iaitu herba daripada sumber asli termasuk sumber biologi hutan.

Suka saya maklumkan, Malaysia kini adalah negara terulung di dalam bidang penyelidikan produk pertanian tropika, kita akan terus meningkatkan kecemerlangan di dalam penyelidikan dan pembangunan industri pertanian dan produk baru daripada komoditi utama serta sumber asli termasuk sumber biologi hutan.

Pembangunan industri-industri baru daripada sumber asli akan membantu proses perindustrian negara manakala membangunkan produk-produk baru bernilai tinggi daripada komoditi pertanian serta penggunaan sisa-sisa dan keluaran sampingan akan meningkatkan lagi produktiviti dan daya saing kita di peringkat global.

Teknologi baru seperti teknologi dan ICT akan digunakan untuk membangunkan produk baru bernilai tinggi daripada sumber asli termasuk sumber biologi hutan dan marin.

Pasaran-pasaran baru perlu dicari bagi memastikan sumbangan pendapatan eksport daripada sektor pertanian akan kekal signifikan. Pengeluaran produk-produk makanan utama seperti daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran, beras yang kompetitif dari segi kos pula akan meningkatkan sekuriti makanan di samping membolehkan rakyat Malaysia mendapat makanan yang berkualiti pada harga yang berpatutan.

Kerajaan telah menyediakan dan akan terus menyediakan kemudahan supaya pembangunan sektor pertanian diterajui sektor swasta. Dengan itu penyertaan aktif yang berterusan oleh sektor swasta adalah perlu bagi menjamin kejayaan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara III.

Sektor awam akan memudah dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan sokongan kepada perusahaan sektor swasta supaya objektif perniagaan dan pendapatan mereka tercapai. Cadangan meminda Akta MARDI adalah selaras dengan tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bandau ada menyentuh mengenai dengan fokus penyelidikan buah-buahan. Suka saya maklumkan pihak kerajaan memberi fokus penyelidikan kepada lapan jenis buah-buahan iaitu

nanas, betik, belimbing, nangka, tembikai dan melon, limau sitrus, mangga, jambu batu dan termasuk dua lagi iaitu durian dan rambutan.

Saya suka menarik perhatian Dewan bahawa kita jangan selalu membanggakan dengan kejayaan yang dicapai oleh negara-negara seperti Thailand ataupun daripada Taiwan, sedangkan banyak kejayaan MARDI yang telah MARDI buat untuk faedah negara kita. Kalau kita bercakap tentang soal buah-buahan, kita semua ketahui bahawa dari segi kejayaannya buah nanas jenis *Josephine*, kemudian durian dari jenis hybrid seperti MDUR 78, 79, kemudian ada buah betik yang kita semua tahu jenis eksotika yang memang terkenal.

Jadi, dengan fokus R&D yang kita beri tumpuan kepada lapan jenis buah-buahan termasuk durian dan rambutan tadi, Malaysia satu hari akan menjadi pengeksport utama buah-buahan tropika.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Batang Lupar juga ada membangkitkan mengenai dengan soal insentif ataupun motivasi kepada para saintis kita. Dalam penstrukturan semula MARDI, kita dapati pihak kerajaan telah bersetuju untuk menambahkan jawatan-jawatan di MARDI, dari segi perjawatan sebanyak 648 jawatan saintis menjelang tahun 2010 akan diwujudkan.

Di samping itu, sebanyak 11 jawatan di peringkat JUSA diwujudkan di MARDI, di samping itu pihak kakitangan akan diberi insentif di mana mereka akan diberi *honorarium* dan para saintis ini kita cadangkan supaya umur persaraan mereka ditingkatkan daripada 54 tahun kepada umur persaraan sekarang menjadi 60 tahun.

Ini adalah galakan-galakan ataupun motivasi rangsangan insentif yang kita berikan kepada para saintis kita. Saya yakin dan percaya dengan rangsangan-rangsangan ini, pegawai-pegawai kita, para saintis kita yang berkhidmat di MARDI ini akan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh lagi. Pada masa sekarang mereka telah pun menyumbang kepada kejayaan-kejayaan dalam bidang pertanian, kalau kita hendak penemuan satu jenis padi memakan masa sampai 15, 16 tahun, seorang pegawai kita kena duduk bercakap fasal padi sahaja selama 15, 16 tahun, kalau bercakap fasal durian pun dia tumpu sampai 15, 16 tahun dia buat fasal durian sahaja. Kita bayangkanlah begitu lama masa yang diambil untuk menghasilkan sesuatu, jadi sememangnya wajarlah mereka ini diberi satu galakan supaya mereka akan terus memberi khidmat yang cemerlang demi faedah kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan untuk mengkorporatkan MARDI, suka saya maklumkan buat masa sekarang ini kita tidak ada rancangan, tidak ada rancangan untuk hendak mengkorporatkan MARDI.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah bercakap menyentuh semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebab perkara-perkara yang dibangkitkan itu bertindih, semuanya ada persamaan di antara satu sama lain jadi tidak perlu saya ulang.

Suka saya menekankan sini pegawai-pegawai daripada MARDI ada di depan ini, mereka memberi perhatian yang begitu serius kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atas cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan memberi perhatian, kita akan mengkaji dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya demi kebaikan negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dua lagi perkara Dato', saya minta *assurance* ataupun kepastian daripada kementerian berhubung dengan apa yang saya cadangkan tadi undang-undang *bio diversity*, pendaftaran *paten* dan pendaftaran *geographical direction* untuk finding produk-produk macam lada hitam umpamanya, yang tiada dijumpai di tempat-tempat lain, hanya satu tempat di Sarawak, umpamanya kena daftar, *geographical direction registration* umpamanya banyak benda-benda lain, produk-produk tempatan yang patut didaftar. Saya fikir kita dapat *assurance* daripada kementerian yang benda-benda ini akan diambil perhatian. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan paten, ya Yang Berhormat dari Batang Lupar, mengenai dengan apa Yang Berhormat sebutkan tadi, mengenai dengan isu paten?

Tuan Yang di-Pertua, isu ini memang penting dan kita semua sedia maklum, kita memerlukan kos yang tinggi untuk hendak menjalankan paten ini. Walau bagaimanapun, beberapa penemuan daripada R&D MARDI, MARDI sudah pun memohon untuk dipatenkan. Jadi kos untuk paten ini amat tinggi oleh itu MARDI membuat pilihan hanya, dapatan yang tertentu sahaja yang kita akan patenkan. Jadi R&D yang mempunyai nilai saintifik dan nilai ekonomi yang strategik saja yang akan kita patenkan sebab dia memerlukan kos yang begitu tinggi.

Berhubung dengan soalan, lagi satu apa,

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *Geographical direction marking registration* iaitu kalau produk macam lada hitam, pengeluaran daripada Sarawak ataupun buah dabai daripada Sibu umpamanya. Jadi kita hendak daftar benda ini, memang keluaran negeri ini sendiri sahaja, tidak ada di tempat lain, jadi mesti didaftar kerana undang-undang kita baru sahaja dilulus Yang Berhormat, supaya tidak ada orang lain menanam di tempat lain boleh mendaftar, boleh menyebut nama mereka sebagai lada hitam ataupun lada putih, umpamanya.

Kalau kita daftar macam itu, kalau di Brazil berjaya menanamkan lada sebanyak mungkin dia tidak boleh daftar nama itu lagi. Nama sudah didaftar di negara kita, itulah dia.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini lada hitam memang kita tahu, ditanam di Sarawak saja. Buah dabai tadi pun ada di Sarawak saja, tempat lain saya ingat, tak boleh. Macam juga padi Bario tadi. Kita hendak cuba tanamkan di Semenanjung, memang tidak boleh dapat, seperti mana yang terdapat di kawasan Bario. Jadi saya rasa kita boleh kaji, apa Yang Berhormat cadangkan itu, kalau boleh dilaksanakan kita akan laksanakan. Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun seorang lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, subjek ini kelihatan *boring* pada tengah hari ini. Tetapi sebenarnya penting Tuan Yang di-Pertua, pasal perkembangan *bio-technology* dengan *bio-diversity* sekarang ini telah menunjukkan potensi dan tidak mustahil jika satu hari nanti dilakukan research di atas padi Bario.

Padi Bario ini istimewa sebab mempunyai nilai-nilai perubatan. Oleh itu, tidak mustahil kalau ada *researchers* secara tidak berdaftar dengan kita dari luar negara dan tiba-tiba beras bario timbul di Arizona.

Jadi perkara ini penting sebagai satu pandangan. Mungkin pada hari ini tidak relevan tetapi dalam tiga, empat tahun lagi adalah relevan. Kita amat faham bahawa soal pendaftaran paten memang mahal, ada 100 lebih kurang, tidak silap saya 127 penandatanganan kepada *international* paten konvensyen ini dan untuk mendaftar paten di sesuatu negara, karehannya pun memang terlalu rumit. Kita amat faham. Tapi, sekurang-kurangnya kita hendak dipatenkan di negara kita sendiri benda-benda ini. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil perhatianlah mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada kawasan Parit Sulong. Saya sebut tadi mengenai dengan beras Bario ini. MARDI telah pun menjalankan penyelidikan, ya. Daripada padi Bario ini, kita develop. Sekarang ini kita telah dapat satu *variety* baru yang kita namakan MRQ50. MARDI punya *quality rice* – MRQ50, yang kita tanam secara besar-besaran di kawasan Rompin.

Tapi, dari segi hasil dia Tuan Yang di-Pertua, hasilnya dalam lingkungan 1.5 metrik tan pada satu hektar. Sudah tentulah perkara ini, orang kampung tidak mampu hendak tanam macam ini, orang kampung saya rasa pun tidak akan tanam, para petani kita tidak akan tanam, oleh kerana hasilnya sedikit. Bila hasilnya sedikit pendapatannya juga tidak banyak kecuali kita boleh tukar dari segi harga padi ini kalau *quality rice* ini mahal, mungkin orang boleh tanam banyak *quality rice*.

Walau bagaimanapun usaha-usaha terus dibuat oleh MARDI bersama-sama dengan Bernas. Jadi dengan pindaan Akta MARDI ini mungkin MARDI besok boleh berusaha sama dengan syarikat-syarikat yang lain-lain, kerana kalau tidak pinda undang-undang MARDI tidak boleh buat berniaga. Jadi kalau hendak buat berniaga kita kena cari rakan kongsi, rakan kongsi ini yang dia hendak mengeluarkan modal, dia perlu jaminan. Jadi dengan pindaan ini MARDI boleh buat perjanjian dengan syarikat swasta kemudian syarikat swasta sanggup mengeluarkan kos untuk membiayai projek ini. Jadi esok daripada penyelidikan yang akan dibuat ini akan memberi keuntungan kepada syarikat.

Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong tentang padi Bario, tentang lain-lain itu, memang MARDI terus buat. Saya suka tegaskan tanggungjawab MARDI dengan pindaan Akta MARDI ini, yang membolehkan kita memberi perhatian dalam soal *development* usaha sama dengan syarikat-syarikat swasta tidak bererti tanggungjawab MARDI kepada golongan sasaran itu, apa yang MARDI buat selama ini kita akan abai, tidak, MARDI akan terus melaksanakan, menunaikan tanggungjawab MARDI dengan membuat penyelidikan-penyelidikan itu diberi kepada jabatan dan agensi pengembangan, bukan saja kepada jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian tetapi juga kepada kementerian-kementerian, termasuk juga Kementerian Pembangunan Usahawan di bawah Dato' Seri Mohamed Nazri, juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kementerian dan juga MARDI, pegawai-pegawai akan memberi perhatian dan mengambil tindakan di atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 17 –

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi saya sentuh Seksyen 8, iaitu pelantikan Ketua Pengarah Institut sebagai Pengerusi. Dalam perenggan (e) ini ada dikatakan, saya tidak ada salinan dalam Bahasa Malaysia Tuan Pengerusi, jadi minta izin saya baca dalam bahasa Inggeris –

(e) *not more than six persons from the agricultural industry, agro-based industry and food industry, who in the opinion of the Minister, are able to contribute to the due and proper functioning of the Scientific Council;*

Jadi persoalan saya ini Tuan Pengerusi, ini sebagai badan penyalaras dan pengawalseliaan. Adakah input yang disebut di sini daripada orang yang betul-betul *direct* berniaga, umpamanya siapa yang berniaga besar-besaran dalam hal *food* dan *agricultural industry*, adakah orang macam ini akan dilantik ataupun hanya orang mempunyai kepakaran sekadar teori sahaja.

Ini amat penting sekali dalam pelantikan ini, oleh kerana kalau kita lantik orang yang tahu teori tapi tidak pernah menjalankan perniagaan ini, duduk dalam ini dia tidak akan berkemampuan menjadi penasihat, kerana dalam undang-undang ini membolehkan pihak MARDI menubuhkan syarikat di bawah Seksyen 6B di bawah penubuhan syarikat, *Companies Act* 1965 dengan izin, jadi mereka ini patutnya

mempunyai kemampuan dalam industri ini sebagai penasihat dan orang ini bukan sahaja daripada teori tapi juga daripada praktikalnya sebagai pengurus syarikat, pelabur, penjual, pentadbir dan sebagainya. Jadi minta penjelasan daripada Menteri, terima kasih.

Dato' Seri Mohd Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, dalam pelantikan ini kita akan menentukan bahawa orang-orang yang dilantik ini adalah orang-orang yang mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh pihak Menteri, diberi kuasa untuk melantik dan kita akan menentukan orang yang dilantik itu boleh memberi sumbangan kepada MARDI.

Jadi Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih, perkara itu kita ambil perhatian, kita akan lantik orang-orang yang boleh menyumbang, orang-orang yang ada kepakaran yang berguna, orang-orang yang kita nampak memang berkebolehan dan memang bila kita lantik itu, orang ramai nanti kata, memang tepat sekali melantik orang-orang yang berkenaan.

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG WANG TIDAK DITUNTUT (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang kedua dan Ketiga

3.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965", Akta 370 *Unclaimed Moneys Act 1965*.

Rang undang-undang ini adalah untuk memudahkan pengisytiharan dan pengemukaan wang yang tidak dituntut oleh syarikat atau firma dan juga untuk memastikan akta dipatuhi dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 14 fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 4 Akta 370 untuk menjelaskan bahawa seksyen itu selain daripada mengadakan perlindungan kepada orang yang membayar wang tak dituntut di bawah Bahagian 1 Akta 370 juga mengadakan perlindungan kepada orang yang membayar wang tak dituntut di bawah Bahagian II Akta. Di bawah Bahagian II Akta 370 wang tak dituntut dibayar ke dalam Akaun Amanah Disatukan sebelum wang itu akhirnya dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 8 Akta 370 untuk meminda takrif tertentu yang sedia ada.

Fasal 5 bertujuan menggantikan Seksyen 10 Akta 370. Pada amnya, pindaan ini bertujuan untuk memperhalus dan menjelaskan peruntukan yang berhubungan dengan penyimpanan daftar wang tak dituntut dan penyerahsimpanan daftar itu dan wang tak dituntut dengan Pendaftar. Pindaan ini juga bertujuan untuk menaikkan penalti yang dikenakan kerana kegagalan untuk menyelenggarakan daftar wang tak dituntut dan menyerahsimpan daftar dan wang tak dituntut yang dilaporkan di dalamnya dengan Pendaftar kepada RM20,000. Peruntukan yang ada sekarang memperuntukkan penalti sebanyak RM3,000.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 10A dan 10B ke dalam Akta 370. Di bawah Seksyen 10A tiap-tiap syarikat atau firma yang memegang wang tak dituntut hendaklah mengemukakan satu salinan daftar wang tak dituntut untuk disiarkan dalam *Warta* dalam bulan Mac sebelum syarikat atau firma itu

menyerahsimpan daftar dan wang tak dituntut yang dilaporkan dalam daftar itu kepada pendaftar. Kegagalan untuk mematuhi seksyen ini adalah suatu kesalahan. Seksyen 10B memperuntukkan bahawa mana-mana orang boleh membayar suatu fi, membuat sesuatu siasatan dengan Pendaftar mengenai kewujudan apa-apa wang tak dituntut yang dipunyainya yang telah diserahsimpan dengan Pendaftar.

Fasal 7 bertujuan untuk menggantikan Seksyen 11 Akta 370. Dengan pindaan ini, wang tak dituntut akan terus berada dalam Akaun Amanah Disatukan selama 15 tahun sebelum dipindahkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan seksyen itu dengan Seksyen 5 Akta 370 yang berhubungan dengan wang tak dituntut yang dibayar ke dalam mahkamah.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 12 Akta 370 untuk membuat peruntukan bagi kenaikan penalti yang dikenakan di bawah seksyen itu. Denda maksimum yang boleh dikenakan oleh subseksyen 12(3) dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM5,000 sementara denda maksimum di bawah subseksyen 12(4) dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM5,000. Sebagai tambahan, seseorang yang telah disabitkan di bawah Seksyen 12(4) boleh juga dikenakan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau dikenakan pemenjaraan dan denda sedemikian keduanya.

Fasal 10 bertujuan untuk meminta Seksyen 14 Akta 370. Pindaan ini bertujuan untuk mengungkap semula dan menjelaskan peruntukan yang ada sekarang. Mana-mana orang boleh menyerahsimpan apa-apa wang yang tidak termasuk dalam takrif "wang yang tak dituntut" tetapi yang berada dalam miliknya kepada pendaftar seolah-olah wang itu ialah wang yang tidak dituntut di bawah akta itu.

Fasal 12 bertujuan untuk menggantikan Seksyen 16 Akta 370 untuk mengadakan peruntukan yang lebih baik bagi pengkompaunan kesalahan.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru iaitu Seksyen 17 dan 18 ke dalam Akta 370. Seksyen 17 bertujuan untuk memberi kuasa pendaftar untuk menentukan borang-borang yang dikehendaki bagi maksud Bahagian II Akta. Seksyen 18 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan sesuatu syarikat atau firma daripada peruntukan Bahagian II Akta.

Fasal 14 akta yang dicadangkan bertujuan untuk membatalkan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta 370 yang tidak lagi diperlukan berbangkit daripada pindaan yang dibuat oleh akta yang dicadangkan.

Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan yang kecil atau yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965" dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.12 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengalu-alukan pembentangan rang undang-undang untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965. Namun demikian saya tidak bersetuju dengan beberapa pindaan ke atas peruntukan perkara yang ada kerana ia disifatkan lebih keras dan menekan kepada orang ramai terutama syarikat dan firma yang berkaitan dari masa sebelumnya.

Timbul pertanyaan sejauh manakah seriusnya masalah wang tak dituntut berlaku dalam masyarakat kita sehingga memaksa kerajaan membentangkan rang undang-undang sedemikian rupa. Atau adakah ia satu helah kerajaan mencari hasil kerajaan dalam keadaan paksaan kepada rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa takrif wang tak dituntut dalam konteks di sini tidak diperjelaskan. Apakah maksud jenis-jenis wang tak dituntut di sini kerana makna sangat luar dan ini akan membebankan syarikat yang terbabit kerana apa sahaja wang yang tidak dibayar bagi tempoh tidak kurang setahun akan

menyebabkan pengurusan syarikat dibebankan kerja mengemukakan penyata dan didaftar serta merebetkan wang tersebut.

Terdapat masalah wang tak dituntut berlaku kerana para pemiliknya tidak sedar atau tahu bahawa wang mereka dalam akaun syarikat terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, usaha hendaklah diambil sebelum ini diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut untuk mengesan para pemiliknya. Apa yang berlaku selama ini syarikat atau firma mendiamkan diri sahaja wang tersebut tanpa memberitahu pemilik dengan bertujuan mereka boleh mendapat faedah simpanan dari wang tersebut.

Sikap mendiamkan diri ini saya rasa menjadi sebab utama berlaku wang tak dituntut. Pihak pengurusan syarikat hendaklah memberitahu pemilik melalui surat berdaftar atau disiarkan melalui media massa seperti akhbar supaya pemiliknya maklum tentang perkara ini. Jika selepas beberapa tempoh pemilik tidak juga menuntut wang tersebut maka tindakan menyerahkan wang kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut boleh dilakukan.

Bukan ini sahaja khidmat wakil rakyat boleh meminta untuk mengesan pemilik wang tak dituntut kerana penyiaran dalam *Warta* tidak memberi apa-apa. Kerajaan rakyat Malaysia tidak membaca *Warta* kerajaan kecuali mereka yang tahu. Wang ini ialah wang orang awam, maka tiada siapa berhak untuk mengambil wang tersebut walaupun kerajaan sendiri.

Dalam hal ini, saya ingin memastikan kerajaan sejauh mana peruntukan harus terus berlaku dan berapa jumlah wang tak dituntut yang sudah melebihi tempoh 15 tahun. Mengapa kita mesti mengetatkan undang-undang ini dan sejauh mana telah berlaku kesalahan pelanggaran peruntukan undang-undang yang ada? Berapa ramai sebenarnya para peniaga yang tidak menghantar penyata dan merebetkan wang tersebut dan jumlah kepada pendaftar bagi tempoh setakat 13 Disember 2001?

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pindaan yang ada, saya mendapati dalam Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 8(c) bahawa semua wang yang perlu dibayar tetapi tidak dibayar bagi tempoh tidak kurang setahun selepas ia patut dibayar hendaklah dipinda supaya menjadi dua tahun kerana lebih sesuai.

Tempoh satu tahun terlalu singkat dan membebankan para peniaga dan syarikat untuk mematuhi kehendak undang-undang seperti menghantar daftar dan *remit* wang kepada kerajaan. Dalam tempoh dua tahun itu para peniaga dan syarikat atau firma hendaklah berusaha memastikan wang tersebut dibayar kepada pemilik sahaja. Ini dibuat supaya selaras dengan *sub-section C* iaitu semua wang yang dikredit dalam akaun perdagangan yang beku tidak kurang dua tahun.

Ini akan mengurangkan beban jabatan sendiri dan menghadapi kekurangan kakitangan dan meringankan tugas para peniaga dan pengurusan syarikat sendiri. Terdapat juga kes yang mana pihak bank akan membekukan akaun orang ramai. Syarikat atau pertubuhan yang tidak aktif bagi tempoh kurang dari tujuh tahun sedangkan undang-undang memperuntukkan ini sebaliknya.

Kadangkala bukan mana-mana orang atau pertubuhan sengaja tidak aktifkan akaun mereka atas berbagai sebab. Pihak bank pula tidak sewajarnya cepat-cepat menutup atau memindahkan wang dalam akaun tersebut kepada akaun wang tak dituntut. Ini menyusahkan pihak pemilik atau pemegang amanah untuk menarik balik wang tersebut. Pihak bank tidak boleh memberi alasan. Akaun tak aktif ini menyusahkan mereka dan perlu dipindahkan.

Sebelum melakukan tindakan pemindahan akaun pihak bank hendaklah memanggil atau sekurang-kurangnya menghantar surat kepada pemegang akaun supaya mengaktifkan akaun mereka bagi tempoh tertentu.

Berhubung dengan cadangan hukuman bagi mereka yang tidak mengadakan atau menyenggara daftar semua wang tidak dituntut dan tidak pula mengemukakan penyata daftar serta meremitkan wang tersebut kepada pendaftar yang dicadangkan, dinaikkan dari RM3,000 ke maksimum RM20,000 dan kesalahan yang berterusan, denda harian tidak kurang RM1,000. Saya membantah sepenuhnya kerana amaun ini sangat tinggi. Ini juga termasuk bagi kesalahan tidak mewartakan wang tidak dituntut.

Kesemua ini termuat dalam Fasal 5 dan 6. Apakah wajar dan justifikasi bagi wang yang tidak disenggara daftar dan dimaklumkan kepada pendaftar, amaun kecil seperti di bawah RM5,000, maka si peniaga boleh disabitkan kesalahan dengan hukuman denda RM20,000 kerana menyimpan wang dalam akaun mereka sedangkan mereka tidak menyalahgunakan wang tersebut. Sebab itulah saya kata tadi, peruntukan ini terlalu keras dan menyusahkan para peniaga serta orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, jika kesalahan itu dikompaunkan pula seperti dalam peruntukan Fasal 12, iaitu dikompaun 50% dari amaun maksimum RM20,000, para peniaga masih lagi perlu mengeluarkan wang untuk membayar kompaun RM10,000 iaitu lebih tinggi dari denda asal. Tidakkah ini membebaskan para peniaga? Saya tidak membantah peruntukan hukuman dalam rang undang-undang ini, tetapi amaunnya atau hukumannya biarlah munasabah dan tidak keterlaluan.

Jika wang tidak dituntut disenggara dengan baik, tidak perlu tempoh 15 tahun sebelum ia dipindahkan dari Akaun Amanah Disatukan ke Akaun Hasil Disatukan, tempoh 10 tahun pun sudah memadai. Syaratnya ia mematuhi syarat seperti dimaklumkan kepada pemilik, menerbitkan dalam akhbar dan Warta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak bersetuju dalam wang tidak dituntut dan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Hasil Disatukan tidak dikenakan faedah. Ini bererti, para pemilik bila menuntut hanya membayar amaun asal yang patut mereka menerimanya tetapi mengapakah rakyat kita perlu membayar denda faedah bagi amaun yang lewat dibayar kepada kerajaan seperti cukai pendapatan, cukai pintu dan lain-lain lagi. Apakah bezanya di antara kedua-duanya? Amaun yang *due* kepada kerajaan kena bayar faedah, dan yang *due* kepada orang awam, kerajaan enggan membayarnya. Inilah yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang ramai yang hendak membuat siasatan dalam mendaftar, *fees* dikenakan kepada si pencari. Saya harap amaun yang dikenakan hanya token sahaja seperti satu atau dua ringgit sahaja. Bagi syarikat yang tidak menyerah wang yang bukan wang tidak dituntut, sungguhpun peruntukan undang-undang menyifatkan wang itu dalam Seksyen 10(2) tidak wajar dikenakan hukuman ke atas peniaga atau pengurusan syarikat yang tidak menyerah wang tersebut kerana langkah ini suatu paksaan undang-undang ke atas rakyat iaitu mana-mana orang atau syarikat atau firma yang memegang lebih wang tidak bergerak dalam akaun bagi tempoh tersebut, akan tertakluk kepada hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ini suatu cara untuk memeriksa atau memantau pergerakan wang rakyat dan syarikat? Jika lebihan wang itu tidak digunakan wajib diserahkan kepada kerajaan, ini satu langkah ke belakang. Saya tidak fikir ada syarikat yang rela wang mereka diserahkan kepada kerajaan daripada mereka menggunakan wang tersebut untuk tujuan perniagaan atau pembayaran. Oleh itu saya mencadangkan Fasal 10 yang mencadangkan Seksyen 14(1) dimansuhkan kerana ia langkah keterlaluan kerajaan untuk mencari hasil negara.

Cukai yang dibayar oleh syarikat dan firma sudah memadai, bukan memaksa rakyat menyerah wang yang tidak digunakan untuk kegunaan kerajaan. Jika langkah ini dipaksakan ke atas syarikat, saya fikir akan banyak syarikat yang memohon pengecualian Menteri supaya syarikat mereka dikecualikan daripada peruntukan undang-undang. Cuba kita lihat Fasal 12(4), semua wang kompaun akan diremitkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Disatukan yang menjadikan hasil kerajaan bagi kesalahan para peniaga dan syarikat yang sengaja diperangkap oleh undang-undang ini.

Dengan ini, saya membantah peruntukan-peruntukan fasal yang tidak sesuai dan hendaklah dimansuhkan atau dikaji semula sebelum diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kubang Kerian.

3.20 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil bahagian sedikit sahaja. Saya mempunyai sedikit pengalaman tentang wang tidak dituntut baru-baru ini apabila saya membaca Warta yang kita edarkan dalam sidang April pada setiap tahun. Di dalam Warta tersebut didapati satu laman yang tebal – wang-wang yang tidak dituntut termasuk di jabatan-jabatan

kerajaan. Dan kemudiannya apabila saya semak bagi peringkat negeri Kelantan, didapati berbelas-belas juta ringgit wang tidak dituntut bagi Jabatan Imigresen dan Kastam.

Apabila saya menghubungi beberapa pihak yang nama mereka tersiar dalam Warta tersebut, dan mereka telah cuba untuk mendapatkan semula wang mereka daripada jabatan berkenaan tetapi tempoh tamat sudah berlalu iaitu Warta kita dikeluarkan serentak dengan tamatnya tempoh ini. Apa yang saya hendak tekankan ialah bahawa saya menyokong pandangan Bukit Bintang bahawa pendeposit dan orang-orang yang terlibat dengan wang yang tidak dituntut sebenarnya tidak mempunyai maklumat tentang kedudukan wang yang harus mereka tuntutan.

Ini adalah sangat penting kecuali kerajaan berhasrat sebagaimana saman ekor untuk mengutip wang dengan kadar yang agak cepat daripada sumber-sumber ini untuk dijadikan akaun hasil atau kerajaan memang berhasrat supaya orang berkenaan mendapat semula wang mereka. Jika kerajaan mempunyai hasrat untuk memberikan semula wang pihak-pihak yang tidak menuntut yang jumlahnya adalah sangat besar pada setiap tahun, seharusnya kita memberatkan tanggungjawab untuk mengiklankan ataupun memberikan maklumat kepada tuan-tuan punya wang ini supaya mereka mengambil inisiatif menuntut semula wang mereka.

Rakan saya tadi apabila telah gagal mendapatkan semula wang dalam jumlah yang besar iaitu untuk membawa pekerja-pekerja asing, kadang-kadang dikenakan paling minimum ialah RM250 satu orang dan bayangkan jika mereka membawa beratus-ratus orang pekerja asing. Dan sebahagian daripada mereka boleh jadi tidak mempunyai keratan resit yang asal tetapi dalam Warta kita, ia adalah lengkap – nama pendeposit, alamat mereka dan juga jumlah deposit yang mereka letakkan serta nombor resit. Akan tetapi maklumat ini datang terlalu lewat iaitu tarikh tuntutan telah ditutup, barulah mereka mendapat maklumat daripada wakil rakyat yang prihatin sampai baca Warta yang begitu tebal, Tuan Yang di-Pertua.

Itu adalah satu kelemahan kita. Seharusnya kita memberi peluang untuk mereka membuat tuntutan dengan cara mengiklankan dalam surat khabar supaya dengan itu mereka mendapat tahu dan kemudian jika mereka masih tidak menuntut, kita bolehlah menjadikan akaun hasil kerana kerajaan kita pun kurang wang untuk berbelanja pada masa-masa akan datang.

Kemudian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak tahu daripada kementerian, kita ada syarikat-syarikat judi yang mengadakan cabutan dan juga beberapa aktiviti perjudian dan saya yakin sebahagian daripada pemenang-pemenang ini tidak menuntut hasil ataupun hadiah mereka. Saya ingin tahu berapakah jumlah wang-wang dalam syarikat-syarikat judi yang utama, yang besar, yang tidak dituntut sehingga kini dan jumlah yang wujud, dan adakah ini *target* kerajaan untuk mengubah wang ini menjadi hasil negara. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan.

3.27 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua, tiga soalan untuk mendapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, wang yang tidak dituntut di Seksyen 8 (b) – "*all sums of money to the credit of an account that has not been operated in whatever manner by the owner for period of not less than seven years.*". Ini berkenaan dengan *savings account* atau dalam perbankan. Ramai suri rumah tangga atau orang-orang yang kurang pengetahuan, sekiranya mereka ada sejumlah wang mereka simpan dalam bank dan selepas itu mereka tidak pergi *up-date*, dengan izin, buku akaun mereka dan selepas tujuh tahun wang itu boleh disalurkan kepada akaun kerajaan. Ini memang tidak adil kepada mereka yang kurang pengetahuan. Saya ingin bertanya di sini sama ada usaha untuk mengesan si pendeposit atau orang-orang yang buka akaun dalam bank ini bagi memanggil mereka untuk datang *up-date* atau untuk menuntut wang yang mereka simpan itu.

Yang kedua, sedemikian juga dengan KWSP, ada juga pekerja-pekerja mereka yang mungkin telah meninggal dunia dan anak-anak mereka atau keluarga mereka tidak mengambil tahu sama ada si mati itu ada sejumlah wang dalam KWSP. Dan saya yakin si pencarum itu mesti ada alamat-alamat tetap dan adakah KWSP juga

cuba berusaha dengan mengesan si pendeposit itu dan dibayar kepada waris-warisan mereka yang sepatutnya menerimanya dan sebelum jumlah wang yang sedemikian dideposit kepada akaun kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanyakan juga berkenaan dengan akta ini sama ada ia terlibat dengan Pegawai Pemegang Harta atau *Officer Assignee* dalam sesuatu syarikat yang telah bankrap atau digulung tikar, maka harta mereka dipegang oleh Pegawai Pemegang Harta dan Pegawai Pemegang Harta akan meyelongkan aset-aset atau harta mereka dan selepas itu dibayar kepada mereka yang ada berhutang.

Adakan tujuh tahun ini atau yang lebih teruk lagi (c) *“all sums of money to the credit of a trade account which has remained dormant for a period of not less than two years”* – dua tahun sahaja. Dan sama ada Pegawai Pemegang Harta juga tergolong dalam akta ini, iaitu bermakna, Pegawai Pemegang Harta mesti menyelesaikan kes seperti ini dalam masa dua tahun atau tujuh tahun atau pada suatu tempoh yang ditetapkan oleh akta ini. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

3.30 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil beberapa minit untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2002 ini.

Dalam masyarakat dan negara kita ini banyak sekali masalah wang tidak dituntut ini mungkin berkaitan dengan budaya yang kita tiru daripada masyarakat negara-negara lain yang mungkin di dalam konteks negara kita disalahgunakan oleh syarikat-syarikat untuk tujuan kepentingan komersial mereka. Ini saya rujuk kepada betapa terlalu banyak khidmat swasta diusahakan dengan mewajibkan pelanggan-pelanggan membayar deposit, dan apabila deposit dituntut dan khidmat itu tidak berlaku atau khidmat itu berakhir, maka masalah pelanggan ini ialah untuk mendapatkan balik deposit-deposit mereka itu.

Kita tahu deposit ini ada baiknya, tetapi ada juga deposit-deposit ini yang berbentuk amat eksploitasi seperti contoh-contohnya deposit untuk menempah rumah misalnya, deposit untuk menempah kereta motor misalnya dan lain-lain lagi. Sudah tentulah deposit untuk jadi calon pilihan raya berbentuk deposit yang amat kita bantah tetapi itu bab lain dan mungkin kita akan bahas seterusnya dalam kes yang lain. Tetapi deposit-deposit pembelian barangan atau khidmat ini kadangkala begitu mudah dikenakan oleh syarikat-syarikat dan saya hendak tahu sama ada kementerian ada berusaha untuk membuat beberapa syarat supaya syarikat-syarikat ini tidak semudah itu mengenakan deposit dan apabila khidmat tidak dilakukan ataupun sudah tamat, misalnya jika pendeposit itu berhajat untuk membeli kereta dan membayar deposit, tetapi akhirnya membuat keputusan tidak mahu membeli kereta itu. Yang saya tahu dan alami wang deposit itu dipegang oleh syarikat ini. Sama ada kementerian berhajat untuk mengawasi supaya syarikat-syarikat tidak semudah itu mengenakan deposit tentang dan terhadap khidmat yang mereka berikan. Kalau ini, saya fikirkan kerajaan memberi sedikit pertimbangan mungkin wang-wang deposit ini akhirnya tidak menjadi masalah sebagai wang yang tidak dituntut.

Keduanya, saya juga ingin membantu kementerian dalam soal ini dengan mencadangkan supaya selain daripada syarikat-syarikat dikenakan syarat untuk mengiklankan senarai wang dan nama orang-orang yang tidak menuntut wang mereka, mungkin syarikat juga disyaratkan untuk menggunakan cara-cara lain seperti membuka talian telefon hotline ataupun dalam zaman teknologi IT ini membuka laman web untuk membolehkan dan mempermudah pelanggan-pelanggan dan orang ramai yang ingin mengetahui tentang sama ada mereka, keluarga mereka dan kawan-kawan mereka ataupun sebagai wakil rakyat, anak-anak rakyat kita yang ada wang dalam senarai wang tidak dituntut di syarikat-syarikat yang tertentu ini boleh melayari laman web ini dan juga kalau akhirnya bertemu nama yang mereka cari itu, boleh menggunakan kemudahan *website* ini dan juga melalui talian hotline ini untuk menghubungi pihak-pihak syarikat dan Pendaftar Syarikat untuk mendapatkan balik wang-wang yang berkenaan. Jadi, itu dua pandangan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen menjawab.

3.34 ptg.**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Kubang Kerian, Bagan dan Tumpat atas minat mereka untuk membahaskan rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini. Oleh kerana isu-isu yang dibangkitkan itu adalah *overlapping*, dengan izin, iaitu lebih kurang sama, maka izinkan saya menjawab secara umum ataupun secara menyeluruh tanpa merujuk kepada spesifik isu yang dibentangkan oleh setiap Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tadi.

Keempat-empat Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang sejauh mana seriusnya isu yang berkaitan dengan wang yang tidak dituntut ini dan adakah kerajaan meminda undang-undang ini sebagai satu cara untuk mendapatkan hasil bagi pihak kerajaan. Sebenarnya sangkaan Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidaklah begitu tepat. Pindaan ini dibuat kerana kita dapati wang-wang yang tidak dituntut ini jumlahnya agak besar. Kalau saya boleh sebutkan di sini iaitu jumlah yang terkumpul hingga sekarang ini, iaitu sehingga 31 Mei 2002 sejumlah RM1.8 bilion yang terkumpul setakat ini, maka kerana itulah kerajaan merasakan perlu kita berbuat sesuatu supaya masalah ini dapat kira kurangkan, dan bukan niat kerajaan untuk mendapatkan hasil. Malah kerajaan bertindak sebagai penyelamat (*custodian*) wang-wang itu kerana bila-bila masa sahaja orang-orang yang terlibat dengan isu ini boleh datang kepada Akaun Hasil Disatukan ataupun kepada Akaun Amanah Disatukan untuk menuntut balik wang mereka dan mereka boleh bertanya kedudukan sebenarnya dengan membayar fees yang ditanya oleh Bukit Bintang tadi yang munasabah, tidak membebankan dan biasanya kita tidak mengenakan caj apa-apa. Ertinya, kita hendak menyelamatkan wang rakyat. Wang yang tidak dituntut itu hendak diselamatkan oleh kerajaan sebagai penyelamat, penjaga (*custodian*) wang-wang tersebut. Maklumlah bila sudah masuk ke dalam Akaun Hasil Disatukan maka ia akan digunakan bersama-sama dengan wang yang lain. Tetapi kalau tidak wujud perkara ini pun kerajaan tidak akan mengharapkan apa-apa daripada sumber wang yang tidak dituntut ini. Jadi, kerajaan bertindak sebagai penyelamat dan menjaga wang tersebut dan bila-bila masa sahaja mereka boleh datang dan menuntut wang mereka dan mereka boleh pastikan bahawa wang mereka adalah terjamin, selamat dan sentiasa dijaga oleh pihak kerajaan. Jadi, bukan niat kerajaan untuk meminda akta ini sebagai satu daripada sumber hasil kepada kerajaan.

Isu yang kedua yang saya sebutkan ialah bahawa syarikat-syarikat atau firma-firma tidak memberitahu - ini disentuh oleh keempat-empat orang Ahli Yang Berhormat - gagal memberitahu kepada mereka yang terlibat melalui iklan-iklan yang dicadangkan tadi iaitu akhbar dan sebagainya. Setakat ini nama-nama mereka yang terlibat itu dimestikan bagi pihak syarikat atau firma menghantar nama-nama tersebut dengan senarai yang lengkap kepada pihak Pendaftar Wang Tak Dituntut setiap tahun selepas 31 Disember sehingga *end of March*, dengan izin. Mereka perlu menyiapkan senarai siapa yang terlibat, berapa jumlah atau amaun yang terlibat kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. Ini adalah wajib bagi mereka, dan kegagalan mereka berbuat demikian mereka akan didenda maksimum RM20 ribu.

Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ada sebut bahawa jikalau mereka menyimpan duit RM5,000 tak dituntut, selepas itu kena fine RM20,000 ini tidak adil. Bukan begitu Yang Berhormat. Sebenarnya itulah maksimum, penalti itu maksimum RM20,000. Mungkin kalau disimpan duit sikit, gagal berbuat demikian setakat RM5,000 mungkin kena RM50, mungkin kena RM100. Yang RM20,000 disebutkan itu ialah maksimum, bukannya mandatori, bukannya satu yang mesti, tidak, ini budibicara. Jadi, saya rasa tidak ada unsur-unsur kezaliman, penindasan di sini kerana kita mahu supaya setiap firma dan pihak-pihak swasta ataupun pihak syarikat itu mematuhi peraturan ini dan tidak mengabaikan tugas mereka. Jadi, yang RM20,000 itu ada maksimum, bukan satu penganiayaan, penindasan dan sebagainya.

Dengan sebab itulah kita dapati syarikat-syarikat atau firma ini lalai dalam menjalankan tugas mereka, kerana itu kita kenakan penalti yang agak tinggi supaya ini sebagai satu penghalang (*deterrent*) kepada mereka, tidak mengabaikan tugas, malah mereka harus peka dan prihatin terhadap kepentingan wang mereka yang terlibat. Daripada segi cadangan supaya diiklankan di akhbar pada masa-masa akan datang dan di mana-mana media yang mungkin menjadi bahan bacaan umum, kerana warta kerajaan disebutkan tadi tidak dibaca oleh orang ramai, maka mungkin kita akan teliti. Kerana ini cadangan yang baik mudah-mudahan maklumat ini sampai terus kepada

mereka yang terlibat. Kita akan teliti cadangan seperti ini. Kalau ianya praktikal, kalau boleh kita lakukan itu kita sentiasa fleksibel dalam perkara ini dan sentiasa mahu supaya masyarakat dilindungi sebaik-baiknya.

Tadi fees telah saya sentuh. Juga Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyentuh syarikat-syarikat judi. Mengenai syarikat judi ini Yang Berhormat saya minta maaf kerana saya tidak ada pecahannya untuk wang yang tidak dituntut daripada syarikat-syarikat judi. Insya-Allah, kalau saya ada akses ke arah ini saya akan cuba dapatkan maklumat ini secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan menyentuh seorang penyimpan dalam tabung KWSP meninggal dunia dan berapa simpanan ayahnya tidak diketahui oleh anak-anaknya dan ini satu akta yang berlainan Yang Berhormat, jadi tidak termasuk dalam akta ini. KWSP tertakluk kepada Akta KWSP.

Yang Berhormat juga sentuh pemegang harta, sampai masa tidak dituntut ia akan dilelong, juga tidak termasuk di bawah akta ini kerana ada tiga kategori yang terlibat dalam akta ini ialah pertama iaitu definisi wang yang tidak dituntut. Saya bacakan dalam bahasa Inggeris, "*All sums of money which are legally payable to the owner and have remained unpaid for a period of not less than one year after they have become payable,*" termasuklah gaji, bonus, dividen dan sebagainya. Ini dikatakan pemiutang pelbagai, ini kategori pertama.

Yang kedua tadi, "*All sums of money to the credit of an account,*" ini untuk akaun-akaun bank, *dead account* misalannya.

Kategori ketiga ialah dinamakan *trade account* iaitu pemiutang dagangan. Jadi, dalam konteks pemegang harta di mana harta dilelong dalam tempoh yang ditentukan itu tidak termasuk dalam pindaan akta ini.

Yang Berhormat bagi Tumpat ada menyentuh tentang.....

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi saya ada kata berkenaan dengan (b) iaitu *savings account* atau akaun dalam bank, kalau selama tujuh tahun tidak pergi *update* atau tidak memperbaharui atau tidak digunakan atau tidak memasukkan wang atau mengeluarkan wang, maka ia akan jadi *unclaimed money*, wang yang tidak dituntut. Tujuan saya adalah untuk menyuruh kerajaan supaya memastikan syarikat-syarikat kewangan atau bank-bank untuk memberitahu sipendeposit itu atau orang yang simpan duit itu berkenaan dengan hal ini dan bukan biarkan begitu sahaja.

Selepas tujuh tahun, ia akan dimasukkan ke akaun kerajaan dan sebelum wang ini dimasukkan ke akaun kerajaan, maka kerajaan mesti memastikan bahawa syarikat kewangan ini ada bukti-bukti bahawa beliau telah dengan sedaya-upaya untuk *contact* orang yang simpan wang itu.

Misalannya, saya masih ingat apabila saya belajar di sekolah menengah, mungkin pada masa itu tahun 1962. Pada masa itu ada satu kempen untuk murid-murid membuka akaun bank dan pasukan bank itu datang ke sekolah untuk merayu murid-murid supaya buka akaun bank. Pada masa itu, RM1 sahaja boleh buka satu akaun bank dan mungkin ada ramai murid seperti saya. Mungkin saya ada simpan, saya masih ingat RM10 tetapi selepas itu tidak peduli langsung berkenaan dengan akaun itu dan alamat yang saya pakai itu, sehingga hari ini masih ada, 40 tahun, alamat saya masih ada tetapi tidak ada sesiapa memberitahu saya bahawa saya ada sejumlah RM10 dalam bank itu dan saya pasti wang ini mesti menjadi wang yang tidak dituntut dan dimasukkan ke akaun kerajaan.

Sebab itu saya kata, ada ramai suri rumah tangga atau orang-orang yang kurang pengetahuan, mereka pada satu masa ada sejumlah wang dan mereka takut ia hilang, simpan dalam bank dan selepas itu mungkin beliau tidak ada wang lagi. Beliau ingat selepas 10 tahun, mungkin dia boleh keluarkan wang itu.

Jadi, tujuan saya ialah untuk merayu kepada kerajaan supaya memastikan syarikat-syarikat kewangan boleh memaklumkan kepada orang-orang yang simpan wang itu bahawa dia ada sejumlah wang sebelum wang itu diserahkan kepada kerajaan.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan di atas *concern* tersebut. Cuma saya merasakan bank-bank ini agak sukar untuk berhubung dengan pelanggan-pelanggannya. Kadang-kadang mungkin sudah bertukar alamat dan berpindah ke tempat lain. Cuma dalam kes Yang Berhormat, Yang Berhormat masih ingat lagi simpanan RM10 itu dan alamat juga masih belum bertukar, jadi ini kes mudah. Kalau sudah begitu, Yang Berhormat boleh pergi ke Akaun Amanah Disatukan ini untuk menuntutnya.

Tetapi bagi saya, cadangan itu mungkin baik, cuma agak sukar bagi pihak bank untuk mengesan pelanggan-pelanggan mereka kerana kebanyakannya kalau sudah simpan berpuluh-puluh tahun dahulu, sekarang ini mungkin sudah berpindah ke tempat lain, jadi agak sukar bagi pihak bank untuk mengesan pelanggan-pelanggan. Tetapi adalah lebih mudah, Yang Berhormat, kalau pelanggan ini tahu serba-sedikit seperti berapa dia simpan dan di mana dia simpan, pergi ke pendaftar wang tidak dituntut ini, lebih mudah daripada bank yang terpaksa meneliti seluruh pelanggan mereka, di mana mereka berada, hendak menghubungi mereka, lebih susah.

Lebih senang kalau *each* pelanggan pergi dan menuntut wang mereka dan saya rasa pihak bank tidak mungkin berdaya atau tidak mampu berbuat demikian, Yang Berhormat tetapi kita boleh cadangkan supaya kalau mereka mampu tetapi bagi saya, mereka tidak berupaya berbuat demikian...

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Bukan bererti saya hendak menuntut sejumlah wang yang saya kata itu tetapi adalah sukar untuk orang ramai untuk pergi menuntut wang daripada kerajaan. Maksud saya, sekiranya si pendeposit itu ada buka satu akaun di dalam satu bank dengan sejumlah wang dan selepas 10 tahun, mungkin beliau hendak pergi balik ke bank itu untuk mengeluarkan wang itu tetapi diberitahu bahawa wang itu telah diserahkan kepada kerajaan sebagai wang yang tidak dituntut kerana kalau ikut akta ini, ia kata tujuh tahun sahaja.

Seperti yang kita tahu bahawa kalau hendak menuntut wang dari kerajaan, memang satu perkara yang akan mengambil masa yang lama. Dalam tangan saya, ada satu kes di mana seorang pencarum *tax payer* yang ada wang yang masih tinggal di *income tax*. Beliau telah meninggalkan dunia dua tahun yang lalu dan ahli keluarganya telah datang kepada saya untuk menolong beliau menuntut keluar wang masih ada dalam *income tax* tetapi sehingga sekarang, apa-apa berita pun tidak ada diberi.

Jadi, menuntut wang dari kerajaan bukan senang. Ia akan mengambil masa satu tahun atau dua tahun, mungkin tiga tahun. Jadi, usaha kerajaan ialah hendak memastikan syarikat-syarikat yang ada pegang wang itu supaya memaklumkan kepada pendeposit itu sebelum wang itu diserahkan kepada kerajaan. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat masih lagi *insist* supaya pihak-pihak bank ini menghubungi pelanggan. Tadi saya telah nyatakan kesukarannya tetapi kita akan cuba supaya pihak bank sebelum dia menyerahkan wang ini kepada pihak Akaun Amanah Disatukan, seboleh mungkin menghubungi pelanggan-pelanggan mereka. Mana yang bolehlah. Mungkin kes yang agak boleh dihubungi. Ini boleh dijadikan satu cadangan dan kita akan ambil perhatian terhadap pandangan Yang Berhormat itu.

Saya juga hendak sentuh Yang Berhormat tadi bahawa proses menuntut wang bahawa proses menuntut wang yang tidak dituntut ini, kalau semua *particulars* atau butir-butirnya lengkap, kita cuba memprosesnya mungkin dalam masa sebulan dan boleh kita selesaikan. Tetapi kalau tidak lengkap, mungkin lebih lama dan kita akan terus meneliti supaya pemunya wang itu dapat kembali wang yang dituntutnya.

Yang Berhormat bagi Tumpat tadi ada menyebut tentang supaya kerajaan tidak mengenakan syarat iaitu supaya tidak semudah itu deposit dikenakan oleh syarikat-syarikat, misalnya syarikat perumahan dan sebagainya. Memang kita akui banyak deposit yang diperlukan untuk membeli rumah dan sebagainya dan setakat ini kerajaan tidak ada satu mekanisme yang memantau ataupun mengawal secara khusus tetapi kita akan ambil perhatian mengenai perkara ini supaya di masa-masa akan datang, tidak semudah itu bagi syarikat-syarikat mengambil wang deposit daripada pelanggan mereka dan walaupun mereka perlu mengambil wang-wang deposit itu, mereka perlu dikenakan syarat-syarat yang ketat dan jelas supaya wang-wang itu dapat dikembalikan kepada para pelanggannya dengan mudah jikalau mereka tidak jadi membeli rumah tersebut.

Mungkin juga ini satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat bagi Tumpat supaya syarikat-syarikat membuka laman *web* dan *hotline* supaya dapat dikesan mereka yang mempunyai wang simpanan dalam Akaun Amanah Disatukan dan memudahkan mereka menuntut balik wang mereka dan kita ambil perhatian terhadap pandangan Yang Berhormat dan akan kemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Saya rasa saya sudah sentuh sedikit sebanyak keempat-empat Ahli Yang Berhormat bangkitkan dan saya rasa tidak ada apa-apa lagi yang ingin saya bangkitkan. Saya ucapkan terima kasih lagi sekali kepada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Tumpat kerana menyertai perbahasan pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967" dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan menyediakan peruntukan untuk menjadikan Tioman sebagai pulau bebas cukai dan mengemaskinikan beberapa peruntukan yang sedia ada berhubung Labuan dan Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Kastam 1967 ini melibatkan 12 pindaan kepada peruntukan sedia ada dan perwujudan tujuh peruntukan baru berhubung dengan Tioman. Saya mohon menghuraikan fasal-fasal utama yang terdapat dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 adalah bertujuan memasukkan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa pindaan ke atas Akta Kastam 1967 iaitu tarikh kuat kuasa Tioman sebagai pulau bebas cukai yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 2 dan 6 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 154 dan 163A bagi memasukkan perkataan "Tioman" sebagai berada di luar "kawasan utama kastam" (KUK). Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, duti import ke atas barangan petroleum adalah dimansuhkan dan digantikan dengan cukai jualan pada 1 Januari 2000. Dengan itu Fasal 3 dan 7 bertujuan meminda subseksyen 155 (1)(a) dan 163B (1)(a) bagi mengeluarkan barangan petroleum kerana ianya tidak lagi berduti import. Walau bagaimanapun Menteri mempunyai kuasa untuk mengenakan duti import ke atas barangan berduti apabila diperlukan.

Seksyen-seksyen lain yang terlibat dengan pindaan yang sama adalah Seksyen 158, Seksyen 160, Seksyen 163E dan 163G di bawah Fasal 4, 5, 9 dan 10. Fasal 8 ialah bertujuan untuk meminda Seksyen 163C iaitu berkaitan dengan kebenaran menggunakan borang atau dokumen lain dengan tujuan untuk

mempercepatkan urusan kastam ke atas pengeksporan barangan dari Tioman ke KUK.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Fasal 11 bertujuan untuk memperkenalkan bahagian 19C ke dalam akta bagi mengadakan peruntukan khas berhubung dengan Tioman sebagai sebuah pulau bebas cukai seperti berikut:-;

- (a) Seksyen 163J bertujuan untuk memberi takrif tentang skop Tioman bukan sahaja terdiri dari Pulau Tioman tetapi termasuk juga pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat. Selain dari itu Tioman juga ditakrif sebagai berada di luar KUK;
- (b) Seksyen 163K pula menyediakan peruntukan supaya duti import dan duti eksport tidak dikenakan ke atas barang-barang yang dibawa masuk ke Tioman atau keluar dari Tioman. Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan diberi kuasa untuk mengenakan duti-duti tersebut apabila diperlukan;
- (c) Seksyen 163L adalah peruntukan mengenai penguatkuasaan kastam ke atas pergerakan barang-barang masuk ke Tioman atau keluar dari Tioman;
- (d) Seksyen 163M ialah peruntukan mengenai tanggungjawab orang yang menjaga mana-mana *vesse/* atau pesawat udara untuk membuat akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Tioman ke KUK;
- (e) Seksyen 163N pula menyediakan peruntukan barang-barang berduti hendaklah disifatkan tidak berduti semasa berada di Tioman kecuali barang-barang lain yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah subseksyen 163K (1) (a);
- (f) Seksyen 163O adalah menyediakan peruntukan bagi membolehkan penyediaan peraturan pengutipan cukai ke atas barangan yang dibawa masuk ke Tioman atau keluar dari Tioman; dan
- (g) Seksyen 163P adalah bertujuan memperuntukkan mengenai pulang balik duti ke atas barangan yang dibawa ke Tioman.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tumpat.

4.05 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan, yang saya fikir akan menjadi bertambah hangat selepas ini, berkenaan dengan rang undang-undang untuk meminda Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ialah untuk khususnya dan terutamanya, memberikan status yang baru kepada satu pulau di pantai timur Semenanjung Malaysia, iaitu Pulau Tioman, untuk dijadikan kawasan bebas cukai. Ini adalah dari segi sejarahnya, tempat yang ke empat saya fikir dalam negara kita, yang dijadikan sebagai pulau bebas cukai. Sudah tentu yang pertama, dari sudut sejarah lagi ialah Pulau Labuan, keduanya, Pulau Pinang, ketiganya, Pulau Langkawi dan keempatnya, pulau yang akan diisytiharkan mengikut Warta, Pulau Tioman ini.

Pulau Pinang, oleh sebab-sebab yang tertentu, ditarik statusnya daripada menjadi pulau bebas cukai kepada kawasan percukaian yang biasa, dan hari ini kita diminta untuk meluluskan suatu undang-undang untuk membolehkan Pulau Tioman dijadikan pulau bebas cukai. Soalan utama yang kita kena fikir, bincang dan bahaskan

dan mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan ialah, daripada pengalaman kerajaan dalam mewujudkan kawasan-kawasan, khususnya pulau-pulau bebas cukai ini, apakah kebaikan-kebaikan yang diperolehi oleh negara.

Kalau kita perhatikan, kalau matlamatnya seperti Langkawi, untuk menarik pelancong ataupun untuk membangunkan suatu kawasan wilayah utara Pantai Barat Semenanjung, maka saya secara pengalaman peribadi, merasakan yang pelancong-pelancong, terutama sekali pelancong-pelancong asing, tidak sangat mengagap Langkawi itu sebagai suatu tempat membeli-belah yang boleh dan telah menarik mereka ke sana. Saya tidak menafikan ada pelancong-pelancong dalam negeri, yang pada tahun-tahun awal Langkawi diisytiharkan bebas cukai, yang pergi ke sana dan barangan-barangan yang mereka beli ialah barangan-barangan yang nilainya adalah amat rendah, yang biasanya boleh didapati daripada kawasan-kawasan di sebelah Thailand ataupun seperti kawasan saya di Tumpat, di Pengkalan Kubur, di Rantau Panjang, dan di tempat-tempat lain seperti itu.

Jadi, keuntungan menjadikan sesuatu pulau seperti Langkawi sebagai kawasan bebas cukai sekadar untuk menarik pelancong, nampaknya tidaklah begitu berjaya. Sebaliknya, dikaji dan diakui kesan sosialnya kepada masyarakat - ekonominya kepada masyarakat tempatan, adalah amat buruk. Bebasnya cukai kepada minuman keras misalnya, dan rokok pula, telah mewujudkan suatu kebudayaan yang baru di kalangan orang-orang yang mungkin tidak begitu mudah terdedah kepada amalan ini, ataupun jika pun ada kecenderungan untuk beramalan seperti itu oleh kerana harga yang disebabkan oleh cukai rokok dan minuman keras akan menjadi tinggi, tidak melakukannya, tetapi oleh kerana Langkawi dijadikan pulau bebas cukai yang mengakibatkan harga rokok dan minuman keras menjadi amat murah, maka berlakulah kejadian di mana masyarakat-masyarakat tempatan telah nampaknya melakukan amalan-amalan yang tidak baik, sama ada dari sudut agama ataupun dari sudut, saya fikir, dasar negara, dasar Kerajaan Barisan Nasional sendiri.

Ini yang saya fikir perlu dikaji dengan amat mendalam oleh kerajaan, yang tiba-tiba tanpa apa-apa pengumuman awal, tanpa apa-apa kajian oleh entah MAPEN, entah EPU atau apa-apa, tiba-tiba ingin mengisytiharkan Tioman pula sebagai suatu kawasan bebas cukai. Pengalaman Labuan, yang dahulunya kawasan bebas cukai yang terawal dan kemudiannya dijadikan pula kawasan kononnya IOFC – *International Offshore Financial Centre*, untuk menarik pelaburan ataupun wang dan institusi-institusi kewangan asing dan sebagainya, sudah tentu tidak berjaya lagi, khususnya selepas negara mengumumkan dasar *financial* atau *capital control* dalam tahun 1998 yang lalu.

Jadi, inilah soalan yang saya fikir pihak kerajaan mesti menjelaskan – kenapa tiba-tiba Tioman hendak dijadikan pulau kawasan bebas cukai? Adakah kerana sebab-sebab politik yang tertentu, adakah desakan-desakan tertentu, adakah ini suatu usaha kononnya untuk mengharap yang, oleh kerana kemaraan parti-parti pembangkang menang di negeri Pahang dalam pilihan raya 1999 yang lalu, maka langkah-langkah tertentu mesti diambil dan langkah tertentu itu berbentuk mengisytiharkan Tioman sebagai pulau bebas cukai, saya fikir ini juga perlu dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini.

Kalau pun Tioman hendak dijadikan pulau bebas cukai, adakah kerajaan mengkaji dan melaksanakan persiapan-persiapan untuk menjadikannya kawasan bebas cukai. Kita semua tahu, jalan raya di Pantai Timur, tidak kira Kelantan, tidak kira Terengganu, tidak kira Pahang pun, masih lagi dalam keadaan tahap yang amat rendah. Adakah cukup laluan jalan raya daripada kami di Kelantan misalnya, hendak turun ke bawah, untuk pergi ke Rompin, atau entah ke mana, untuk kita mengambil feri, atau adakah kerajaan bercadang untuk membina jambatan pula daripada Tanah Besar ke Pulau Tioman? Adakah kerajaan bercadang untuk membina suatu laluan baru kereta api melalui Pantai Timur supaya memudahkan rakyat untuk ke Pulau Tioman? Adakah kerajaan bercadang untuk mempunyai jalan kereta api terus daripada Kuala Lumpur ke Pekan atau ke mana pun, untuk memudahkan kita ke Tioman, dan sebagainya?

Jadi, ini saya fikir perkara-perkara yang saya harap pihak kerajaan benar-benar telah membuat kajian supaya keputusan untuk kemudiannya mengumumkan Pulau Tioman sebagai suatu kawasan bebas cukai ini, bukan sekadar suatu keputusan untuk tujuan-tujuan yang tidak dapat dipertahankan untuk zaman yang akan datang ini. Jangan hendaknya keputusan ini hanya keputusan untuk kepentingan politik yang sementara, dan jangan ianya mengulangi apa yang sudah pun kita lihat berlaku di

Langkawi, yang Perdana Menteri sendiri yang merupakan orang yang memelopori idea menjadikan Langkawi kawasan bebas cukai ini, terpaksa mengakui bahawa ianya tidak menguntungkan pun masyarakat tempatan di Langkawi sendiri, yang sama ada rugi dari segi mudah menjual tanah mereka kepada pelabur-pelabur, ataupun terlalu tamak untuk mengharapkan wang yang begitu banyak dari harta yang mereka ada di Langkawi ketika itu.

Jadi, pengalaman Langkawi, kegagalan yang sudah pun berlaku di Labuan, dan sebab mengapa Pulau Pinang akhirnya ditarik balik statusnya sebagai kawasan bebas cukai, mestilah dijelaskan kepada kita untuk dapat kita memahami, dan jika kita memahami, untuk kita menerima, untuk menjadikan Tioman ini suatu kawasan bebas cukai yang baru dalam negara kita.

Jadi, inilah perkara-perkara Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sebutkan, untuk diberi perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan dalam usahanya untuk kita menerima akta bagi meminda Akta Kastam 1967 ini. Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap juga? Okay, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Yang Berhormat bagi Kemaman, sila.

4.15 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini yang mengisytiharkan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai.

Akhir-akhir ini kita melihat kehilangan fokus kerajaan untuk membawa pelabur-pelabur ataupun pelabur asing ke dalam Malaysia sehinggakan terpaksa melakukan perkara-perkara yang tidak *conventional* dalam penarikan pelabur-pelabur asing ini. Kita lihat bahawa dalam segi sektor-sektor lain kerajaan telah kehilangan minat pelabur untuk melabur dalam negara kita seperti di sektor perkilangan, pembuatan dan sebagainya. Jadi, terpaksalah kerajaan fokus kepada bidang pelancongan dan sebagainya.

Tetapi apa yang menyedihkan kita ialah apabila kita memberi ruang pembukaan Tioman ini ke kawasan bebas cukai, kita dapati bahawa fokus yang diberikan kebanyakannya ialah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat ini ialah pembelian barang-barang seperti arak, rokok dan sebagainya, tidak kepada barangan-barangan yang dikeluarkan dari dalam negara kita. Jadi fokus untuk memperbanyakkan jualan barangan tempatan tidak kesampaian. Jadi, kawasan-kawasan bebas cukai ini telah menjadi tempat import daripada barangan luar dan yang menarik minat pembelian barang-barang bebas cukai ini ialah barang-barang mewah yang diimport daripada negara-negara luar dan tidak daripada barangan-barangan dari dalam negeri.

Juga saya ingin hendak tahu bahawa dari segi pendapatan negara sekarang ini, apakah sektor pelancongan ini daripada apa yang saya difahamkan ialah merupakan sektor yang paling tinggi yang *contribute* peningkatan kepada KDNK ini. Apa sudah jadi kepada sektor-sektor lain dari segi pengilangan dan sebagainya, di mana fokus kerajaan hari ini untuk memperbanyakkan, menarik pelaburan ke dalam sektor-sektor yang lebih kritikal dalam pembangunan negara. Kerana dari segi pelancongan ini tidaklah kritikal daripada segi pembuatan, pengilangan dan sebagainya.

Yang terakhir saya ingin membangkitkan dalam kita memberi pelbagai insentif untuk bebas cukai, kerajaan juga telah mengambil satu langkah yang cukup menganiaya rakyat iaitu menaikkan cukai petroleum dengan menaikkan harga petroleum sebanyak dua sen tanpa mengumumkan terlebih dahulu kepada rakyat sedangkan harga petroleum hari ini adalah rendah berbanding dengan dahulu lebih kurang USD27 satu tong, hari ini harga petroleum sudah jatuh USD17 satu tong dan mungkin rendah lagi. Tetapi apa yang berlaku rakyat terpaksa menanggung kenaikan harga petroleum.

Jadi, di mana justifikasi kerajaan dari segi memberi habuan bebas cukai untuk menarik pelancong, tetapi rakyat tempatan dianiaya dengan kenaikan harga petroleum. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

4.19 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2002 yang saya telah terangkan sebentar tadi.

Saya memang mengalu-alukan cadangan yang baik bagi kita menjayakan Pulau Tioman sebagai satu pusat pelancongan dan setelah ia diisytiharkan dijadikan sebagai satu pulau bebas cukai kita akan terima. Tetapi beberapa pandangan yang dikeluarkan oleh kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat ada yang berasas, tetapi ada juga yang tidak berasas. Tujuan utama untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai satu pulau bebas cukai adalah bertujuan untuk menjadikannya sebagai satu tarikan ataupun satu destinasi pelancongan yang lebih menarik khususnya untuk pelancong-pelancong dari luar negara.

Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, kalau berdasarkan dari pengalaman kita dahulu iaitu menjadikan Pulau Pinang, Labuan selepas itu diikuti oleh Langkawi sebagai pulau-pulau bebas cukai. Pengalaman telah memberitahu kita bilangan pelancong akan bertambah dengan begitu menggalakkan sekali. Kalau dikatakan selepas kita menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu pulau bebas cukai bahawa ia tidak menguntungkan rakyat tempatan, ini adalah merupakan satu pandangan yang tidak berasas. Oleh kerana setelah kita menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu pulau bebas cukai bilangan pelancongnya telah bertambah dengan begitu ketara sekali, sehingga sekarang kita telah menerima lebih daripada 1 juta pelancong ke Pulau Langkawi.

Oleh kerana industri pelancongan telah maju dan berkembang dengan begitu baik di Pulau Langkawi ia telah mewujudkan beribu peluang pekerjaan untuk orang tempatan dan beberapa projek-projek infrastruktur dan sebagainya telah pun dibawa ke Pulau Langkawi, di mana rakyat di Pulau Langkawi telah menikmati banyak faedah daripada perkembangan dari segi pelancongan ini. Maka saya tidak setuju juga bahawa Langkawi tidak menjadi satu tarikan pelancongan kepada pelancong asing.

Saya pernah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan selama 4½ tahun di mana saya memang tahu bahawa beratus ribu pelancong setiap tahun mengunjungi Pulau Langkawi bukan sahaja untuk menikmati *natural scenery*, dengan izin pantai dan sebagainya. Oleh kerana bila Langkawi dijadikan satu pulau bebas cukai, bukan sahaja barang-barang di situ tidak dikenakan cukai tetapi perkara seperti perkhidmatan, *service tax* tidak dikenakan juga. Maka di hotel sebarang perkhidmatan yang diberikan tidak dikenakan cukai perkhidmatan dan sebagainya. Maka ia memang sudah menjadi satu tarikan pelancongan yang sangat-sangat popular di Malaysia.

Maka kalau dikatakan selepas kita menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu pulau bebas cukai ia tidak menguntungkan rakyat tempatan, ini saya tidak setuju sama sekali.

Tuan Kong Cho Ha: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Lumut bangun.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pulau Pangkor juga adalah satu destinasi pelancongan yang banyak dilawati oleh pelancong dan supaya penduduk di Pulau Pangkor dan pelancong yang datang ke Pulau Pangkor menikmati manfaat seperti yang dinikmati oleh Pulau Tioman, Pulau Langkawi dan sebagainya. Adakah kerajaan bercadang menjadikan Pulau Pangkor sebagai satu pulau bebas cukai juga, kalau bukan sekarang mungkin di masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen yang mewakili juga Pulau Pangkor hendak mencadangkan bahawa Pulau Pangkor dijadikan pulau bebas cukai kita akan memberikan pertimbangan seseriusnya kerana memang setelah sesuatu tempat diisytiharkan sebagai kawasan bebas cukai banyak faedah yang boleh didatangkan.

Maka dengan tujuan ini kita bercadang untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai sebuah pulau bebas cukai. Saya cukup yakin setelah Pulau Tioman dijadikan pulau bebas cukai industri pelancongan akan berkembang dengan begitu pesat sekali khususnya untuk menarik pelancong-pelancong dari Singapura, Hong Kong, Taiwan dan sebagainya.

Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Tumpat bahawa mungkin setakat ini infrastruktur prasarana memang belum mencukupi, tetapi kalau kita menjadikannya sebagai sebuah pulau bebas cukai, kita boleh menarik lebih banyak *investments* ataupun pelaburan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas di Pulau Tioman.

Ini memang saya setuju, tetapi biar kita mula dahulu. Dahulu memang bila kita mengisytiharkan Langkawi sebagai pulau bebas cukai memang tidak mencukupi kemudahannya. *Flights* kurang, feri kurang, kemudahan hotel memang kurang, program-program pelancongan pun kurang, tetapi dalam tempoh yang singkat sekali Pulau Langkawi telah dijadikan satu tarikan pelancongan yang begitu menarik sekali.

Maka saya hendak memberikan keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa selepas pindaan ini diluluskan pihak kerajaan akan menjalankan langkah-langkah yang bersesuaian untuk menjadikannya sebagai satu pulau, satu destinasi pelancongan yang sangat-sangat menarik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tujuan kerajaan mengisytiharkan sesuatu pulau itu sebagai bebas cukai kerana hendak menarik pelancong-pelancong asing dan pelancong-pelancong tempatan demi untuk membantu pulau itu menjadi satu tempat yang lebih menarik untuk faedah orang-orang tempatan.

Yang pertama sekali saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berapa bilangan penduduk yang ada di Pulau Tioman ini? Dan juga sekiranya hendak menarik pelancong, satu *trend* perniagaan yang tidak sihat berlaku di Pulau Langkawi iaitu arak tiruan sangat berleluasa dijual di kedai-kedai bebas cukai di sana.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada ada mendapat pengaduan berkenaan arak dan rokok-rokok tiruan - yang bukan *genuine* - dengan izin, dijual di Pulau Langkawi ini?

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, saya sendiri tidak minum arak oleh kerana ini saya tidak dapat bezakan arak *genuine* atau arak tiruan ataupun rokok tiruan. Saya juga tidak menghisap rokok. [Ketawa] Walau bagaimanapun, saya akan siasat perkara ini, kalau ia berlaku kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga memberitahu bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah kehilangan fokus, terpaksa melakukan perkara yang tidak *conventional* termasuk terpaksa fokus kepada pelancongan. Ini saya tidak setuju sama sekali. Pelancongan ini merupakan satu sektor yang penting sekali dalam k-ekonomi, satu sektor yang sangat penting, sektor perkhidmatan, sektor yang boleh mendatangkan banyak faedah kepada negara.

Kita memberikan fokus kepada pembangunan industri pelancongan bukan kerana kita telah kehilangan fokus, kita memang hendak fokus. Ini memang merupakan satu arah yang sangat-sangat jelas untuk membangunkan ekonomi negara, dan pelancongan memang, pada masa yang akan datang ia memang boleh memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan negara sama dengan sektor k-ekonomi yang lain.

Ini memang merupakan satu pelan, satu rancangan pembangunan ekonomi negara untuk memberikan fokus yang secukup-cukupnya kepada pelancongan. Ini bukannya kerana kita kehilangan fokus, terpaksa fokus kepada pembangunan pelancongan. Ini memang tidak benarlah.

Maka ini sahaja yang saya dapat jawab

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupal bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang hendak membahaskan sedikit soal rang undang-undang ini tadi tetapi malangnya ada kawan hendak jumpa saya di luar. Jadi, saya terlambat. Jadi, saya minta *your indulgence*, Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang hendak bercakap. Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap atau hendak minta penjelasan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Penjelasan dalam ucapan, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang cukup yakin bahawa kerajaan boleh membangunkan Pulau Tioman macam mana kerajaan membangunkan Langkawi.

Dan, saya juga cukup yakin bahawa dengan sokongan semua pihak dan tidak mempolitikkan mana-mana isu yang kerajaan bawa, yang baik, yang bakal membawa hasil kepada negara, mencari rintangan ataupun halangan kepada perjalanannya. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya cukup yakin juga yang Pulau Tioman akan maju sama dengan Langkawi pada masa yang akan datang.

Jadi, ada perbincangan di antara Timbalan Menteri dengan Setiausaha Parlimen. Saya mungkin tahu apa dia punya ... [*Ketawa*] Jadi, Dato', saya hendak tanya soalan ini. Pada suatu ketika dahulu saya bertanya dengan kementerian, soalan Pulau Langkawi, iaitu soalan dia punya sewa rumah, sewa kedai, dan harga barang-barang yang mungkin meningkatkan nilai barangan-barangan jualan di Langkawi.

Jadi, dengan sebab yang sedemikian kedai-kedai *retail outlets* dan sebagainya itu walaupun *duty-free*, nilainya sama dengan di *Mainland* yang bukan mendapat *duty-free*. Jadi, ini mungkin saya salah, kalau saya salah minta tolong Timbalan Menteri jelaskan pada saya dan Dewan.

Mungkin harga-harga cukai rumah, kedai dan sebagainya tidak terkawal, mungkin juga harga tanah itu. Saya bukanlah hendak menghalang pihak tuan tanah menjual kepada peniaga yang membina kedai-kedai, kemudahan dan sebagainya selepas ini, tanah itu di *control price*, bukan tujuan saya. Tetapi mestilah ada batasan yang tertentu supaya benar-benar satu kawasan bebas cukai ini mencerminkan yang ia jauh lebih murah daripada tempat-tempat lain macam di Kuala Lumpur, Kuching, Bintulu, Johor Bharu, Pulau Pinang dan sebagainya.

Kerana ini dahulu kalau kita pergi ke Labuan - orang Sarawak suka pergi Labuan - masa itu hendak beli rokok, pergi Labuan; kalau bukan Islam yang hendak beli arak, pergi Labuan; semua pergi Labuan kerana murah. Walaupun dengan kos pengangkutan dan semua sekali, dia masih murah di bawa ke Miri ataupun di bawa ke Bintulu.

Jadi, dalam keadaan sedemikian apakah perancangan kerajaan supaya apa pengalaman kita yang berlaku di kawasan-kawasan lain seperti di Labuan dan Langkawi tidak akan berlaku di Pulau Tioman yang mana bebas cukai ini tidak ada perbezaannya dengan yang tidak bebas cukai oleh kerana implikasi sewa dan *charge* yang tidak berpatutan. Itu satu.

Yang kedua, soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah soalan kemudahan, tadi Dato' sudah sebut, insya-Allah kita akan capai tahap prasarana ataupun infrastruktur yang mencukupi untuk Pulau Tioman. Tetapi yang kita lihat sekarang ialah kalau Tioman itu dibangunkan saya cukup yakin bahawa pengangkutan dan sebagainya kelak akan juga diuruskan oleh pihak kerajaan dan di sini Pulau Tioman itu termasuklah berapa pulau lain, pulau-pulau lain - saya dari Sarawak jadi kurang arif nama-nama pulau, tetapi alhamdulillah dengan bil ini dapatlah tahu nama-nama pulau yang dikatakan kepulauan Pulau Tioman.

Soyak, Renjis, Tumbuk, ha ini Tumbuk ini, Tulai, Tulai di Sarawak ada juga Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Sarikei, Chebeh, Labas, Ipoi, Lanjahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tidak payah sebutlah. Yang Berhormat hanya dibenarkan untuk meminta penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Butir-butir itu semua tidak payahlah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, soalan, minta maaf ya, sekarang soalan. Soalan saya, masyarakat di sini saya hendak bertanya dengan kementerian berapa ramai penduduk yang ada

[Yang Berhormat Menteri Kesihatan memasuki Dewan]

Syukur alhamdulillah Menteri Kesihatan sudah datang. Ini yang saya tunggu ini, Menteri datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak ada kena-mengena dengan Menteri Kesihatan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak, saya hanya mengalu-alukan kedatangan Menteri Kesihatan dalam perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak ada Peraturan Mesyuarat yang membenarkan Yang Berhormat berbuat demikian, teruskan, kalau tidak, cukuplah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah berapa banyakkah masyarakat penduduk di kawasan ini dan apakah pendekatan yang dibuat supaya masyarakat di sini tidak berasa mereka tersempit oleh kerana kemasukan industri-industri besar, pedagang-pedagang besar ke tempat-tempat mereka dan apakah tindakan supaya mereka tidak kehilangan tanah, tidak kehilangan rumah oleh kerana prasarana yang bakal kerajaan ambil nanti akan menjadi implikasi politik kepada kita.

Saya pendekkan, tidak ada lagi soalan, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya suka memberitahu sedikit maklumat mengenai Pulau Tioman, bilangan penduduknya 3,201 orang, sebanyak lapan pulau sebagai taman laut, memang Pulau Tioman telah diisytiharkan sebagai sebuah taman laut dan keluasan pulau ialah 33,000 ekar tetapi untuk perkembangan cuma sebanyak lebih kurang 2% sahaja yang sesuai untuk dibangunkan, dan antara 33,000 ekar tanah ini sebanyak 62% adalah sebagai reserve mergastua, ini keadaan di Pulau Tioman.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat di Langkawi bahawa banyak jenis barangan di mana harganya tidak jauh beza ataupun tidak ada perbezaan kalau dibandingkan dengan barangan yang sama terdapat di *main land* oleh kerana banyak jenis barangan memang tidak dikenakan duti sekarang, baik di pulau bebas cukai ataupun di kawasan Kawasan Utama Kastam (KUK) memang tidak ada beza, kebanyakan jenis barangan yang kita dapati hari ini memang tidak dikenakan cukai, cuma barangan yang tertentu sahaja di mana harga boleh didapati jauh beza di kawasan KUK dan juga di kawasan bebas cukai.

Tetapi oleh kerana peningkatan ataupun kemajuan industri pelancongan di kawasan bebas cukai ini, maka ia telah menjadikan pertambahan bilangan penduduk dan sebagainya dan ini telah menjadikan harga seperti sewa rumah dan sebagainya lebih tinggi kalau dibandingkan dengan zaman dahulu sebelum ianya diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, tetapi oleh kerana pendapatan orang tempatan juga telah meningkat oleh kerana banyak peluang pekerjaan telah pun diwujudkan, walau bagaimanapun, kita memang memandang serius tentang dua, tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan kita akan mencari jalan untuk menyelesaikan beberapa perkara yang dibangkitkan itu.

Maka dengan itu, sekali lagi saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.44 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah sama tujuannya dengan Rang Undang-undang Kastam yang saya bantangkan sebentar tadi iaitu bagi menyediakan peruntukan untuk menjadikan Tioman sebagai bebas cukai dan mengemas kini peruntukan sedia ada berhubung dengan Labuan dan Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 ini melibatkan empat pindaan dan memasukkan lapan peruntukan baru berhubung dengan Tioman.

Saya mohon menghuraikan fasal-fasal utama yang terdapat dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 adalah bertujuan memasukkan peruntukan tentang tarikh kuat kuasa Tioman sebagai pulau bebas cukai yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta.

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan perkataan "Persekutuan" dengan "Malaysia" dalam Akta.

Fasal 3 dan 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 72 dan Seksyen 83 bagi memasukkan perkataan "Tioman" sebagai berada di luar Kawasan Utama Kastam (KUK) sebagaimana Labuan dan Langkawi.

Fasal 5 bertujuan memasukkan Bahagian XV11A baru ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 berhubung dengan peruntukan khas seperti berikut:

- (a) Seksyen 90A bertujuan untuk memberi takrif Tioman seperti mana cadangan Seksyen 163J, Akta Kastam 1967;
- (b) Seksyen 90B menyediakan peruntukan supaya cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang-barang yang diimport ke Tioman selain daripada barangan yang diisytiharkan oleh Menteri supaya dikenakan cukai;
- (c) Seksyen 90C menyediakan peruntukan supaya barang-barang yang dikilangkan di Tioman hendaklah disifatkan sebagai dikilangkan luar Malaysia;
- (d) Seksyen 90D adalah bagi memperuntukkan mengenai keperluan mengikrarkan barang-barang yang diangkut ke Tioman atau keluar dari Tioman seolah-olah Tioman berada di luar Malaysia;
- (e) Seksyen 90E adalah bagi memperuntukkan mengenai tanggungjawab orang yang menjaga *vesel* atau pesawat udara membuat akuan tentang barang-barang yang diangkut keluar dari Tioman;
- (f) Seksyen 90F adalah bagi memperuntukkan barang-barang bercukai jualan tidak dikenakan cukai semasa berada di Tioman kecuali yang diisytiharkan oleh Menteri dari masa ke semasa sebagai barangan bercukai;

- (g) Seksyen 90G membenarkan Menteri membuat peraturan mengenai pungutan cukai jualan ke atas barang-barang yang akan diangkut keluar dari Tioman atau diangkut masuk ke Tioman, batasan atau sekatan vesel dan pesawat udara yang digunakan pada dan pelesenan ke atas orang atau vesel atau kapal udara yang mengangkut barang-barang; dan
- (h) Seksyen 90H bertujuan memperuntukkan mengenai pulang balik cukai ke atas barang-barang bercukai jualan yang diangkut ke Tioman.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan perkataan Tioman ke Bahagian XIV dan XVII Seksyen 95 bagi memperuntukkan bahawa cukai jualan perlu dibayar ke atas petroleum yang dikilang di Tioman, diimport ke Tioman dan di eksport dari Tioman atau diangkut ke atau dari Tioman seperti mana diperuntukkan kepada Labuan dan Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tumpat sila.

4.50 ptg.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 yang dimaklumkan sebentar tadi khusus untuk kita dengan khususnya menjadikan Pulau Tioman pulau bebas cukai, selepas kita luluskan rang undang-undang ini yang membolehkan kerajaan mengisytiharkan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya penjelasan daripada pihak kementerian ialah cadangan Fasal 2 untuk meminda supaya perkataan "Persekutuan" digantikan dengan perkataan "Malaysia". Ini saya fikir perlu dijelaskan kerana ini merujuk kepada suatu perkara yang penting dalam Perlembagaan kita yang berbentuk "Persekutuan" ini supaya tidak ada syak wasangka, bahawa ada hasrat di pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk mengubah struktur yang penting dalam negara Malaysia ini sebagai sebuah negara "Persekutuan" supaya tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat jelas dan tidak dijejaskan dengan percubaan untuk menggantikan istilah-istilah kadangkala "Malaysia", kadangkala "Persekutuan".

Kerajaan-kerajaan negeri ada tanggungjawab misalnya jika ia berhasrat untuk meluluskan undang-undang Hudud, itu tanggungjawab kerajaan negeri dan sebagainya. Kerajaan Persekutuan ada tugas untuk membayar royalti minyak kepada kerajaan negeri, itu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Jadi jangan ambil kesempatan di sini untuk menyelitkan suatu pindaan yang mungkin akan mengaburkan status negara kita sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan.

Perkara kedua, yang saya ingin bentang dan ingin bahaskan di sini ialah berkaitan dengan bebas cukai ini, khususnya yang merujuk kepada arak dan rokok. Cukai di Malaysia dan cukai di kawasan-kawasan bebas cukai berlainan. Rakyat yang ada di Semenanjung, di tanah besar, mesti membayar cukai apabila membeli kereta, apabila membeli pakaian di kedai-kedai dan sebagainya dan apabila membeli untuk mengguna rokok dan minuman keras. Cukai ini dari satu sudut adalah sah untuk kerajaan mendapatkan hasil, *revenue* untuk kerajaan tetapi untuk rokok dan arak atau minuman keras, Kerajaan Malaysia dan kerajaan mana pun ada tujuan yang kedua, iaitu untuk melaksanakan suatu dasar untuk mengelakkan, untuk menyulitkan, untuk seboleh-bolehnya tidak membenarkan rakyatnya membuat amalan yang tidak baik seperti menghisap rokok dan meminum arak.

Apatah lagi Kerajaan Malaysia mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebuah negara Islam dan beliau sendiri sekali lagi mengisytiharkan diri beliau sebagai muslim fundamentalis. Jadi kalau beliau fundamentalis muslim, semua ahli-

ahli Barisan Nasional dalam Dewan ini sudah tentu tidak mahu, jadi bukan muslim fundamentalis.

Jadi berkaitan dengan hasil cukai arak dan rokok khususnya, takkanlah fundamentalis muslim hanya di tanah besar Malaysia, langkah pergi ke Tioman, pergi ke Langkawi, pergi ke Labuan sudah lagi tidak menjadi seorang fundamentalis muslim, sudah tidak ada dosa, tidak ada halangan untuk membeli rokok dan minuman keras.

Jadi ini saya fikir suatu pendirian moral yang amat penting, yang kerajaan menamakan dirinya kerajaan negara Islam ini, mesti tunjukkan dengan jelas dan ini adalah peluang yang terbaik untuk kerajaan membuktikan yang ianya ikhlas bahawa Malaysia ini adalah sebuah negara Islam.

Kalau sekadar di Semenanjung Malaysia susah atau mahal untuk beli rokok dan arak, tapi kalau di Langkawi, kalau di Tioman, kalau di Labuan dan sebagainya boleh, mudah, tanpa apa-apa cukai maka ini bermakna kerajaan, jelas tidak ingin melaksanakan Islam dalam pengertian yang sebenarnya.

Jadi saya fikir mestilah dipinda oleh pihak kerajaan, supaya yang lainnya hendak beli kereta bebas *sales tax*, *sales tax* lain bebas dan tidak ada payah bayar cukai, tapi untuk arak dan rokok mestilah kerajaan menepati prinsipnya, menepati dasarnya, menepati apa yang kerajaan namakan negara ini sebagai negara Islam, tidak membenarkan dan tidak melepaskan cukai kepada barangan seperti rokok dan minuman keras. Jadi inilah dua pandangan saya dan saya memohon pihak kerajaan supaya mengambil berat akan pandangan-pandangan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat dari Tumpat. Perkataan "Persekutuan" digantikan dengan "Malaysia" di Fasal 2 ini memang tidak mempunyai sebarang *hidden agenda*, tapi cuma bertujuan untuk mengemaskinikan dengan peraturan yang sedia ada. Ini merupakan satu langkah *standardization* saja. Memang tidak ada apa-apa agenda yang tersembunyi dalam pindaan akta ini.

Kita mewujudkan kawasan bebas cukai, memang dengan tujuan, termasuk harga arak dan rokok dan barang-barangan yang lain, yang mana harganya lebih murah. Ini memang satu langkah untuk menarik lebih ramai pelancong dan dalam perkara ini ia memang merupakan satu galakan kepada pelancong khususnya pelancong asing. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 6 -

4.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Fasal 6 peruntukan untuk meminda Seksyen 95, Akta 64 untuk memasukkan Tioman ke dalam peruntukan berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa kita pilih Tioman sahaja, dimasukkan bersama-sama dengan Labuan dan Langkawi. Apakah asas dan kriteria untuk memilih Tioman dalam mewujudkan kawasan bebas cukai.

Maksud saya ialah mengapa kalau pada masa yang dahulu Pulau Pinang sebagai pulau bebas cukai. Sebab apa, taraf ini diberhentikan di Pulau Pinang,

kemudian kita pilih pula Pulau Langkawi, Labuan dan sekarang Tioman. Apakah keistimewaan Pulau Tioman ini untuk dipilih sebagai pulau bebas cukai?

Saya pun tidak faham kecuali adakah ini bermakna penggalakan pelancongan dapat ditingkatkan dengan menjadikan Tioman sebagai pulau bebas cukai.

Tuan Pengerusi, Tioman yang sebenarnya bukan di Johor, sempadan, sempadan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Johor bolehlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan Johor boleh, kita pun hendak tahu apakah kriteria yang kita gunakan? Hah, hah, apakah kriteria? Sebab saya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi perkara ini tadi saya fikir Yang Berhormat bagi Tumpat sudah ada bangkit semasa dia membahaskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak. Dia ada bangkitkankah? Saya, saya ada di luar tadi, saya pun ada dengar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu yang masalah kita Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw: Ada di luar tetapi ada dengar....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak dengar, tidak ada di sini kita jadi susah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, di Perpustakaan pun kita boleh dengar, bukan masalah. Ada itu sistem suara di situ, PA itu, jangan anggap kita tidak ada di dalam Dewan itu, kita tidak boleh dengar. Kita boleh juga, cuma saya tidak nampak ada jawapan sahaja sebab itu saya bangkit semula. Tetapi mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri ada alasan untuk tidak menjawab. Tetapi saya percaya beliau pun ada mendalami masalah ini dan saya hendak tahu sahajalah, mengapa kita masukkan Tioman bukan kawasan-kawasan yang lain.

Daripada kajian kementerian, apakah manfaatnya yang kita dapati daripada berbuat demikian. Apakah selepas Labuan dan Langkawi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini sudah jawab tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa? Tadi apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Timbalan Menteri sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Jawab apanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini apa? Apa yang disoalkan tadi itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah jawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan sudah ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah jawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi saya nampak ada yang [*Bertanya kepada Ahli Parlimen pembangkang*] Ada jawabkah? Tak ada! [*Dewan riuh*] Tak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi walau bagaimanapun, kalau kita boleh mendapat untung kerana kita jadikan kawasan bebas cukai itu, maka saya setuju tetapi walau bagaimanapun, saya nampak saya bangkitkan hal ini sebab bila saya ada di Langkawi misalnya, saya nampak banyak barang itu misalnya batik. Batik, kalau hendak cari batik Malaysia susah di situ. Cari batik Indonesia ada banyak. Apa untung kita? Hah, ini masalah, masalah dan saya berharaplah dengan ada Tioman ini dimasukkan satu kumpulan bersama-sama dengan itu Labuan dan Langkawi kita boleh mempertingkatkan itu pelaksanaan syarat-syarat supaya kita boleh benar-benar mendapat untung.

Saya nampak satu siri rang undang-undang pun untuk maksud ini sahajalah, satu hari ini. Ini memang satu perkara yang penting, walaupun tidak ramai dan berminat di dalam hal ini kerana kutipan cukai kita itu lebih RM30 bilion. Lebih RM30 bilion dan kita memang ada satu kawasan bebas daripada kutipan cukai akan menjejaskan kita juga sedikit sebanyak di dalam kutipan cukai kita dan sebab itulah saya berharap Yang Berhormat dapat jawab sedikit sebanyak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong tidak ada pulaukah Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Kepong?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak ada pulau?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada tetapi ada FRIM itu. FRIM itu boleh dianggap lebih cantik daripada pulau. Banyak pokok yang cantik dan berharga dan bersejarah. Itu memang lebih baik daripada pulau kalau kita hendak kira.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan 90D kita ini, pindaan, pengangkutan barang-barang dari atau ke Tioman atau dari kawasan utama kastam. Jika barang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam atau dari kawasan utama kastam ke Tioman maka peruntukan akta ini hendaklah dengan apa-apa ubahsuainya dan penyesuaian yang perlu terpakai seolah-olah barang-barang itu telah diimport masuk ke dalam atau mengikut mana-mana yang berkenaan dieksport keluar dari kawasan utama kastam dari atau ke suatu tempat di luar Malaysia dan tanpa menjejaskan keluasan tersebut di atas peruntukan-peruntukan Bahagian IX hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Tioman dari kawasan utama kastam atau dari Tioman ke kawasan utama kastam dan bagi orang dan kenderaan *vesse/* dan kapal udara yang mengangkut barang-barang itu seolah-olah Tioman ialah suatu tempat di luar Malaysia.

Tuan Pengerusi, sebab perenggan ini panjang. Panjang, dan dengan istilah undang-undangnya itu memang suatu perkara yang rumit kerana di dalam bahasa undang-undang, memang ia pusing situ, pusing sini. Susah hendak kita faham. Saya sebenarnya tidak begitu faham dengan peruntukan pindaan ke atas peruntukan ini sebab saya bukan seorang peguam dan susah hendak kita faham.

Sebab itulah saya berharap satu penjelasan diperlukan untuk kita sama-sama memahami keadaan sebenarnya dan di akhir sekali bagi 90G, pemungutan cukai di Tioman. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah Seksyen 61, Akta, Menteri boleh membuat peruntukan mengenai pungutan di Tioman atas cukai jualan yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hampir hendak diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam atau ke Tioman dari kawasan utama kastam sering kali disebut mengenai kawasan utama kastam di sini, apakah maksud kawasan utama kastam ini?.

Mengenai batasan atau sekatan *vesse/* dan kapal udara yang boleh digunakan untuk mengangkut barang-barang itu dan mengenai pelesenan atau pengawalan orang atau *vesse/* atau kapal udara yang mengangkut barang-barang itu.

Tuan Pengerusi, di sini saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan apa yang dimaksudkan oleh Kawasan Utama Kastam ini untuk peruntukan 90 (g) ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Machang.

5.05 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]: Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk merujuk kepada bil ini, kepada rang undang-undang ini iaitu Seksyen 90 (f) yang mengatakan bahawa barang itu bila di Pulau Tioman itu tidak akan dikenakan cukai dan selagi di Tioman tidak akan dikenakan cukai. Pada masa ini saya nampak bahawa banyak barang yang dibawa masuk ke negara kita ini dengan secara haram, *illegal* dan kita tengok berita-berita di surat khabar dan sebagainya. Saya ingin mengetahui sama ada apabila kita mewujudkan kawasan bebas cukai seperti Pulau Tioman dan sebagainya, adakah kita cukup persediaan untuk melawan atau mencegah pelarian, penyeludupan barang-barang dari Pulau Tioman ke tanah besar kita.

Saya rasa dengan lulusnya rang undang-undang ini, mungkin Pulau Tioman akan menjadi sebuah pulau yang akan bergerak maju dan mungkin menjadi tempat

untuk dimajukan ataupun kilang-kilang ditubuhkan di sana untuk mendapatkan faedah daripada pembebasan cukai ini. Saya rasa bahawa kalau kita tidak ada persediaan, mungkin akan ada gerakan-gerakan di sana sama ada barang-barang dimasukkan ke Pulau Tioman kemudian kerana Pulau Tioman tidak dikenakan cukai kemudian dengan secara haram dibawa ke Semenanjung Malaysia.

Begitu juga barang-barang yang dikilangkan, dikeluarkan di Pulau Tioman akan datang ini, mungkin akan diseludup ke tanah besar kita. Adakah kerajaan telah mengambil kira dalam hal-hal seperti ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri, sila.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kepong dan Machang. Kebanyakan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong telah pun dibahaskan secara panjang lebar dan saya telah pun memberikan jawapan di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat menyatakan FRIM di kawasan Kepong ini, saya hendak membetulkan, FRIM di kawasan saya – Selayang, bukan di kawasan Kepong.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat Kepong tanya tentang apa ertinya KUK ini – Kawasan Utama Kastam. Kawasan Utama Kastam di sini bererti Malaysia selain daripada pulau bebas cukai dan zon bebas, tertakluk kepada cukai dan duti. Ertinya di tempat di mana duti akan dikenakan iaitu Malaysia selain daripada kawasan bebas cukai.

Yang Berhormat tanya mengapa Tioman dipilih untuk dijadikan satu pulau bebas cukai. Pulau Tioman dianggap sebagai sebuah pulau yang begitu indah dan juga terkenal sebagai suatu destinasi pelancongan. Maka kita bertujuan selepas diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai, kita harap kita akan meningkatkan lagi perkembangan dan pembangunan industri pelancongan di Pulau Tioman ini. Maka pada masa yang akan datang kalau kita isytiharkan pulau-pulau yang lain, Yang Berhormat janganlah tanya mengapa pulau ini, Pulau Pangkor, Pulau Redang, Pulau Perhentian.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun tertarik kepada jawapan tadi. Kalau kita bandingkan Pangkor misalnya dengan Tioman, apakah kelebihan Tioman kalau kita bandingkan dengan Pangkor, mengapa Pangkor tidak dijadikan pulau bebas cukai? Perkara ini memang timbul dan setahu saya keistimewaan Tioman satu lagi kerana keluang. Keluang yang singgah di Tioman dan dipercayai keluang ini membawa virus seperti virus Nipah, dibawa oleh keluang daripada Tioman juga. Itu keistimewaan Tioman. Mungkin Tuan Pengerusi belum tahu lagi ada keluang di Tioman.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu keluang ada di Kluang, Johor.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Keluang ada di Kluang tetapi keluang di situ tidak ada banyak keluang. Mungkin pada masa yang lampaulah ada keluang, sekarang tinggal nama sahaja. Saya berharap kriteria yang digunakan boleh diterangkan dan banyak pulau lagi di Malaysia ini dan adakah ini bermakna kita akan adakan banyak lagi pulau sebagai kawasan bebas cukai termasuk FRIM sebenarnya dipanggil di Kepong. Walaupun dalam pilihan raya di dalam Selayang tetapi sebenarnya daerah Kepong itu.

Dato' Chan Kong Choy: Tidak betullah Yang Berhormat, Kepong di Wilayah Persekutuan, FRIM di negeri Selangor! Mana boleh dijawab dalam daerah Kepong. Mana ada daerah Kepong, daerah Gombak. Ia berada di daerah Gombak, bukan di daerah Kepong. *[Tepuk]*

Yang Berhormat menyentuh tentang Pulau Pangkor, jangan bimbanglah! Sebelum Yang Berhormat masuk, Ahli Parlimen Yang Berhormat bagi Lumut yang

mewakili Pangkor telah pun membangkitkan perkara ini dan kita akan memberikan pertimbangan kalau sekiranya ada permintaan secara rasmi dari mana-mana pihak termasuk kerajaan negeri.

Yang Berhormat Machang menyentuh tentang kekhawatirannya mengenai aktiviti penyeludupan selepas Tioman dijadikan pulau bebas cukai. Maka dalam hal ini pihak kastam akan melebihi aktiviti pencegahan penyeludupan seperti rondaan laut di persekitaran Pulau Tioman. Sekian, terima kasih.

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Dato' Chan Kong Choy: Saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah sama dengan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2002 dan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2002. Rang undang-undang untuk meminda Akta Eksais 1976 ini melibatkan empat pindaan iaitu;

Fasal 1 mengenai tarikh kuat kuasa bagi pindaan akta bagi Tioman.

Fasal 2 bagi menggantikan perkataan "Persekutuan" dengan "Malaysia"; sementara Fasal 3 dan 4 untuk meminda Seksyen 88 dan Seksyen 91B dengan membatalkan rujukan barangan berkenaan tidak berduit eksais lagi.

Fasal 5 bertujuan memasukkan peruntukan baru berhubungan dengan Tioman seperti berikut:

Seksyen 91E memberi tafsiran kepada perkataan "Tioman" dan Seksyen 91F mengenai peruntukan bagi barang-barang yang dikilangkan dikenakan duit eksais selain yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan.

Seksyen 91G menyediakan peruntukan supaya barang-barang yang berduit eksais yang dikilangkan di Tioman hendaklah disifatkan sebagai barang-barang yang dikilangkan di luar Malaysia; dan

Seksyen 93H adalah berkenaan dengan barang-barang yang dikilangkan di KUK hendaklah disifatkan sebagai eksport apabila dipindahkan ke Tioman.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada orang. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca bagi kali kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah sama dengan pindaan di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Eksais 1976. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ini mempunyai empat pindaan.

Fasa 1 adalah berhubung dengan tarikh kuat kuasa Tioman sebagai pulau bebas cukai.

Fasal 2 bertujuan menyediakan peruntukan untuk memasukkan Tioman di bawah subseksyen 1(l) bagi maksud Akta Cukai Perkhidmatan tidak terpakai di Tioman.

Fasal 3 adalah mengenai takrif Tioman sebagai pulau bebas cukai dan menyediakan peruntukan supaya perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan dari KUK ke Tioman tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS
(PINDAAN) 2002**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Dato' Chan Kong Choy: Saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk menyelaras pindaan yang serupa yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 ini melibatkan dua pindaan. Fasal 1 adalah mengenai tarikh kuat kuasa Tioman dan Fasal 2 bertujuan memberi takrif tentang skop Tioman, bukan sahaja terdiri daripada Pulau Tioman tetapi termasuk juga pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat serta juga mengeluarkan daripada KUK.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada usul-usul penangguhan, jadi saya minta Yang Berhormat Menteri untuk membawa cadangan.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

5.29 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokongan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Amar Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Menghentikan Saman Pengusaha Gerai dan Restoran

5.30 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik Dewan yang mulia ini mengenai tindakan pegawai-pegawai DBKL yang menjalankan pemeriksaan ke atas tempat-tempat perniagaan seperti pusat makanan, pusat penjaja dan pasar yang mana mereka telah mengambil tindakan ke atas para peniaga dan penjaja yang didapati melanggar undang-undang kecil penjaja dan peniaga kecil seperti mengambil pekerja-pekerja asing yang dikatakan menyalahi peraturan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kepada para penjaja ini, pegawai DBKL telah mengeluarkan saman ke atas mereka kerana mengambil pekerja-pekerja asing sebagai pembantu am atau pembantu kedai tanpa kebenaran DBKL.

Tindakan menyaman penjaja-penjaja seperti di Pasar Pudu sungguh memeranjatkan kerana pekerja-pekerja asing dari Indonesia dan Bangladesh yang diambil bekerja ialah pekerja asing yang sah yang mendapat kebenaran bekerja daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Jika mereka sudah dibenarkan bekerja di negara ini seperti yang dipohon oleh majikan-majikan mereka, mengapakah ini masih menjadi satu kesalahan undang-undang yang harus dikompaunkan atau disabitkan kesalahan di mahkamah?

Saya kira peraturan ini keterlaluan dan sebagai tidak perlu serta menyusahkan para peniaga. Selain pihak imigresen membenarkan, dan para pekerja dan bukan pekerja haram yang memasuki Malaysia tanpa izin, tidak harus menjadi kesalahan yang besar dan boleh disabitkan.

Interpretasi dan peraturan ini bermakna jika penjaja pasar mengambil pekerja-pekerja asing tanpa kebenaran, dia akan dikenakan tindakan undang-undang oleh dua agensi kerajaan. Satu ialah pihak berkuasa tempatan seperti DBKL dan yang kedua oleh Jabatan Imigresen Malaysia sendiri. Tidakkah tindakan ini satu yang membebankan? Mereka terpaksa memikul dua pertuduhan bagi satu kesalahan yang sama.

Sepuluh pasar dalam Kuala Lumpur yang mempunyai lebih kurang 1,000 pekerja telah didenda kerana telah mengambil pekerja asing. Setiap penjaja mengambil pekerja asing seramai dua orang. Kesalahan tersebut telah dikompaunkan sebanyak RM300 setiap satu.

Syarat dan peraturan ini hendaklah dikaji semula bagi menyelaraskan antara kerajaan dan jabatan. Walaupun syarat ini termasuk pekerja tempatan tetapi ia tidak harus dijadikan kesalahan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, memadai jika mana-mana penjaja dan peniaga yang mengambil pekerja asing, mereka hanya dikehendaki mengemukakan kepada Jabatan DBKL atau pihak berkuasa tempatan, nama pekerja-pekerja yang bekerja dengan mereka bagi tujuan menyelaraskan dan mengeluarkan lesen atau permit penjaja sahaja. Tanpa maklumat tersebut, pihak berkuasa tempatan atau DBKL tidak berhak untuk tidak mengeluarkan lesen atau permit peniaga. Tolak-ansur ini adalah lebih baik dan menyenangkan para penjaja dan peniaga dan pelanggaran ini tidak wajar dikompaunkan.

Cuba bayangkan para penjaja terpaksa membelanjakan banyak wang untuk mengambil bekerja seseorang pembantu asing, terpaksa menguruskan kemasukan sah mereka, mendapatkan permit atau pas pekerjaan tetapi pada akhirnya mereka dikompaunkan kerana hanya tidak memaklumkan DBKL kerana mengambil bekerja pekerja asing.

Mereka sepatutnya boleh diberi amaran supaya mengemukakan nama pekerja asing yang diambil bekerja kepada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil kerana lesen penjaja telah dikeluarkan lebih awal dari tarikh mereka mengambil bekerja pekerja asing.

Harus diingat bahawa bukan semua sektor dapat menarik minat pekerja tempatan kerana terlalu memilih pekerja. Pekerjaan sebagai pembantu, bergelumang dengan kekotoran, kerja berat, tidak diminati oleh belia dan pekerja tempatan. Jika kekosongan ini tidak diisi dengan cepat dengan pekerja asing, sedikit sebanyak operasi perniagaan akan terjejas. Ditambah dengan peraturan ketat jabatan dan agensi kerajaan, para penjaja tidak ada pilihan kecuali menjalankan perniagaan dengan membantu pekerja asing tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu.

Saya berharap DBKL dan pihak berkuasa tempatan lain dapat bertolak ansur dan melonggarkan syarat lesen. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pelantikan pembantu di sektor penjajaan adalah dibenarkan. Ini adalah untuk memudahkan perniagaan seseorang pelesen. Walau bagaimanapun, pelantikan pembantu ini adalah tertakluk kepada undang-undang kecil, syarat-syarat dan prosedur yang telah ditetapkan. Mengikut undang-undang kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1989, Seksyen 19(1) tiada seorang pun pemegang lesen atau penjaja boleh mengambil kerja mana-mana pembantu tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Datuk Bandar.

Seksyen 19(2) undang-undang kecil yang sama, permohonan pelantikan pembantu hendaklah dibuat secara bertulis, disertakan maklumat-maklumat lanjut pembantu yang dilantik itu seperti salinan lesen penjaja, salinan kad pengenalan pembantu serta gambar terbaharu pembantu. Pelesen yang hendak melantik pembantu hendaklah mengisi borang permohonan pelantikan pembantu terlebih dahulu. Jika ia diluluskan, ianya hanya terhad kepada pembantu-pembantu yang terdiri daripada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas sahaja.

Kelulusan pelantikan pembantu oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah dibenarkan tetapi hanya di bawah sektor perkhidmatan dan ianya hanya tertakluk kepada syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar yang tidak membenarkan warga asing untuk melakukan aktiviti di sektor penjajaan sebagai pelesen atau pembantu adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia sendiri. Sektor penjajaan merupakan satu asas kepada seorang penjaja iaitu rakyat Malaysia untuk mencari rezeki dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka. Sekiranya warga asing dibenarkan untuk turut serta dalam sektor penjajaan ini, lama kelamaan mereka iaitu warga asing akan mengambil alih perniagaan rakyat kita.

Pada masa ini penglibatan warga asing dalam sektor perniagaan ini tanpa lesen sememangnya berlaku dan tindakan penguatkuasaan akan dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan peruntukan undang-undang kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen dipatuhi oleh pemegang-pemegang lesen. Terima kasih.

Penubuhan Mahkamah Syariah Persekutuan – Pandangan Ketua Hakim Negara

5.39 ptg.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamad Zaidin Abdullah di majlis memperingati Allahyarham Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim di Hotel Legend pada 27 April 2002 yang lalu amat menarik perhatian ramai.

Menurutnya sudah tiba masanya Mahkamah Syariah Persekutuan yang dicadangkan oleh Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim ditubuhkan bagi mewujudkan keseragaman dalam keputusan kes-kes syariah di seluruh negara, membentuk Kumpulan Pengguna Undang-undang Islam Malaysia dan mendengar kes-kes rayuan dari negeri, pentafsiran seragam mengenai keputusan kes rayuan akan membantu mengukuhkan keyakinan umat terhadap ajaran Islam dan amalannya.

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara mengutarakan pandangannya bahawa suatu pindaan perlu dibuat ke atas Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan pembatalan Akta Mahkamah Syariah yakni Perundangan Jenayah sebelum Mahkamah Syariah boleh mengendalikan kes-kes *Hudud*, *Qisas* dan *Ta'zir*. Ini kerana untuk membolehkan Mahkamah Syariah-Mahkamah Syariah mengendalikan kes-kes *Hudud*, *Qisas* dan *Ta'zir*, Jadual Kesembilan, Senarai 2 perlu dipinda. Manakala Akta Mahkamah Syariah yakni Perundangan Jenayah 1965 dimansuhkan.

Pandangan positif Yang Amat Arif itu selaras dengan perisytiharan Perdana Menteri bahawa Malaysia sebuah negara Islam. Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan gagasan ini dalam perspektif sewajarnya, penubuhan Mahkamah Syariah yang melibatkan pindaan Perlembagaan itu seharusnya diangkat ke hadapan Majlis Raja-Raja.

Sejarah membuktikan bahawa Hukum Kanun Islam telah dikuatkuasakan di negeri Melayu sebelum kedatangan Inggeris. Namun demikian British meminggirkannya dan memperkenalkan Kanun Keseksaan dan prinsip undang-undang Inggeris. Kini hampir setengah abad kemerdekaan, kita seharusnya mempunyai identiti dan jati diri tersendiri. Tidak lagi dikongkong sistem perundangan Barat yang serba asing tumbuh berkembang dalam persekitaran iklim budaya masyarakat Barat, digubal oleh dan untuk orang Inggeris dan memancarkan semangat Inggeris.

Agak mendukacitakan dalam menangani penyelesaian masalah-masalah jenayah dan sosial seumpamanya kes sumbang mahram, pemimpin UMNO dan kerajaan mencari penyelesaian mengikut acuan Barat. Ketua Puteri UMNO mencadangkan Hukum Kasi. Ingat kita ini kambing agaknya. *[Ketawa]* Manakala Menteri Besar Negeri Sembilan pula menyeru wanita memakai cawat besi...*[Disampuk]*

Mentaliti Barat kian sebatu kepada mereka dengan melupakan Al-Qur'an dan Al-Hadis sebagai sumber rujukan dan penyelesaian sempurna. Wajar disedari bahawa gejala keruntuhan akhlak di kalangan umat Melayu Islam hari ini ekoran mereka berpaling daripada peringatan Allah. Peningkatan kadar jenayah semasa terus meningkat walaupun kerajaan terus meminda dan memperketat hukuman berkenaan. Justeru itu bagi mengurangkan kadar jenayah berkenaan, perundangan Islam wajar kita cuba laksanakan.

Sehubungan dengan itu kebimbangan awam terhadap pelaksanaan undang-undang Islam menuntut supaya pemahaman yang betul mengenai konsep hukum jenayah dalam Islam mungkin inisiatif JAKIM atau badan seumpamanya perlu bagi mendidik dan membersihkan tanggapan negatif yang timbul.

Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

5.44 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Tun Mohamad Zaidin Abdullah di Majlis Memperingati Allahyarham Profesor Tan Sri Ibrahim di Hotel Legend pada 27 April 2002 yang lalu sememangnya memberikan impak yang besar ke arah arus perubahan perundangan di Malaysia. Pelbagai pendekatan telah diutarakan dalam pelbagai dimensi dengan objektif yang satu iaitu menggunakan sistem perundangan Islam.

Kerajaan sememangnya peka dengan perkara ini dan telah sejak sekian lama telah menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pengurusan masyarakat di Malaysia bukan hanya terhenti kepada perundangan sahaja, kerajaan melihat dari perspektif dan skop yang lebih luas. Perluasan penggunaan Sistem Muamalat Islam yang telah mula diterima oleh semua pihak di Malaysia sebagai contohnya akan membawa penghormatan kepada sistem itu sendiri dan kita harapkan ianya nanti akan membawa kepada perluasan bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi mengendalikan apa-apa pertikaian yang timbul daripadanya.

Kerajaan telah menyedari bahawa pewujudan Mahkamah Persekutuan Syariah dalam tempoh terdekat, perlu melibatkan pelbagai pindaan undang-undang, baik Perlembagaan Persekutuan mahupun undang-undang negeri. Justeru, kerajaan telah bertindak bagi mempercepat kita mendapatkan hasil atau matlamat penubuhan Mahkamah Persekutuan Syariah, iaitu penyeragaman, penyatuan pemakaian

perundangan dan kehakiman di Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negeri yang di bawah raja-raja pemerintah yang berlainan.

Tindakan ke arah penyeragaman pentadbiran undang-undang syariah di seluruh negara telah pun diambil, di mana kerajaan telah mewujudkan Skim Pegawai Syariah pada tahun 1995, Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah antara negeri-negeri pada tahun 1999. Dengan adanya skim perkhidmatan tersebut, pegawai-pegawai yang terlatih dalam bidang kehakiman dan perundangan syariah, akan dapat ditempatkan di Mahkamah-mahkamah Syariah dan pegawai-pegawai ini adalah di dalam klasifikasi Perundangan dan Kehakiman, iaitu di bawah Perkhidmatan 'L'.

Pegawai-pegawai Syariah ini juga boleh ditempatkan di Jabatan Peguam Negara, Biro Bantuan Guaman, Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama dan Pegawai-pegawai Penyelidikan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Kerajaan juga telah menubuhkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada penghujung tahun 1998, yang berperanan untuk memantau dan menyelia penyeragaman pentadbiran organisasi perundangan dan kehakiman Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh negara, di mana arahan-arahan amalan atau *practice direction*, dengan izin, dapat dikeluarkan dari semasa ke semasa, untuk diterima pakai oleh Mahkamah Syariah seluruh negara

Dalam masa yang sama, telah terdapat enam undang-undang yang seragam untuk diguna pakai di semua Mahkamah Syariah, yang telah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja. Kerajaan telah berusaha meningkatkan Mahkamah Syariah dengan penyusunan semula hierarki mahkamah dengan mewujudkan Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Satu penyusunan semula perjawatan di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah diluluskan, dengan mewujudkan Bahagian Rayuan dengan lima jawatan tertinggi, iaitu seorang Ketua Pengarah, iaitu Ketua Hakim Syarie dan empat Hakim Rayuan Syarie, yang akan menjadi Panel Rayuan bagi mendengar semua kes-kes peringkat rayuan apabila mereka dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan negeri-negeri.

Di sini saya mempertegaskan bahawa semua kerajaan negeri perlulah membuat beberapa pindaan dalam peruntukan pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan, akta atau enakmen Undang-undang Pentadbiran Mahkamah Syariah negeri-negeri, dan saya tegaskan sekali lagi bahawa negeri-negeri sepatutnya menerima dan melantik Hakim-hakim Rayuan JKSM ini sebagai Hakim Rayuan negeri-negeri. Dengan itu objektif untuk mewujudkan satu Mahkamah Rayuan Syariah peringkat Persekutuan akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah tanpa menyentuh kuasa mana-mana pihak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah ucapan-ucapan penungguhan pada hari ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.